



MALAYSIA

BELUM DISAHKAN

PERPUSTAKAAN
PARLIMEN
NO. 2

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I

Bil. 6

Hari Isnin

8hb Disember, 1986

KANDUNGANNYA -

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

(Ruangan 32)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 8hb Disember, 1986,

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PENDATANG HARAM

1. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) jumlah bilangan pendatang-pendatang haram di negara ini yang telah dihantar pulang ke negara asal mereka masing-masing sehingga 31hb Oktober, 1986;
- (ii) berapa ramaikah bilangan pendatang-pendatang haram setakat ini yang dapat ditangkap kerana penglibatan mereka di dalam kegiatan-kegiatan penjenayah, pencuri, rompak, samun dan lain-lain di negara ini; dan
- (iii) apakah suatu usaha yang lebih tegas setakat ini yang dibuat oleh Kerajaan bagi mencegah pendatang-pendatang haram memasuki ke negara kita.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat

Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang haram yang diusir keluar ke negara asal mereka dalam tahun ini iaitu sehingga 31hb Ogos, 1986 ialah seramai 8,577 orang. Dalam tahun 1985 dari jumlah 89,224 kes jenayah yang dilaporkan, 1,184 kes atau 1.33% adalah disyakki dilakukan oleh pendatang haram. Dalam tahun 1986, iaitu hingga akhir bulan Jun, daripada jumlah 47,391 kes jehayah yang dilaporkan, 737 kes atau 1.55% adalah disyakki dilakukan oleh pendatang haram.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sedang dan akan bertindak tegas terhadap semua pendatang haram di negara ini. Mana-mana pendatang haram yang dikesan akan terus ditangkap, didakwa dan diusir keluar dari Malaysia. Selain daripada tindakan tegas yang diambil ke atas pendatang haram yang dikesan, Kementerian Dalam Negeri juga telah mengetatkan lagi rondaan di kawasan-kawasan sempadan, daratan dan perairan Malaysia. Tindakan ini dilaksanakan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan-jabatan lain yang berkenaan untuk mencegah kemasukan warganegara asing secara haram ke negara ini.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masalah pendatang haram ke negara kita ini banyak atau selalu dipersoalkan. Dalam masalah ini saya suka dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pendatang haram yang datang ke negara kita ini, di antaranya bertujuan untuk mencari kerja. Kalau tujuan ini menjadikan negara kita cepat membangun, tidakkah boleh Kerajaan membuat satu peraturan supaya kemasukan mereka dapat disusun dengan begitu rapi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, memang ada peraturan-peraturan tertentu antara negara Malaysia dengan negara-negara jiran, terutama dengan Indonesia tentang kemasukan pekerja-pekerja ke negara ini tetapi oleh sebabkan negara kita mempunyai sempadan yang tidak sukar untuk dimasuki daripada negara-negara jiran, maka ramailah pendatang-pendatang daripada negara-negara jiran yang tidak mempunyai apa-apa butir-butir atau surat-surat kemasukan, dengan ini sukar untuk dikesan. Dan kalau sekiranya mereka melakukan sesuatu perkara yang di luar undang-undang, sukar untuk kita mengambil tindakan. Bagaimanapun, jikalau sekira-

nya didatangi dengan secara aturan-aturan yang telah ditetapkan, perkara ini memang kita ambil perhatian dan dilindungi ke atas mereka ini.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan. Untuk tambahan lagi, sebagaimana diterangkan oleh Yang berhormat Timbalan Menteri ada peraturan yang dibuat oleh pihak Kerajaan, dapatkah Yang Berhormat menjelaskan apakah peraturan-peraturan setakat ini yang telah dibuat?

Dat' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, dengan pihak Indonesia, kita memang ada satu perjanjian yang telah ditandatangani pada tahun 1984, iaitu pertukaran buruk di antara negara kita dengan negara Indonesia. Dengan negara-negara seperti Thailand dan Filipina, ini diusahakan oleh agensi-agensi yang tertentu yang telah diberi lesen dan kedatangan mereka adalah dengan cara yang teratur dan tersusun.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi begitu ramai sekali pendatang haram masih ada di negara kita. Saya rasa rakyat Malaysia kita ini masih kurang jelas, siapakah yang membelanjakan pendatang-pendatang haram ini dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan sedikit-sebanyak dalam soal ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa jelas tentang perkataan "perbelanjaan" ini. Adakah perbelanjaan mereka datang ke mari atau perbelanjaan menghantar mereka keluar?

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, makan, minum, -termasuklah hantar mereka keluar dan sebagainya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka ini pendatang haram, maka segala perbelanjaannya adalah ditanggung oleh mereka sendiri.

INSTITUSI PELAJARAN SWASTA - PERUNTUKAN

2. Dato' Dr. K. S. Nijhar minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan peruntukan kewangan bagi institusi-institusi pelajaran yang tidak mendapat sebarang untung, yang memainkan peranan yang penting dalam pembangunan tenaga buruh seperti yang dikendali oleh Institute Pembangunan Pelajaran Maju.

Timbalan Menteri Pelajaran [Tuan Toon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tidak bercadang untuk memberi sebarang peruntukan kewangan kepada institusi-institusi pelajaran swasta.

DASAR-DASAR KERAJAAN - TEKANAN

3. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar bahawa ada tekanan kepada kaum-kaum tertentu dalam melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang menyebabkan kaum tertentu menganggap Kerajaan tidak adil dan merasakan mereka tertindas di negara ini. Jika benar, tidakkah ini boleh menggugat perpaduan kaum di negara ini, dan apakah langkah-langkah Kerajaan mengatasinya supaya semua pihak mendapat hak yang adil. Jika tidak benar, apakah tindakan Kerajaan supaya mereka tidak mempersoalkan perlaksanaan dasar-dasar di atas,

Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak pernah mengenakan sebarang tekanan kepada kaum-kaum tertentu dalam melaksanakan dasar-dasar negara seperti Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Sebarang dasar yang digubal dan dilaksanakan sentiasa mengambil kira hasrat semua kaum supaya matlamat perimbangan kaum dan perpaduan dapat dicapai.

Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak dapat menghalang mana-mana golongan mengeluarkan pendapat mereka terhadap dasar-dasar Kerajaan dan terpulanglah kepada rakyat untuk menilainya.

Kerajaan sentiasa mengadakan rundingan dengan pihak-pihak tertentu bagi mengatasi mana-mana kelemahan yang timbul dalam melaksanakan sesuatu dasar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan keempat .

RANG UNDANG-UNDANG - PENGGUBALAN

4. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah 5.0.23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada badan-badan profesional seperti Majlis Guaman yang terlibat secara langsung di dalam membantu pihak Kerajaan merangka Rang Undang-undang telah dilibatkan dari peringkat awal di dalam merangka sesuatu draf Rang Undang-undang yang akan dibentangkan di Parlimen, dan jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Oo Gin Sun]:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ingin menegaskan bahawa badan-badan profesional tidak terlibat secara langsung dalam merangka sesuatu Rang Undang-undang. Pandangan badan-badan itu hanya diminta dalam perkara-perkara yang difikirkan sesuai sahaja dan itupun sebelum Rang Undang-undang itu digubal dan ini jarang-jarang berlaku.

Sesuatu undang-undang itu hanya digubal apakala ianya benar-benar diperlukan oleh Kerajaan supaya membolehkan Kerajaan mengendalikan sesuatu masalah negara ataupun melaksanakan polisinya. Oleh itu sangatlah perlu penggubalan sesuatu Rang Undang-undang dirahsiaikan bagi menjamin semua rancangan ataupun polisi Kerajaan yang telah ditentukan bagi kepentingan dan faedah rakyat dan negara dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan.

Adalah didapati bahawa cara-cara menggubal undang-undang yang diamalkan sekarang adalah memuaskan dan dengan itu tidak perlu diubah.

PENYELUDUPAN DI PANTAI SELANGOR

5. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa jumlah Pegawai Penguatkuasa Kastam ditempatkan sepanjang pantai Selangor untuk mencegah berlakunya penyeludupan di perairan negeri ini. Apakah Kerajaan paushati dengan tenaga tersebut. Sehingga saat ini, berapa jumlah kejadian penyeludupan barang dan manusia berlaku di pantai Selangor dan berapa jumlah tangkapan yang dapat dilakukan dan dimana kerap berlaku penyeludupan manusia di pantai Selangor.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pegawai penguatkuasa Kastam yang ditempatkan di sepanjang pantai Selangor adalah berjumlah 61 orang. Buat masa kini Jabatan Kastam berpuas hati dengan tenaga yang ada ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang jumlah kejadian penyeludupan, jumlah tangkapan dan di mana kerapnya berlaku penyeludupan di pantai Selangor adalah seperti berikut:

1986
(Jan. - Sept.)

1. Jumlah kejadian penyeludupan barang-barang di pantai Selangor	34
2. Jumlah tangkapan	28
3. Bilangan orang yang ditangkap	39
4. Bilangan orang-orang yang dihadap ke mahkamah	25
5. Bilangan orang-orang yang dikompaun	14
6. Penyeludupan kerap berlaku seperti di tempat-tempat berikut:	
(i) Perairan Pelabuhan Kelang	
(ii) Kawasan Jugra, Banting	
(iii) Di perairan Pulau Ketam	
(iv) Sg. Pelek, Sepang	
(v) Sg. Langat, Jugra	

(vi) Pancang Bedena, Sg. Besar,

Daerah Sabak Bernam

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah penyeludupan yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi agak banyak berlaku juga. Di sini saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah perkara utama yang menyebabkan penyeludupan selalu berlaku - adakah disebabkan harga barang ataupun kurang cekapnya pegawai Kastam atau lain-lainnya? Tidakkah boleh dicadangkan supaya pegawai-pegawai seperti RELA, JKK dan sebagainya diberi tugas sebagai pembantu Kastam untuk mendapat dan memberikan maklumat kepada Kastam?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan mengapa banyaknya berlaku penyeludupan di dalam negara kita ini, alasan yang jelas ialah kerana jikalau mereka membuat sesuatu penyeludupan, perbuatan itu akan membawa faedah kepada mereka kerana mereka akan dapat mengelakkan duti-duti dan sebagainya.

Mengenai pasukan-pasukan seperti, dengan izin, Navy dan sebagainya, Kerajaan berpuas hati dengan tenaga yang ada ini dan pada masa sekarang Kerajaan kita sedang memperhebatkan rondaan-rondaan mereka untuk menghapuskan penyeludupan yang kerap berlaku khasnya di dalam kawasan-kawasan di mana terdapat penyeludupan itu berlaku dengan begitu kerap.

Berkenaan dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan JKK dan sebagainya, cadangan ini adalah cadangan yang baik dan Kementerian Kewangan akan mengambil kira cadangan ini dan jikalau boleh dalam masa kelak, pasukan-pasukan seperti RELA ini akan ditempatkan di kawasan-kawasan di mana kerapnya berlaku penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R.M. Jasni .

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 6.

ANGGOTA TENTERA MENINGGALKAN PERKHIDMATAN

6. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Pertahanan menyatakan bilangan kakitangan Angkatan Bersenjata yang meninggalkan atau melarikan diri dari perkhidmatan. Dan apakah tindakan yang telah dibuat ke atas mereka itu.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha]: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan Ahli Yang Berhormat terlalu umum dan tidak menyatakan jangka masa yang tertentu, maka saya akan memberikan statistik ini dari tahun 1985. Jumlah keseluruhan anggota tentera yang meninggalkan perkhidmatan atau dengan istilah lain tidak hadir tanpa cuti mengikut statistik yang ada dari tahun 1985 sehingga 26hb November, 1986 ialah seramai 286 anggota. Beberapa rancangan dan tindakan telah dijalankan oleh pihak Polis Tentera dalam usaha mengatasi masalah ini di mana satu operasi khas yang dipanggil "Op Serkap" telah dilancarkan di seluruh negara. Di bawah operasi ini beberapa projek khas telah dilancarkan iaitu:

- (a) Projek Cinta dari 18hb September, 1986 hingga 18hb Oktober, 1986.
- (b) Projek Kasih dari 30hb September, 1986 hingga 30hb Oktober, 1986.
- (c) Projek Rindu dari 20hb Oktober, 1986 hingga 9hb November, 1986.
- (d) Projek Sayang dari 15hb November,, 1986 hingga 15hb Februri, 1987.

Bagi anggota-anggota yang terlibat dengan tidak hadir tanpa cuti melebihi dua kali berturut-turut, tindakan pemberhentian akan dibuat ke atas mereka setelah tindakan-tindakan tatatertib yang se-wajarnya diambil terhadap mereka,

JAMBATAN PULAU PINANG - KUTIPAN TOL

7. Tuan A. Shaik Dawood minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian beliau sedar kerugian yang dialami dari segi kutipan tol Jambatan Pulau Pinang akibat penggunaan feri untuk datang ke Pulau Pinang dan menggunakan jambatan untuk pergi ke Tanah Besar dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk meaghindar perbuatan sedemikian.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Mustaffa bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa ada pengguna yang menggunakan perkhidmatan feri ke Pulau Pinang dan menggunakan jambatan pula untuk pergi ke Tanah Besar. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa ada pengguna yang menggunakan Jambatan Pulau Pinang ke Pulau Pinang dan menggunakan feri untuk balik ke Tanah Besar, tetapi bilangannya agak rendah sedikit dari yang sebaliknya. Di dalam hal ini, apa yang penting ditegaskan ialah Kerajaan dapat memberi perkhidmatan yang baik dan selesa di samping perkhidmatan pilihan atau, dengan izin, alternative kepada para pengguna. Ter-pulanglah kepada para pengguna untuk memilih cara mana untuk pergi dan balik dari Pulau Pinang.

FILEM MUZIK ROCK DI TV

8. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Penerangan menyatakan adakah pihak Kementerian akan mengharamkan tayangan filem-filem muzik rock melalui TV3 dan TV Malaysia seperti mana yang dicadangkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kerana tayangan filem tersebut melalui kaca TV akan meninggalkan kesan yang lebih buruk di kalangan anak-anak muda di negara ini.

Menteri Penerangan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj]:

Tuan Yang di-Pertua dalam menayangkan filem di TV, RTM termasuklah filem-filem muzik, pengawalan terhadap bahan-bahan siaran sentiasa dilakukan oleh Kementerian Penerangan bagi menentukan supaya program-program yang disiarkan itu tidak bertentangan dengan sosio budaya masyarakat Malaysia dan kepentingan negara. Garis-garis panduan tertentu ada digunakan dalam meneliti program-program yang bakal disiarkan itu. Bagi stesen TV swasta pula, filem-filem muzik yang disiarkan telah juga ditapis dan di luluskan oleh Lembaga Penapis Filem.

Walaupun pada masa ini Kerajaan belum mengharamkan tayangan filem-filem muzik rock di TV, namun Kementerian Penerangan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang menimbang untuk mewujudkan garis-garis panduan tertentu bagi menentukan apakah sebenarnya yang dikatakan muzik jenis "heavy metal rock", penentuan takrif muzik heavy metal rock ini perlu diperbuat kerana larangan sahaja tanpa penentuan yang jelas jenis muzik mana yang dilarang dan jenis-mana pula yang tidak, tentu akan menjelaskan perkembangan seni muzik dan merugikan masyarakat.

Selain dari menentukan takrif muzik, adalah juga dicadangkan supaya kaedah-kaedah, peraturan serta makanisme yang teratur diwujudkan bagi mengawal persembahan rock-music, bukan sahaja melalui siaran TV tetapi juga melalui persembahan secara pementasan terbuka. Adalah diharapkan garis panduan serta peraturan-peraturan yang

diwujudkan itu nanti akan dapat digunakan oleh semua pihak berkuasa yang berkenaan agar peraturan-peraturan terhadap persempahan muzik tersebut dapat diseragamkan dan mudah dilaksanakan.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CINA, ALOR SETAR

9. Tuan, Bee Yang Sek minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian Pelajaran mempertimbangkan cadangan membina satu lagi sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di bandar Alor Setar untuk memuhi kehendak-kehendak ibubapa-ibubapa kaum Tionghua di kawasan bandar Alor Setar kerana tiga buah sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina iaitu SRJK (C) Keat Hwa H, SRJK (C) Keat HWA K, SJJK (C) Keat Hwa S tidak mencukupi untuk memuatkan jumlah murid-murid ketiga-tiga jenis sekolah ini yang melebihi dari 5,000 orang.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk membina Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina di bandar Alor Setar. Sekolah-sekolah Rendah lain yang ada di Alor Setar masih boleh menampung persekolahan murid-murid yang ada.

DEMAM DENGGI

10. Tuan Tay Chee King minta Menteri Kesihatan menyatakan dari Januari, 1986 hingga sekarang berapa kes demam denggi berlaku di seluruh Malaysia.

Menteri Kesihatan [Dato' Chan Siang Sun]: Tuan Yang di-Pertua, inginlah saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa dalam tahun ini dari Januari hingga akhir bulan Oktober, 1986, sejumlah 1,250 kes denggi telah dilaporkan di seluruh Malaysia. Walaupun Malaysia mengalami wabak demam denggi pada awal tahun ini, keadaan ini telah-pun terkawal. Segala langkah-langkah kawalan termasuk menjalankan pelajaran kesihatan di seluruh negara telahpun diambil oleh Kementerian saya dengan tujuan mencegah dan membasmikan penyakit demam denggi itu.

BANK TEMPATAN - BATARAN BALIK PINJAMAN

11. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kewangan menyatakan apakah pertimbangan kepada pengusaha-pengusaha kecil yang berhutang dari bank-bank tempatan yang gagal membayar hutang mengikut had dan jadual yang ditetapkan kerana perusahaan mereka terjejas sebab-sebab kemelesetan ekonomi Negara.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keadaan kemelesetan ekonomi pada masa ini telah menyebabkan secara keseluruhannya kegiatan-kegiatan perniagaan menjadi lembab. Akibatnya beberapa peminjam menghadapi masalah untuk membayar balik pinjaman mereka. Bank-bank telahpun digesa supaya lebih memahami akan keadaan yang sukar ini dan membincangkan masalah-masalah pelanggan mereka secara mendalam serta mencari jalan dan cara-cara untuk menolong mereka di dalam usaha untuk mengatasi keadaan-keadaan yang sukar ini. Bank-bank juga telah digesa supaya tidak bertindak keterlaluan di dalam usaha untuk mendapatkan balik pinjaman mereka dengan apa cara pun dan yang boleh merugikan kemajuan keusahawanan. Bank Negara telah mengarahkan bank-bank supaya menukuhkan unit Pemulihan Khas untuk membantu pemulihan perusahaan-perusahaan yang berdaya maju tetapi mempunyai masalah.

Unit-unit Pemulihan tersebut adalah bertanggungjawab untuk mengetahui akan masalah sebenar pelanggan-pelanggan mereka dan mencadangkan penyelesaian-penyelesaian yang berkesan ke atas pembiayaan semula dan penjadualan semula, sekiranya perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus mengawas dengan rapi keadaan tersebut di atas.

DOKTOR DI KLINIK/HOSPITAL KERAJAAN - KEKURANGAN

12. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sentiasa berlakunya orang ramai menunggu berderet-deret di klinik dan hospital Kerajaan untuk dirawati oleh doktor; dan juga menyatakan sama ada berlakunya kekurangan doktor-doktor di klinik dan hospital Kerajaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan klinik dan hospital Kerajaan memberikan khidmatnya dengan segera. Namun demikian adalah didapati bahawa beban kerja di beberapa klinik telah meningkat dengan esatnya terutamanya dalam tahun 1985 dan 1986. Oleh itu kadangkala terjadi kesesakan di klinik-klinik dan hospital-hospital tersebut terutamanya hari-hari selepas cuti am.

Kementerian Kesihatan masih menghadapi kekurangan doktor. Ini benar. Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian ini telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan bilangan doktor yang meletakkan jawatan termasuklah menetapkan perkhidmatan wajib 3 tahun untuk doktor terus berkuatkuasa bagi tempoh 5 tahun lagi mulai dari 1hb Oktober, 1986. Usul ini baru-baru ini telah diluluskan oleh Dewan Rakyat,

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa kebanyakan doktor-doktor ini mengambil masa yang terlalu panjang untuk minum teh ataupun makan tengah hari sehingga membiarkan pesakit-pesakit menderita begitu sahaja.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, 100% tidak benar.

Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kenyataan Menteri tadi iaitu terdapat kekurangan doktor, Apa yang kita difahamkan sebilangan besar rakyat negara kita membayar cukai pendapatan dan hasil-hasil negara ini ialah sebahagian peruntukan adalah diuntukkan kepada kesihatan. Tidak patut pihak Kementerian memandang ringan keadaan yang timbul iaitu kurangnya doktor. Setahu saya dan apa yang kita difahamkan setiap tahun universiti atau pusat-pusat pengajian tinggi telah banyak mengeluarkan para doktor-doktor yang terdiri daripada anak-anak Melayu ataupun anak-anak tempatan negara ini. Rasa saya, Kementerian ini boleh membayar lebih, kita tidak payah import atau

mengambil doktor dari luar negeri dengan membayar elaun yang lebih, sara hidup, sewa rumah dan sebagainya. Negeri kita tidak kurang dalam masalah ini. Rakyat yang mempunyai ijazah dan berkelulusan tinggi. Tidak patut lagi timbul dan Kementerian mengeluh, doktor tidak cukup. Sedangkan saya pernah lihat

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, soalan tambahan apa? Jangan beri ucapan panjang-panjang, beri peluang kepada orang lain juga.

Pua O Hajjah Azizah bin Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, jawapan itu saya tidak puashati seolah-olah melepaskan batuk ditangga. Saya tidak puashati. Banyak kali jawapan daripada Menteri tidak memuaskan hati kepada kita semua. Saya tidak mahu jawapan itu ditimbulkan lagi di sini. Kita tidak mahu banyak penganggur-penganggur. Sekarang musim pengangguran orang-orang yang berijazah. Ambil mereka bekerja bayar gaji yang lumayan kerana seorang doktor yang keluar dari universiti mengambil 7 hingga 12 tahun untuk menjadi doktor pakar bedah umpamanya. Kita bayar lebih, berikan peruntukan yang lebih. Ini saya lihat, saya seorang perempuan, hantar orang bersalin, sudah sarat, dibelah dan orang itu pun mati, tiada mendapat pertolongan, doktor tiada, berkurangan dan sebagainya.

Dato' Chan Siang Sim: Apa soalannya? (Ketawa).

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Saya tahu, soalan saya, kenapa Kementerian Kesihatan masih lagi menghadapi kekurangan doktor-doktor di masa negara kita menghadapi kemajuan? Itu dia.

Dato' Chat Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi kekurangan doktor, oleh sebab pada suatu masa dahulu banyak doktor-doktor meletakkan jawatan kerana hendak membuka klinik luar. Jadi boleh dikatakan "greener pasture" di luar. Oleh sebab itulah kebanyakan mereka meletakkan jawatan. Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini sudah ada lebih kurang 200 doktor meletakkan jawatan. Begitu juga ketiga-ketiga buah universiti tempatan kita sekarang ini tidak dapat membekalkan doktor dengan secukupnya,

Untuk mengatasi perkara ini kita pun merasakan berasas baik pada tahun ini, setakat hari ini cuma ada 120 doktor yang meletakkan jawatan kalau dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas di mana hitung panjangnya 200 doktor meletakkan jawatan.

Jadi kita berharap jugalah dengan insentif-insentif yang kita telah berikan melalui Kementerian, tidak banyak lagi doktor akan meletakkan jawatan dan pada masa yang akan datang universiti-universiti tempatan kita juga boleh membekalkan banyak lagi doktor-doktor. Bila kita sampai tahun 1990 harapan kami ialah kita mahu mencapai suatu nisbah penduduk dengan doktor iaitu 1 doktor:3,000 penduduk. Inilah tujuan kami dan inilah sasaran kami. Kita berharap kita boleh mencapai dengan nisbah itu.

Puan Ainon binti Ariffin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Berkaitan dengan menunggu berderet-deret ini, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kebanyakan kakitangan Kerajaan yang bertugas di hospital-hospital termasuk Hospital Besar Kuala Lumpur bersikap kasar dan sentiasa menimbulkan rasa kurang senang di kalangan mereka yang ingin layanan dan ingin perubatan. Ini diakui. Saya bercakap melalui pengalaman. Saya tunggu di satu tempat apabila ada pengaduan dan memang saya dapati petugas kita kasar. Apakah langkah-langkah dibuat?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada sebab mereka menjadi kasar atau bersifat yang tidak diingini itu. Sebagai manusia tentulah tidak boleh 100% sempurna, jadi adalah kadangkala barangkali hilang kepala dan sebagainya [**Ketawa**].

Walau bagaimanapun dari segi mereka tidak sopan atau tidak memberi layanan baik, ini barangkali soal disiplin daripada Kementerian. Kalau ada kes berlaku seperti itu kita berharap bolehlah dilaporkan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Tetapi apa yang kita sekarang buat di hospital-hospital khasnya di Hospital-hospital Besar serta juga di hospital yang lain yang mana kita tahu ada kesesakan iaitu kita ada menguruskan satu strategi untuk membaiki, meraberis atau melicinkan dari segi menemui pesakit luar. Kita memperbaiki perkhidmatan kaunter kita yang mana kita menganjurkan supaya pegawai-pegawai dan kakitangan di Bahagian Pesakit Luar untuk mendaftar pesakit-pesakit serca penuhkan borang-borang dan sebagainya sebelum pukul 8.00 pagi. Mereka barangkali datang padi pukul 7.45 untuk mendaftar pesakit-pesakit luar supaya apabila pada pukul 8.00 doktor-doktor sampai, pesakit-pesakit luar itu boleh terus masuk untuk diperiksa. Ini kita telah melaksanakan di beberapa buah hospital besar dan juga hospital daerah.

Ini sudahpun dapat satu penghargaan.

Baru-baru ini saya mendapat tahu di Hospital Besar iaitu Bahagian Perkhidmatan Kaunter telah mendapat pujian dan menerima hadiah dari Ketua Setiausaha Negara kita - mereka baru mendapat hadiah itu dan dengan sukacitanya saya memberitahu perkara ini. Ini semua adalah langkah-langkah yang kita diambil supaya kita akan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik, lebih selesa dan lebih senang hati kepada pesakit-pesakit luar.

PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

13. Tuan G. Rajoo minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) jumlah projek perumahan terbengkalai di negara ini yang dibawa ke perhatian Kementerian beliau;
- (b) nama-nama syarikat perumahan yang akan diambil tindakan mahkamah kerana gagal menyelesaikan projek dalam masa tertentu itu; dan
- (c) tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk membantu pemilik-pemilik rumah di projek-projek terbengkalai ini supaya rumah-rumah di projek tersebut dapat disiapkan.

18.12.1986

12. Tuan Yusof bin Haji Mohd. Nor minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan bagi faedah pembeli-pembeli rumah jika Pemaju-pemaju Perumahan didapati tidak berkemampuan untuk menyiapkan rumah-rumah yang dijual mereka,

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Napsiah binti Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Tuan Yusof bin Haji Mohd. Nor pada 18hb Disember, 1986.

Jumlah projek perumahan terbengkalai di negara ini yang telah dibawa ke perhatian Kementerian sehingga 30hb November, 1986 ini ialah sebanyak 126 buah projek. Sehingga kini tidak ada syarikat-syarikat perumahan yang dibawa ke mahkamah kerana gagal menyelesaikan projek-projek mereka.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengutamakan untuk menyiapkan projek-projek yang terbengkalai. Walau bagaimanapun, Kementerian sedang berusaha untuk mengambil tindakan undang-undang kerana kegagalan pemaju-pemaju memberitahu Pengawal Perumahan di atas tidak keupayaan mereka menyiapkan projek seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 7(g).

Di antara tindakan yang diambil untuk membantu pembeli-pembeli rumah di projek-projek terbengkalai supaya rumah di projek-projek tersebut dapat disiapkan adalah seperti berikut:-

- (i) membuat kajian kemungkinan dengan **izin**, "feasibility study" ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan kemajuan pembinaan;
- (ii) mengadakan perjumpaan dengan pembeli-pembeli untuk memberi penerangan berhubung dengan tindakan-tindakan yang perlu diambil bagi memulihkan projek;
- (iii) meminta pemaju menyerahkan projek kepada Jawatankuasa Pembeli-pembeli;
- (iv) mengadakan perbincangan dengan pihak bank, **institusi-institusi** kewangan dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat;
- (v) mengadakan perbincangan dengan piutang-piutang; dan
- (vi) mengawasi dari masa ke semasa di atas kerja-kerja binaan setelah projek dipulihkan.

Dato' Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masalah projek perumahan terbengkalai ini memang banyak berlaku. Di antara kesalahan-kesalahan yang berlaku adalah dibuat oleh pengusaha-pengusaha projek itu sendiri. Misalannya mengikut pelan, ia 120 buah rumahan sahaja tetapi dibuat 130. Ini menyalahi daripada peraturan. Apabila dikesan oleh pihak Kerajaan Negeri maka Kerajaan Negeri tidak dapat meluluskan projek itu, ini banyak berlaku khususnya di Negeri Melaka sebagaimana yang saya ketahui.

Kalau kesalahan yang begini, apakah tindakan pihak Kementerian akar mengambil kepada pengusaha-pengusaha itu?

Satu lagi, sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada beberapa perkara telah dibuat untuk menyelesaikan masalah ini seperti memanggil pengusaha dan sebagainya. Adakah telah dilakukan satu di antaranya khususnya di Melaka memanggil kepada pembeli-pembeli yang rumah masih terbengkalai?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, memanglah ter-dapat perkara-perkara yang seperti disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Mengikut rekod yang ada ditangan Kementerian, di negeri Melaka kita dapat satu projek perumahan yang terbengkalai di mana jumlah unitnya adalah 184. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ialah masalah yang perlu diselesaikan oleh Majlis Kerajaan Tempatan kerana setelah rumah dibina, 120 buah rumah mengikut pelan tetapi dibina pula 130 rumah, jadi ini pada pendapat saya ialah masalah di mana Majlis-majlis Tempatan itu tidak mahu mengeluarkan Sijil Layak Kedudukan kerana tidak mengikut pelan-pelan. Apa yang saya sebutkan rumah terbengkalai ini ialah sebenarnya rumah-rumah yang betul-betul belum siap di mana pemaju-pemajunya telah tidak dapat menyelesaikan oleh kerana beberapa masalah, misalnya kekurangan kewangan, kekurangan kepakaran dan sebagainya.

Di dalam kes yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, Kementerian tidak mengambil tindakan kepada mereka ini kerana ini adalah di bawah Majlis-majlis Tempatan pula untuk mengambil tindakan.

Soalan yang kedua tadi berkenaan dengan pembeli-pembeli terlupa saya, Tuan Yang di-Pertua, minta tolong ulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang lagi?

Datuk Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, apa yang di-jelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi suatu perjumpaan di antaranya ialah untuk menyelesaikan masalah, perjumpaan kepada pembeli-pembeli ataupun pengusaha-pengusaha perumahan. Adakah benda ini telah dibuat oleh pihak Kementerian,khususnya kepada projek-projek perumahan yang telah terbengkalai di Melaka. Tadi Yang

Berhormat terangkan ada satu projek telah terbengkalai, dan saya rasa telahpun disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri dalam apa yang saya ketahui, apakah langkah Kementerian setelah mendapat maklumat rumah terbengkalai itu?

Puan Napsiah binti Omar: Selalunya setelah dibuat perjumpaan di antara 3 belah pihak ini iaitu pembeli-pembeli, pemaju dan juga institusi kewangan yang membiayai projek itu, kita telah mendapat persetujuan daripada ketiga-tiga pihak itu supaya kita menyelesaikan projek itu ataupun menyiapkan projek itu supaya pembeli dapat rumahnya dan pemaju yang ada tadi juga dapatlah apa yang mereka telah laburkan di dalam projek itu.

Setakat ini sebenarnya rumah yang disebut di Melaka ini saya kurang pasti pula sama ada sudah ada atau belum perjumpaan, tetapi mengikut rekod yang ada pada saya, dari 126 buah projek terbengkalai di seluruh negara ini, sebanyak 67 buah projek telah siap dibuat kajian. Dan jumlah projek yang telah siap dibina kembali ialah 10 projek dan jumlah projek yang telah memperolehi Sijil Layak Menduduki bangunan ialah 8 projek. Maknanya, mereka telah boleh pun duduk dan diam di rumah mereka masing-masing dan jumlah projek yang sedang berjalan ini ialah 12 projek sedang siap dibinakan dan hanya sebanyak 29 projek yang masih dalam kajian.

Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tidakkah Kerajaan, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya bercadang membantu pihak swasta dalam memberi subsidi di bidang infrastruktur dan bahan-bahan binaan dengan menurunkan harga bahan-bahan binaan memandangkan kedudukan pemaju swasta sekarang tersepit di tengah-tengah. Dalam keadaan kelembapan ekonomi, Kerajaan menaikkan faedah pinjaman perumahan dan

menurunkan kadar peruntukan sebanyak 20%, dengan sendirinya pihak pemaju terpaksa menurunkan harganya antara 20 - 30% yang mana bukan setakat mengambil modal balik, tetapi terpaksa menanggung kerugian yang begitu besar. Di dalam seruan Kerajaan untuk memberi kemudahan perumahan kepada orang-orang awam sekarang ini, penglibatan swasta adalah perlu diberi titikberat dari segala segi supaya semuanya mendapat keuntungan bersama.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperitimana kita telahpun lihat di dalam Belanjawan yang lalu 1985, 1986, kalau tidak silap saya, Kerajaan telahpun membuat beberapa kelonggaran seperti bahan-bahan yang digunakan di dalam perumahan, terutamanya rumah kos rendah telah banyak diturunkan harganya. Dan di kebelakangan ini ada juga syarikat simen yang bersetuju hendak juga menurunkan harga simennya kepada projek-projek rumah kos rendah. Inilah cadangan Kerajaan ataupun tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memberi bantuan kepada pemaju-pemaju swasta, tetapi Kerajaan tidak bercadang untuk memberi subsidi pula kepada pemaju swasta kerana memandangkan iaitu keadaan ekonomi kita juga tidak mengizinkan kita untuk membuat demikian. Kerajaan terpaksa meningkatkan kadar faedah pinjaman perumahan kepada kakitangan Kerajaan kerana memandangkan keadaan kewangan hari ini dan juga memandangkan di pihak swasta pula, di institusi kewangan, perainjam-peminjam untuk membuat rumah hari ini dikenakan kadar faedah 10% bagi rumah yang dikatakan rumah kos rendah dan juga pada rumah yang dikatakan rumah-rumah kos tinggi antara 11 hingga ada yang 13.5% kadarnya. Jadi memandangkan kadar diswastakan begitu tinggi, Kerajaan juga terpaksa menampung pula kadar-kadar faedah yang dipinjamkan kepada kakitangan Kerajaan.

Kenaikan itu tidak banyak, hanya 2% kepada peminjam dalam kategori "C" ke atas. Walau bagaimanapun, pinjaman-pinjaman bagi mereka di dalam kategori 'D' ke bawah masih lagi di peringkat 4%. Di sini pada pendapat Kerajaan dengan menurunkan juga pinjaman kepada pegawai-pegawai Kerajaan ini, memanglah hasrat Kerajaan ini akan mendapat pula pemaju-pemaju swasta membina rumah-rumah itu mengikut peruntukan atau kewangan yang ada bagi kakitangan-kakitangan Kerajaan ini. Dan dengan itu kita berharaplah harga rumah di dalam negara ini akan dapatlah diturunkan dan dapat ramai orang lagi berkemampuan untuk membeli rumah-rumah untuk mereka duduk sendiri.

Tuan Chan Choon Tak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembantuan kepada pemaju-pemaju, bolehkah Kerajaan memberi jaminan bahawa sesuatu pengumuman itu sebelum dibuat menentukan bahawa apa diumumkan itu dapat dibuat. Saya diberitahu oleh pemaju bahawa kebanyakan mereka telah membina rumah kos rendah dengan harganya untuk dijual kepada orang ramai \$25,000 tetapi ada pengumuman yang telah dibuat oleh Kerajaan bahawa rumah kos rendah dapat diturunkan dan oleh sebab itu kebanyakan rumah yang siap dibuat tidak dapat dijual kerana pembeli-pembeli sekarang menunggu sampai masa rumah-rumah kos rendah ini diturunkan.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rumah-rumah kos rendah ini boleh dibina dengan harga mengikut Quantity Surveyor atau Jurukur Bahan dalam Kementerian di antara 8,600 hingga 9,600 sebuah rumah yang menggunakan concrete block. Bila dicampur dengan infrastruktur seperti jalan, air dan juga harga kos, harga tanah, bolehlah kita tambah lagi sehingga boleh dijual \$17,000.

Tetapi memandangkan pihak swasta mungkin membeli tanah begitu tinggi dan sebagainya, ada kalanya mereka boleh menjual hingga \$22,000 satu unit rumah, kerana ini didapati di negeri Johor tiap-tiap rumah kos rendah itu harganya tidak melebihi \$22,000 seunit.

Bagi Kerajaan Negeri sekiranya mereka dapat memberi tanah-tanah yang harganya murah, maka kos infrastruktur ini tadi dapat diturunkan lagi dan mereka dapat menjual rumah itu dengan kos yang rendah,

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya membuat rumah ini seperti kita membuat kuih, kalau kuih itu hendak sedap kita tambah telor, tambah buah kismis dan sebagainya. Tetapi kalau hendak kek biasa sahaja itulah harganya seperti juga kita membina rumah, kalau hendak bina rumah, kalau hendak berlebih dengan menggunakan rubing atau tiles daripada luar negeri misalnya ataupun menggunakan bahan-bahan yang mahal, memanglah mahallah harga rumah itu.

Sebeaarnya rumah kos rendah di mana saya sendiri telah membuat kajian kalau yang membina rumah kos rendah menggunakan hollow blocks ini harganya antara \$8,600 hingga \$9,600 tidak termasuk infrastruktur.

SIJIL KERAKYATAN - PERMOHONAN

14. Tuan Chan Chooog Tak minta Menteri Dalam Negeri menyatakan asas permohonan Sijil Kerakyatan seseorang itu mungkin tidak diluluskan walaupun pemohon itu mungkin telah memenuhi semua kehendak Perlembagaan dan menyatakan sebab-sebab mengapa setengah permohonan mungkin mengambil masa yang lebih sepuluh tahun untuk diproses.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, kewarganegaraan adalah anugerah yang paling tinggi yang dapat di-anugerahkan oleh negara kepada seseorang. Dengan itu setiap

permohonan uotuk kewarganegaraan Malaysia terpaksalah dikaji dengan teliti, untuk mempastikan kesemua maklumat yang diberikan oleh pemohon bagi menjamin mereka benar-benar memahami syarat dan kelayakan seperti yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia, dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia. Proses ini memakan masa tetapi ia perlu dilaksanakan bagi menjamin bahawa mereka yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan akan dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia itu.

JEMAAH HAJI KE MEKAH - SYARIKAT SWASTA

15. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil terhadap sebuah syarikat swasta yang telah gagal membawa jumaah haji ke Tanah Suci Mekah pada musim haji 1986;
- (b) adakah kemungkinan syarikat tersebut telah menyalahgunakan wang bakal-bakal haji; dan
- (c) adakah Kerajaan akan mengambil tindakan lebih tegas supaya pihak swasta tidak melibatkan diri langsung untuk raengendalikan urusan membawa jumaah haji ke Mekah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Abdul Ajib bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seramai 317 orang Jemaah Haji yang telah terkandas itu pada mulanya telah mendaftar untuk menunaikan Fardhu Haji dengan sebuah syarikat swasta yang bernama Masria Travel Agency dan mereka dipercayai telah menjelaskan segala bayaran Wang Naik Haji kepadanya.

Kemudian setelah gagal mengaturkan pemergian mereka dengan kapal laut atau kapal terbang seperti mana yang dijanjikan oleh syarikat itu, maka syarikat itu telah meminta Tabung Haji mengaturkan pemergian mereka melalui Penerbangan Charter Haji. Tetapi oleh kerana ianya telah tidak membayar Wang Naik Haji sebanyak \$5,000 seorang maka Tabung Haji tidak dapat mengaturkan penerbangan mereka. Dengan yang demikian terserahlah kepada Jemaah Haji yang berkenaan mengambil tindakan terhadap syarikat tersebut kerana ianya telati tidak menunaikan janjinya. Pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji telahpun menerangkan kedudukannya dari pegi undang-undang kepada bakal haji yang terlibat. Adalah didapati bahawa mereka memahami kedudukan sebenarnya, tetapi enggan membuat apa-apa aduan kepada pihak yang berkenaan.

- (b) Memandangkan syarikat tersebut telah mengambil wang dari Jemaah Haji berkenaan dan ianya telah tidak membayar wang itu kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk menguruskan pemergian mereka ke Tanah Suci maka memanglah benar wang Jemaah Haji itu telah disalahgunakan.
- (c) Memandangkan kepada peruntukan Seksyen 67A Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji, 1969

membolehkan Tabung Haji, dengan kelulusan Menteri, memberi kebenaran kepada pihak-pihak pengajur untuk mengendalikan Jemaah Haji secara swasta, maka Kerajaan tidak bercadang hendak menghalang mereka dari menguruskan Jemaah Haji. Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan Jemaah Haji dari ditipu atau dianiayai, syarat-syarat kelulusan kepada pihak pengajur akan diperketatkan di mana selain dari mereka diwajibkan membayar deposit sejralah \$30,000 kepada Ketua Setiausaha Perpendaharaan, mereka akan juga dikehendaki membayar deposit atau mengadakan jaminan bank kepada Tabung Haji sejumlah \$2,500 bagi setiap Jemaah Haji yang mereka hendak kendalikan. Dengan cara itu sekiranya pihak pengajur gagal mengaturkan penerbangan Jemaah Hajinya ke Tanah Suci maka wang deposit atau jatninan banknya boleh digunakan bagi mengatur penerbangan Jemaah Haji ke Tanah Suci.

HAD LAJU KENDERAAN

16. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh manakah kekesanan undang-undang penguatkuasa mengenai mencegah kelajuan dan lebih muatan kenderaan-kenderaan berat di negara ini kerana masih terdapat banyak lagi kejadian-kejadian yang sama berlaku dengan berleluasa.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Puan Hajjah Rahmah binti Othman]: Tuan Yang di-Pertua, tindakan penguatkuasaan undang-undang berhubung dengan pencegahan kelajuan dan membawa lebih muatan

di kalangan kenderaan-kenderaan berat adalah di bawah tanggungjawab beberapa agensi Kerajaan.

Melalui tindakan penguatkuasaan seperti mengadakan sekatan jalanraya dan perondaan yang dibuat di kawasan-kawasan tertentu adalah didapati dan diharapkan pemandu-pemandu kenderaan berat akan memandu dengan lebih berhati-hati dan kurang melakukan kesalahan lalulintas. Namun demikian data-data untuk mengukur keberkesanan tindakan pencegahan tersebut belum dapat disediakan dengan lengkap.

Seperti yang kita semua maklum tindakan penguatkuasaan sahaja tidak dapat mencegah perbuatan melanggar undang-undang lalulintas. Keberkesanan usaha-usaha untuk mencegah kelajuan dan lebih muatan juga bergantung kepada kesedaran dan kerjasama para pengguna jalanraya untuk mematuni peraturan lalulintas ketika menggunakan jalanraya.

Dato Haji' Zakaria bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah mencegah kelajuan memang selalu banyak dipersoalkan oleh khususnya pengguna-pengguna.

Di sini saya minta dapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam masalah mencegah kelajuan banyak dipersoalkan oleh pengguna-pengguna, di antaranya alat-alat yang digunakan tidak mampu dari gegaran kenderaan itu sendiri dan sebagainya. Dalam masalah ini, adakah sistem yang ada sekarang ini agak sesuai dan harus atau perlu dikekalkan, dibaiki atau diwujudkan satu sistem lain atau ditangguhkan sementara waktu? Kedua, setakat penguatkuasaan pencegah kelajuan berapa banyakkah telah diambil tindakan, khususnya dalam tahun ini?

Puan Hajjah Rahman binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu jelas soalan yang pertama tadi kerana soalan asalnya ialah keberkesanan undang-undang penguatkuasaan. Ini berhubungkait

dengan mencegah kelajuan dan lebih muatan. Alat-alat yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi mungkin ini soal timbang berat kenderaan itu. Saya mohon izin jika inilah soalannya kita ada satu soalan tertentu ada hari besok untuk dijawab.

Dato' Haji. Zakaria bin Haji Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan alat mencegah kelajuan seperti ada kenderaan yang berat menggunakan lampu isyarat.

Tuan Yang di-Pertua: Radar trap.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Alat mencegah laju, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Sebenarnya mengenai soalan itu juga ada beberapa soalan yang sama telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi jika Tuan Yang di-Pertua izinkan, saya ingin menjawabnya sekali pada hari Rabu.

Soalan yang kedua, berkenaan mencegah kemalangan, ini sebenarnya saya ingin jelaskan sedikit. Yang saya sebutkan agensi-agensi yang melibatkan tadi selain daripada JPJ ialah Jabatan Polis dan Lembaga Lebuhraya Malaysia dan tiga-tiga jabatan ini terlibat secara terus-menerus untuk mempastikan kemalagan jalanraya ini terutama berhubung dengan kenderaan berat dapat diatasi.

Untuk makluman Yang Berhormat, soalan yang berikutnya ialah berkenaan dengan jumlah kesalahan lebih muatan, Jabatan Pengangkutan Jalan telah dapat mengesan sebanyak 11,124 kes lebih muatan sepanjang tahun 1980 hingga 1985. Dari jumlah ini sebanyak 4,309 kes telah dikompaunkan, sementara 5,361 kes telah dibicarakan dan sabit kesalahan, bakinya 1,454 kes belum selesai lagi. Hukuman jika sabit kesalahan adalah di bawah Seksyen 120 RTO 1985, penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda tidak lebih \$2,000 atau kedua-dua sekali, penjara dan denda, jika sabit kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Soal Jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertaayaan No. 17 hingga 23 adalah diberi di Lampiran "A"]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (5hb Disember, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom menyambung ucapannya.

3.34 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung semula ucapan membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1987 untuk menyebut beberapa perkara lagi yang saya fikirkan dapat memberi manfaat kepada negara dan kepada rakyat dari semasa ke semasa untuk menunaikan hasrat dan janji Kerajaan, janji parti sewaktu dalam pilihanraya pada bulan Ogos yang lalu, kerana sekarang ini orang ramai, rakyat sedang menunggu-nunggu hasil daripada janji 'Tradisi Membela Rakyat' terutama di luar bandar.

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah diwujudkan begitu lama untuk mengubah wajah luar bandar, kampung-kampung, desa-desa pendalaman supaya dapat merasa dan menikmati hasil perjuangan kemerdekaan sepertimana yang saya sebutkan pada awal perhahasan ini. Rakyat di luar bandar sama ada di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak sangat memerlukan jalan yang baik, bekalan air yang baik dan bekalan api yang sempurna. Sekarang ini kita lihat rungutan-rungutan daripada orang ramai, rungutan daripada rakyat luar bandar yang mana jalan-jalan di kampung-kampung masih belum sempurna, masih belum dapat dilengkapi, bekalan air begitu juga, bekalan api begitu juga.

Alasan Kerajaan kita terima mengatakan kampung-kampung di luar bandar ini berselerak untuk sebuah rumah atau dua buah rumah terpaksa dipacakkkan tiang elektrik 20 batang untuk sampai ke sebuah rumah tidak seperti di kawasan dalam bandar ataupun tepi bandar sauh batang tiang elektrik untuk 20 batang rumah, alasan itu kita terima. Tetapi adakah kita sedar bahawa rungutan ini makin menebalkan perasaan orang ramai terutama di luar bandar yang inginkan bahawa itulah sahaja harapan mereka untuk mereka dapat nikmat daripada Kerajaan, kerana kalau yang lain-lain dt karapung-kampung tradisi terutama sekali mereka hanya mengharapkan hasil daripada hasil buah-buahan setahun sekali. Sekarang ini kita sendiri tahu banyak kampung-kampung tradisional menjadi kawasan-kawasan terbiar tetapi masih ada penghuni dan penghuni di kawasan-kawasan terbiar di kampung-kampung yang terbiar ini ialah dari kalangan ibubapa kita dan daripada kalangan saudara mara kita sendiri yang masih memerlukan kepada projek kemudahan asas ini.

Di dalam ucapan pembentangan Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan sebahagian besar daripada peruntukan pembangunan tahun 1987 akan ditutaraakan di kawasan luar bandar, kawasan luar bandar sama ada di Semenanjung atau Sabah dan Sarawak. Jadi, saya mengharapkan supaya pelaksanaan projek untuk tahun 1987 sepertimana yang telah disusun setiap tahun melalui JKK, melalui tindakan daerah, melalui tindakan negeri, pembangunan daerah, pembangunan negeri sampai kepada pihak Jabatan Perdana Menteri yang akan mengatur dan menyusun pelaksanaan projek ini supaya dapat diutamakan kawasan-kawasan yang telah lama menunggu-nunggu hasil pembangunan infrastruktur atau prasarana yang tiga ini iaitu **api, air dan jalan**.

Kita tidak mahu setelah kita hampir 30 tahun merdeka ini masih ada lagi orang yang minum air parit yang berwarna hitam dan coklat. Kalau minum air sungai yang turun daripada gunung tidak apa, Tuan Yang di-Pertua, air itu jernih dan kalau di ulu-ulunya di Sarawak sana dia potong akar kayu, airnya pun bersih, jernih itu tapisan asli tetapi di Semenanjung banyak lagi kampung-kampung yang orang kampung masih minum air perigi, air parit, air sungai, pergila ke pendalaman sebelah Johor, ke pendalaman Hilir Perak kita akan dapat ini. Jadi, macam mana kita hendak mendapatkan warganegara yang betul-betul sihat, jauh daripada sakit untut, jauh dari malaria, jauh dari cacing kerawit, jauh dari denggi - ini denggi penyakit dalam bandar, di kampung tidak ada denggi, sebab orang bandar yang buang air banyak sebab itu air takungan Klang Gate sana tidak cukup; orang buang air, membazir air, sampai dalam bil air pun "jangan membazirkan air tetapi orang masih buang air juga. Yang teruknya orang luar bandar yang sekarang ini kena bil tunggakan tahun 1981 sampai tahun 1985 beratus-ratus pada hal orang kampung tidak dapat air. Orang Sepang, orang Kuala Langat sebelah Sepang sana tidak cukup air, tidak dapat air, air paip tidak keluar tetapi bil ada tunggakan, macamana?

Sedangkan ada kawasan-kawasan tertentu yang menggunakan air ikut suka untuk buat mandi binatang ternakan sehingga orang yang memerlukan air tidak dapat air kerana dia sedut air daripada mana-mana simpang paip. Ini saya minta Kerajaan mengambil tindakan. Adakah orang ini ada membayar bil bulanan atau bil tahunan kerana waktu dia sedut air tadi tidak ada meter dipasang di situ. Masuk dalam tanahkah, bawa pergi ke ladang, dia ditempat menternak. Kambing tidak mandi, ada satu jenis ternakan yang mesti mahu mandi. Orang ternak kambing tidak mandi. Kambingnya tidak mandi. Jadi ini yang saya dukacita.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena tikirkan itu bersama. Sekarang ini kalau kita tengok di kawasan luar bandar, sekolah-sekolah memang banyak yang baru, rumah ibadat banyak yang baru, jalan-jalan kampung juga memang banyak yang sudah baik dibuat tetapi apa yang menyediakan ialah, kadang-kadang pembahagian pelaksanaan ini tidak sama. Ada satu kampung yang tidak ada orang, jalannya siap dibuat sampai kehujung kampung. Ada kampung yang ada orangnya, dia buat sekerat, ini yang menjadi keluh kesah kepada orang ramai, kepada orang kampung.

Saya contohkan di Batu Pahat sana di Mukim 2 Bagan, Kawasan Parlimen Parit Sulong, sebuah kampung namanya Parit Haji Ibrahim. Hujung kampung itu dua batu jauh sekarang tiga kilometer, tidak ada orang tetapi jalan tar itu siap sampai ke bujung kampung. Yang satu lagi namanya Kampung Parit Bengkok, orangnya penuh tidak ada jalannya separuh sahaja. Jadi orang marah. Dia kata Wakil Rakyat pilih kasih. Tempat yang tidak ada orang, dia beri jalan. Ini Wakil Rakyat yang baik, lain kali jaga, kata dia.

Tuan Yang di-Pertua, perlaksanaan ini sepatutnya kita kena tengok di mana tempat yang ada keutamaan rakyat kita utamakan. Sebentar tadi kita dengar mengenai dengan perumahan. Sekarang saya masuk Kementerian Perumahan, untuk hendak menyelamatkan orang ramai, rakyat kita supaya setiap orang dapat mempunyai rumah sendiri. Rancangan untuk mengadakan 80,000 rumah ramah dalam jangka masa beberapa tahun yang akan datang ini kita puji, kita sokong. Daripada rumah \$25,000 hendak turunkan ke \$19,000 lagi bagus. Kalau boleh turunkan harga rumah sahaja \$9,600 lagi bagus. Tanah-tanah Kerajaan, cukai kenakan tiap-tiap tahun, Tidak payah adakan premium. Premium \$10 sahaja. Tidak usah mahal-mahal nanti hendak tolong rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan masalah perumahan ini ialah Negeri Selangor yang ada di sekeliling Wilayah Kuala Lumpur. Orang yang datang bekerja ke kotaraya Kuala Lumpur ini daripada 13 buah negeri. Dari Sabah pun ada, dari Sarawak ada, dari Kelantan, dari Terengganu, Perlis, Kedah, Pahang semua bertumpu ke Kuala Lumpur hendak cari kerja di ibu negara. Tetapi apa yang menjadi masalah sekarang, mereka hendak bekerja di Kuala Lumpur tetapi mereka duduk di Selangor yang mengelilingi Wilayah Kuala Lumpur. Jadi yang menerima kesan buat sekarang ini ialah Kerajaan Negeri Selangor sehingga di sekeliling ini padat. Kalau dulu Bukit Belachan, Bukit Melawati tidak ada orang yang hendak panjat, sekarang orang buat rumah haram. Kalau di Sungai Kertas, di Batu Caves Selayang, sampai sempadan Rawang, sampai sempadan Taman Templer, orang sudah buat rumah haram.

Jadi untuk menyelamatkan mereka yang kita gelarkan setinggan, yang kita gelarkan penduduk tanah haram, yang duduk di kanan kiri rel keretapi daripada Rawang sampai ke Pelabuhan Kelang, mereka duduk penuh dengan setinggan. Kita bualkan rumah panjang tidak cukup, buatkan rumah pangsa pun tidak akup. Buatkan pangsapuri tidak dibeli, buatkan rumah apa lagi, kondominium pun tidak laku, sampai diiklankan dalam TV dengan begitu cantik sekali pun tidak jalan juga, yang orang mahu sekarang rumah murah semurah-murahnya. Saya cukup setuju kalau Kerajaan boleh menurunkan kos pembinaan sebuah rumah murah itu mengikut nilai rumah murah, rumah biasa, untuk rakyat biasa pendapatan \$700 atau \$1,000 ke bawah dibuat dengan harga setinggi-tingginya \$9,600.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya sekarang ini katakan penduduk di rumah kawasan, rumah tanah haram itu kita sudah keluarkan 1,000 duduk di rumah panjang, 1,000 kelamin sudah kita keluarkan. Jawapan dalam Dewan ini beberapa hari yang lalu mengatakan ada 72,000 orang duduk sebagai setinggan di Wilayah dan sekelilingnya. 1,000 kita masukkah ke rumah panjang atau 1,000 kita pindahkan ke rumah pangsa harga murah tetapi kawasan yang ditinggalkan itu penuh balik. Datang balik orang duduk di situ. Datang balik kerana orang yang hendak pergi daripada rumah dia, dia jual rumah dia, dia jual tapak rumah dia macam dia punya. Sebuah rumah haram sekarang ini boleh laku paling rendah \$3,000 kalau paling tinggi sampai berbelas ribu kerana rumah haram sekarang ini pun bukan macam rumah haram di tepi jalan keretapi. Rumah-rumah setinggan ini ada yang cantik-cantik. Mercedez pun ada di kawasan itu. Volvo 244 pun ada di situ.

Tuan Yang di-Pertua, di sini Kerajaan sepatutnya mencari jalan menyelesaikan masalah ini. Jadi kalau satu kawasan setinggan diselesaikan penduduknya dipindahkan ke satu kawasan, kawasan yang kosong, hendaklah dipagar. Lekas-lekas dipagar, dihantar penguatkuasa di situ, siapa yang masuk balik, kalau perlu tembak, tembak **[Ketawa]**. Tembak dengan peluru kapurlah! Macam kawasan askar. Taruh papan - kawasan larangan. Siapa masuk akan ditembak. Begitu. Sebab hari ini dia kosong, besok orang masuk balik. Jadi kalau macam itu tidak selesai. Yang menjadikan tidak selesai ini kerana banyak di antara kita rakyat Malaysia sendiri yang tidak mempunyai kesedaran, perasaan tamak itu masih ada. Sebenarnya ada rumah, dia buat rumah haram. Rumah itu disewakan. Kemudian dia buat lagi., disewakan lagi.

Begitu juga rumah murah yang dibuat di daerah-daerah, dia dapat rumah di sini, dia minta pindah ke daerah lain kerana di sana pun dia dapat lagi. Lepas itu lima, enam tahun dia minta bersara nanti dia pindah ke daerah lain. Dia pun dapat satu rumah lagi. Adakah Kerajaan buat penyiasatan? Sebab dia tidak ada beri tanda. Kita tidak ada beri tanda - kad pengenalan orang yang dapat rumah itu kita tebuk satu lubang, satu rumah. Besok kalau dia temuduga dia sudah tebuk satu rumah; tebuk lagi, dua murah, tidak ada. Jadi masalah tidak akan selesai, Jadi, kalau macam itu saya menyeru kepada Kerajaan supaya menyelesaikan ini dahulu. Target kita 80,000 untuk orang yang sudah berkeluarga. Sedangkan lima tahun yang akan datang budak-budak yang masih bujang, dara akan berkeluarga dan akan berumah tangga, memerlukan rumah. Ini 80,000 pun tentu tidak cukup. Buat 80,000 lagi, ekonomi lembap.

Kalau selesai 80,000 ekonomi naik, keadaan kewangan negara kita bagus, senang hati. Ini perumahan rumah murah. Kemudian saya tengok beberapa projek rumah murah yang dibina oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, ini nanti jawapan Menteri, ini negeri punya hal, bukan kita punya hal. Saya tengok ada dua tiga projek perumahan yang sudah tiga tahun, empat tahun sudah siap, lalang sudah naik tinggi sampai ketingkap, tidak diberi sijil CFO. Orang telah menunggu dari dua tahun dahulu hendak pilihanraya. Undi kali ini dapat rumah. Kalau dapat pula, dapat corner lot. Tetapi sampai sekarang di Kuala Langat ada tiga, empat projek yang dibiarkan begitu sahaja sudah siap tiga, empat tahun dahulu.

Dalam Negeri Selangor ini banyak, ini sepatutnya Kerajaan Persekutuan boleh berunding, merundingkan dengan Kerajaan Negeri supaya menyegerakan pemberian rumah itu kepada mereka yang layak. Terserahlah kepada siapa-siapa yang layak, sebab dahulu kita kata pemilihan kepada orang-orang yang hendak rumah ini salah seorang jawatankuasa yang duduk dalam jawatankuasa temuduga itu Wakil Rakyat, tetapi akhir-akhir ini temuduga itu melalui komputer. Apabila melalui Wakil Rakyat kata tidak betul. Apabila pemilihan melalui komputer lagi tidak betul. Orang yang tidak cukup syarat dapat. Orang yang tidak duduk di situ dapat melalui komputer. Ini sudah berlaku, berlaku temuduga melalui komputer di projek perumahan Tanjong Sepat. Orang yang tidak duduk di Tanjong Sepat, yang duduk di Kepong dapat. Orang yang duduk di Jinjang boleh dapat. Sedangkan orang yang duduk di Tanjong Sepat sejak dari zaman darurat tahun 1948 harapkan rumah sebuah tidak dapat. Ini tolong fikirkan balik. Komputer punya pemilihan baikkah, atau cara temuduga cara lisan baikkah?

Jadi pada saya yang baik ialah temuduga cara lisan, ditemuduga berhadapan, kenal memang orang ini duduk di sini, orang ini kecergasannya macam **ini**. Anaknya sekian, sekian, tahu betul. Kalau komputer kita tidak nampak, orang main tekan dengan punat sahaja, keluar - lulus. Ini tidak lulus.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita kena fikir sama masalah ini supaya jangan satu masa nanti orang semua maki hamun kepada komputer. Komputer tidak salah, yang salah itu yang menjaga komputer. Jadi yang menjaga komputer itu besok kena sakit gatal kerana sudah banyak orang menyumpahnya. Hendak pegang punat komputer pun tidak boleh, semua orang maki dia.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan. Itu perumahan rakyat.

Kemudian perumahan kepada kakitangan Kementerian Pertahanan ini banyak saya tengok askar-askar kita ini duduk bertabur, duduk menyewa lagi. Tak usah jauh, kita pergi ke Port Dickson sahaja di Kem Garison Askar Melayu, kita tengok berapa banyak askar-askar di situ, perajurit kita yang menyewa di kampung-kampung. Sepatutnya di dalam Kementerian Pertahanan sana Unit Pembangunannya dapat memikirkan supaya setiap askar kita ini dapat duduk di kawasan-kawasan dia sendiri dengan sihat, dengan rihat anak-beranak. Begitu juga di Jalan Padang Tembak kita di Jalan Gurney sini, di Garison kita di sini berapa banyak askar-askar kita duduk di rumah haram, duduk di tanah setinggan, terkenal dengan kampung perajurit - Taman Hijau. Macam mana mereka hendak bekerja dengan selesa kalau perasaan setiap hari dia fikir bila rumah aku hendak kena sodok, bila rumah aku hendak dilanggar bulldozer, bila penguatkuasa Bandaraya hendak tarik rumah aku sedangkan penguatkuasa Bandaraya itupun juga sama duduk dekat rumah haram sebahagiannya. Ini yang susah [**Ketawa**]. Dia tarik rumah orang, dia sendiri duduk di tanah haram. Ini semua patut kita selesaikan, sebab saya kenal satu, dua orang yang tukang tolak rumah orang **ini**, awak sendiri duduk di mana? Duduk di Hulu Kelang. Di mana? Atas sedikit pada itulah, katanya. Maknanya kawasan tanah haram. Ini kita kena selesaikan. Kerana dia pun marah, aku sendiri pun duduk rumah haram, balik aku sodok sama-sama, katanya. Ini perasaan naluri manusia, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita sudah duduk aman, sihat, kita pun ingin orang lain pun aman, sihat macam kita. Kalau kita gelisah, kita pun mahu orang sebelah itupun gelisah macam kita. Ini sikap manusia biasa. Jadi kita cari supaya saudara kita ini dapat duduk aman, sihat, masing-masing dengan baik.

Saya pergi pula ke Padang Besar, ke Bukit Kayu Hitam, ke Rantau Panjang anggota UPP kita pun duduk menyewa di celah-celah, belakang-belakang kedai. Hendak pergi sebagai anggota Pencegah Penyeludupan, tetapi dia duduk di tempat-tempat yang tempat penyeludup itu duduk, dia pun tak dapat tangkap, sebab apa, sudahlah awak pun duduk sama-sama kita dekat sini, dekat celah-celah itu juga, macam mana. Ini sepatutnya kita utamakan kerana ini barisan hadapan kita. Pasukan yang beruniform ini orang barisan hadapan, kita cuma cakap sahaja, berjuang apa sahaja, harta ataupun nyawa, macam P. Ramlee kata malam tadi, tetapi apabila perang, kita suruh askar pergi depan, perajurit pergi depan. Untuk hendak mencegah penyeludupan, UPP pergi ke depan. Untuk hendak mencegah orang masuk sempadan, UKK pergi ke depan. Untuk hendak mencegah penyeludup daripada pantai Selangor, 61 orang penguatkuasa Kastam ada dekat kawasan pantai, tetapi orang inipun entah duduk dekat mana. Jadi kita kena selamatkan orang ini dahulu. Apabila orang ini dapat duduk sihat, rumah dia selesa, dia kerja pun selesa, sebab dia tinggalkan anak-isteri tidak kena hujan, tidak kena panas. Kalau hujan lebat pun tak tenggelam lantai simen, banjir, tak ada banjir. Dia kerja dengan perasaan tulus ikhlas berkhidmat untuk negara, dia tidak ada perasaan gelisah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi sebentar mengenai Kementerian Kesihatan. Meraang betul setengah-setengah hospital orang menunggu macam hendak tengok sarkas. Setengah-setengah

hospital kosong tiga hari tak ada orang masuk. Kalau tak percaya, saudara-saudara pergi Hospital Port Dickson, tak ada orang masuk di situ, lengang hospital, katil-katil kosong. Ada jururawat dengan pembantu hospital, dia berlegar, tak ada orang sakit di situ, sebab orang lebih suka pergi ke Hospital Seremban kerana Hospital Pork Dickson itu sudah tidak sesuai jadi rumah sakit, di keliling itu Jana Elektrik Tuanku Jaafar, dengan bunyi engin, macam mana orang sakit tak makin semput. Kalau Hospital Port Dickson itu hendak dikekalkan, pindahkan ke Pasir Panjang tempat yang aman atau ke Telok Kemang dekat dengan Merlin Inn sana, jadi orang sihat tengok air laut berombak biru, malam-malam tengok lampu kapal, jadi sakit ini cepat baik. Ini Hospital Port Dickson di sebelah petrol pump, di sebelah jana elektrik, sebelah sini lagi bulldozer korek, enjek empat kali pun tak boleh jadi apa-apa [**Ketawa**]. Jadi sudah tak sesuai, Hospital Port Dickson itu patut difikirkan, Ini kawasan Timbalan Menteri Kesihatan, dia hendak cakap barangkali tak sedap, saya bercakap, pindahkan pergi ke Sengkang Estate sana pun boleh. Ambil Estet Sengkang itu 200-300 ekar, jadi orang Linggi, orang Lubok China, orang Ramuan China Kecil daripada sebelah sana boleh datang, masih dekat, ini jauh orang itu pergi Hospital Seremban. Itu Hospital Port Dickson.

Hospital Batu Pahat nombor satu sekali Wad 8. Wad 8 Hospital Batu Pahat kalau kita masuk, ya Allah, ya rabbi, kalah bilik jemaah haji. Jemaah haji satu bilik 15 orang, tetapi Wad 8 Hospital Batu Pahat, wad yang sepatutnya isi 30 orang, saya pergi 80 orang dia **isi**. Fikir sahajalah satu bilik dia isi 80 orang. Sudah **itu**, jururawat ini dia tidak bengang macam kata Yang Berhormat Menteri 'hilang kepala'. Bukan hilang kepala, jururawat kita ini bingit.

Kalau sudah 80 orang sakit sana, hek sana, hik sini, misi sana, misi sini, dia pun tak tahu apa sebab, datanglah cerewet. Jururawat pun mulutnya macam burung tetibu kena pijak ekor - tuut-tuut-tuut-tuut-tuut-tuut. Ini jururawat. Saya dengar itu dahulu saya tengok sendiri jururawat kita di hospital ini kadang-kadang kerjanya kurang, tetapi becoknya lebih, sambil dia bawa masuk air kecing itu - cuut-cuut-cuut-cuut-cuut. Orang sakit pun tengok, macam ini hendak minta tolong sedikit pun - cuut-cuut-cuut-cuut-cuut. Dahulu kita ada gerak mesra, macam-macam kempen dibuat supaya kakitangan hospital dapat melayan orang sakit dengan senyum manis, dengan ramah mesra, tak bubuh ubat pun boleh baik, tetapi kalau macam itu gayanya, sebab itulah banyak orang kampung masuk hospital, cepat-cepat hendak balik. Lebih baik berubat cara kampung, ambil daun sireh dengan kunyit jantan sudah cukup, demam pun boleh kebah, boleh baik.

Ini duduk di hospital, doktor sudah tak bercakap. Doktor masuk ke wad tak bercakap, dia ketuk sana, ketuk sini, dia pun keluar, jalan; ketuk sana, ketuk sini, jalan, dia tak ada cakap apa-apa. Ini doktor pula. Yang tidak tukang periksa ini - cuut-cuut-cuut-cuut. Ini kita kena tengok - cuut-cuut-cuut, ini kena berhentikan. Kalau dia tak bercakap, tak apa, sebab orang sakit ini pun sensitif, dia tidak berbising dengan orang si sakit, tetapi orang sakit sensitif, dia pun balik cerita, mengadu begitu-begini, lebih baik kita pergi ke klinik swasta, begitu, begini. Kalau orang boleh pergi ke klinik swasta, bayar lebih, sanggup bayar, pergi hospital tak bayar, bayar pun \$1 atau 50 sen, kena bayar \$3 tetapi ada surat Ketua Kampung, Tok Penghulu, ini orang miskin, bayaran itupun batal, tetapi kerana adanya tadi kerena-kerena kakitangan kita yang

semacam itu, sebahagian kecil, tiidak banyak yang macam itu, ini yang kadang-kadang menjadikan orang meluat dan menyampah.

Jadi apabila kita bising, komplen, saya ini dilantik Lembaga Pelawat Hospital tiga tahun, ada kad, Tuan Yang di-Pertua, saya bawa, yang disign oleh Ketua Pengarah Perubatan, Kad Lembaga Pelawat. Saya masa melawat, awak kuasa apa, katanya. Eh, saya hendak melawatlah ini, ini Lembaga Pelawat ada kuasa melawat, saya hendak tanya orang sakit apa macam, layanan baikkah atau tak baik, pisang lembikkah, pisang keras, daging ayam wrestlingkah, ayam ternak, saya hendak tanya, Ini pergi hospital, daging ayam, ayam wrestling macam mana? Ayam wrestling ini daging ayamnya dikoyak pun tak boleh, disiat pun tak boleh. Sisik ikan, tulang ikan itu boleh dilontarkan, bunyi 'kelentum'. Jadi, kenapa macam ini? Ini semua kita kena hati-hati, kena fikir sebab tujuan kita membuat itu semua sekali untuk faedah rakyat, untuk manfaat rakyat.

Hospital Batu Pahat tadi, saya ulang balik, sudah sepatutnya Kementerian Kesihatan mengutamakan pembinaannya. Hendak lari ke Muar 30 batu, hendak lari ke Johor Bahru 75 batu, mati tengah jalan dekat Simpang Renggam. Hendak bawa ke Johor Bahru 75 batu, sampai di Simpang Renggam jalan maut, langsung maut di situ, tak sempat hendak pergi, sebab Hospital Batu Pahat sudah terlalu teruk. Jadi saya mohon kepada Kementerian Kesihatan tolonglah utamakan bina binaan baru Hospital Baru Batu Pahat, bukan untuk kepentingan sedikit, 3 kawasan Parlimen: Parlimen Parit Sulong, Parlimen Sri Gading, Parlimen Batu Pahat, 300,000 penduduk, bukan sedikit. Ini saya mohon supaya diambil perhatian yang berat,

Kemudian masalah kekurangan di hospital-hospital lain, macam di Hospital Daerah Banting yang begitu cantik, lengkap dengan semuanya,

tetapi apabila sampai ke sana doktornya tak ada. Doktor pakar bius tak ada, pakar bedah tak ada, sakit yang sedikit pun hendak bedah terpaksa bawa ke Hospital Tuanku Rahimah di Kelang dan sekarang Hospital Tuanku Rahimah pula sudah diisyiharkan akan dijadikan sebuah hospital tempat pakar satu bidang tertentu. Jadi besok kelam-kabutnya orang yang sakit biasa hendak masuk Hospital Tuanku Rahimah pun tak boleh masuk.

Pergi ke Hospital Banting, Hospital Banting beberapa pegawai perubatan yang perlu ada di sana tak ada, sedangkan bilik bedah semua ada, tetapi tukang bedah tak ada, sedangkan 'appendix' atau sakit tali usus ini perkara yang kecil yang patut boleh dibelah juga, terpaksa bawa ke Hospital Kelang. Sampai ke Hospital Kelang, benda itu meletup, meletup appendix itu sebelum sampai ke Hospital Kelang dihentak oleh ambulan. Ambulan itu tadi yang Nombor BR pula itu fikir sahajalah, sekarang sudah BCL hendak dekat BCR, ambulan itu BR lagi, BRkah, BAR, begitulah. Ini kalau sudah sepatutnya ambulan yang sudah tak boleh pakai itu hentikanlah dahulu, tukar dengan yang baru, diberilah satu peruntukan kepada Hospital Daerah Kuala Langat itu satu kereta ambulan yang baru supaya dapat lari lebih baik, dapat membawa pesakit dengan lebih selesa.

Ini kadang-kadang orang tengok apabila ambulan ini membawa pesakit ke Hospital Kelang, tayar yang cicir atau orang sakit dalam ambulan yang cicir. Ini berlaku.

Begitu juga dengan beberapa Pusat-pusat Kesihatan yang masih kurang lengkap. Ini saya mohon saya minta jasa baik Kerajaan khasnya Kementerian Kesihatan supaya dapat meneliti dengan sebaik-baiknya peruntukan perbelanjaan pembangunan dalam Belanjawan tahun 1987 ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya pergi kepada tanah terbiar. Tanah terbiar atau apa yang dikatakan sawah terbiar ini ada berpuluhan ribu hektar, ratus ribu hektar yang diumumkan oleh Menteri di dalam Dewan **ini**. Dijawab oleh Menteri bahawa pelaksanaannya akan dibuat. Cerita ini telah kita dengar beberapa tahun tetapi masih juga setakat itu.

Baru-baru ini saya mengikuti satu ruangan pertanian melalui MARDI. MARDI sendiri membuat satu kajian ke atas satu jenis tanaman selama 8 tahun. Kemudian satu siaran lagi saya ikuti MARDI sendiri membuat satu kajian hingga 5 tahun hendak menjadikan satu jenis tanaman itu sumber hasil negara bagi makanan rakyat. Terima kasih kepada MARDI yang begitu gigih meneliti satu jenis tanaman sampai 8 tahun, satu jenis tanaman lagi bagi 5 tahun dan sehingga beberapa tahun tanaman-tanaman yang mudah. Ini masih di makmal MARDI. Kajian itu masih di dalam makmal MARDI di Serdang atau di tempat-tempat lain, kalau makmal MARDInya di tempat lain.

Dalam masa kita kempen hendak menyelamatkan tanah terbiar, dalam masa kita hendak melaksanakan perancangan supaya ada siswazah-siswazah petani yang keluar daripada UPM ini balik ke kampung menjadi pak tani yang diberi tanah melalui tanah kelompok tadi yang

diusahakan, sekarang kita akan membolehkan orang luar negeri pula menguasai tanah kita secara komersial sewa pajak. Jadi, kalau anak-anak kita ini tadi kita beri 100 atau 200 ekar, mereka bersyarikat tiga, empat orang dan melaksanakan tanah **itu**, saya percaya kalau ini segera dilaksanakan boleh berjaya. Tetapi kalau hendak suruh anak-anak ini balik ke kampung, disuruh membajak kebun pesaka yang 3 ekar itu, disuruh membajak kebun pesaka dekat hulu yang 2 ekar sana, tak jadi. Tak jadi jawabnya. Jadi, bermiaga buluh kasap. Pinjaman entah ke mana, kobota dan trektor entah ke mana, benih baja entah ke mana, kesudahannya orang ini akan **lari** ke bandar balik, **lari** ke bandar balik untuk hendak mengubah penghidupan di bandar kerana mereka menganggap di bandar lebih senang; sedangkan kalau rancangan Kerajaan ini benar-benar dilaksanakan, tidak di atas kertas semata-mata, cubalah benar-benar dilaksanakan untuk faedah tanah yang terbiar dan untuk faedah tenaga belia-belia kita yang berpelajaran ini tadi kita berikan kepada mereka bimbingan yang sebaik-baiknya.

Kita baca dalam majalah, kita tengok dalam ruangan siaran TV, dengar radio, ternak udang harimau sekian puluh ribu, tanam anggur sekian puluh ribu, kacang goreng sekian ribu, jagung manis sekian ribu, jagung susu sekian ribu, pisang rastali sampai ke Tokyo, manggis hendak sampai ke Tokyo; betulkah benda ini? Ini yang saya fikirkan. Pisang rastali yang hendak sampai ke Tokyo dan dikatakan Tokyo berkehendakan pisang rastali, Tokyo berkehendakan papaya, Tokyo berkehendakan jambu - di tempat saya dipanggil jambu 'bol', jambu yang merah-merah iaitu jambu air boleh aampai ke sana. Ini semua ada di kawasan kampung tradisional, ada di kawasan kampung tanah terbiar.

Kalau Ahli-ahli Dewan ini balik ke selatan ikut jalan Seremban, hendak pergi ke Tampin ada satu selekoh itu penuh dengan jambu, Takkan jambu itu sampai ke Tokyo atau jambu itu sampai ke Korea. Ada jambu itu. Kalau kita pergi ke satu tempat lagi penuh pula dengan buah mata kucing. Ertinya tanah kita ini boleh diusahakan.

Saya pernah bercakap dalam Dewan ini supaya dikhkususkan kawasan tanamannya. Tempat yang hendak ditanam pisang, ditanam pisang sahaja; kawasan yang hendak ditanam jambu, tanam jambu sahaja sebab itu nanti orang ini boleh bertukar-tukar; di situ adanya pertukaran barang, pertukaran wang, adanya perniagaan. Jadi, kalau celam-celum, jadilah RISDA pun ada bela ikan air tawar, Jabatan Pertanian pun ada bela ikan air tawar, LKIM pun bela ikan air tawar, semuanya ada hendak bela ikan air tawar. Cuba satu sahaja yang hendak bela ikan air tawar, khususkan seperti agensi ini sahaja yang akan melaksanakan projek membela ikan air tawar, agensi ini sahaja yang menjaga masalah pisang, jambu, jagung susu, jagung manis dan sebagainya.

Kadang-kadang kita baca, kita tengok orang mendengar seronok, tetapi apabila sekarang setongkol jagung yang sudah berebus harganya 60 sen, sebesar lengan bayi, dikopek upihnya tadi, isi dalamnya ronggak macam gigi berok. Macam mana, sedangkan ini telah dilaksanakan dari benih-benih yang baik. MARDI telah membuat kajian sekian lama mengenai benih jagung ini tadi.

Kalau betul jagung in boleh menghasilkan hasil yang baik, kita khususkan satu kawasan; minta dengan Kerajaan Negeri Johor satu kawasan gunung, satu kawasan bukit dekat, Mengkibol, dekat Renggam di Jalan Mersing sana, hendak tanam jagung secara besar-besaran seluas 2,000 hektar seperti satu kawasan FELDA. Hantar 400 atau 500 orang pergi bekerja di kawasan jagung ini. Ini kalau di celum-celum

di sana sedikit, di sini sedikit, saya takut tak jadi.

Ada dibuat sekarang ini sebagai projek perintis untuk dijadikan tempat lawatan sahaja, buat lawatan, LPP buat lawatan, Jabatan Pertanian dalam Skim 2Lnya pun buat lawatan, Jabatan Penerangan pun buat lawatan, RELA pun buat lawatan, Bahagian Agama atau Jabatan Agama pun hendak tengok dan buat lawatan; jadi untuk menjadi tempat buat lawatan sahaja, sedangkan balik tak ada apa-apa.

Begitu juga dengan cerita lembu tenusu. Berapa banyak lembu tenusu sekarang ini yang kurus dan kering yang tak mengeluarkan susu lagi. Sudah berapa banyak mereka yang mengambil bahagian pada awalnya projek ini, sekarang sudah tak mahu lagi. Tetapi jawapan yang kita dengar ialah dalam projek susu ini ada yang berhenti dan ada yang datang baru. Jawapan itu memang betul, ada yang berhenti, ada yang mula, tetapi yang berhenti itu kita kena kaji mengapa mereka berhenti dan mengapameninggalkan usaha itu kalau usaha itu menguntungkan. Kalau usaha itu menguntungkan, mereka tidak akan tinggalkan projek itu kerana lembu diberi dengan harga yang murah iaitu \$500 satu ekor, diperah selama satu setengah atau dua tahun. Mengapa tidak untung? Tetapi kalau untung mengapa mereka berhenti, mengapa mereka tinggalkan usaha itu? Ini perlu dikaji.

Saya percaya kajian ini telah dibuat dan hasil kajian itu ada. Jadi, kalau kajian itu dibuat dan hasilnya merugikan, kalau perlu kita berhentikan, kita berhentikan; kita gantikan dengan usaha yang lain, kita gantikan dengan ternakan yang lain.

Sekarang apabila sudah hebh dengan ternakan rusa, semalam pun hendak buat kawasan ternakan rusa sebab dekat Parlimen ini sudah ada

rusa dari Indonesia, daripada 7 ekor sudah jadi 15 ekor dan hendak buat ladang rusa, esok Perak buat ladang rusa, di Kelantan hendak buat ladang rusa, di Johor hendak buat ladang rusa, kesudahannya kerbau hilang.

Lembu hilang, **biri-biri** hilang, selembu yang baru sahaja hendak diadakan projek, iaitu seladang kawin lembu jadi selembu, itupun hilang nanti. Fasal semua sudah syok dengan rusa pula. Apakah kita punya perancangan macam itu?

Sepatutnya kita ada satu-satu pengkhususan. Okay, hendak ternak rusa, ternaklah di Bukit Ceraka itu dijadikan kawasan rusa. Okay, supaya kita tiap-tiap minggu boleh makan daging rusa. Daging rusa ini bagus, menguatkan tenaga, lebih bagus daripada makjun Air Mancur. Itu daging rusa. Tanduk rusa pun boleh jadi ubat. Tetapi bagaimana dengan yang lain?

Saya takut nanti apabila perhatian ditumpukan kepada rusa, kepada kambing **biri-biri** yang hendak dilepaskan di kebun-kebun kecil getah, hendak menggalakkan pekebun-pekebun kecil getah memelihara ternakan kambing **biri-biri** atau kibas atau dumba. Kata orang tua-tua dahulu, kambing **biri-biri** itu "dumba", sebab itulah dikatakan mengadu-dumba. Maknanya mengadu kambing. Kambing berlaga dengan tanduknya, kita yang syok, itu yang dikatakan mengadu-dumba. Dalam pembangunan kita, dalam projek kita inipun, kita tidak mahu ada di antara agensi-agensi Kerajaan mengadu-dumba begitu, hendak melagalkan di antara projek dia dengan projek dia, minta peruntukan, kesudahannya berkecai sahaja, tidak ada hasil.

Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan daripada orang kampung. Saya katakan semula, saya ini orang kampung, harapan orang kampung supaya setiap kali kita meluluskan Belanjawan, pengurusan saya tidak mahu sebutkan, sebab pengurusnya sudah tentu cukap makan sahaja. Kalau ada lebih kerja masa sedikit-sedikit, yakni pembangunan kita yang banyak dikurangkan. Tetapi janji daripada Menteri Kewangan akan ditumpukan kawasan luar bandar. Saya mohon supaya benar-benar

dapat dilaksanakan pembangunan di luar bandar ini di mana kampung-kampung yang berdekatan dengan pekan-pekan kecil tetapi belum merasa nikmat parasarana bekalan api, air, jalan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah dengan setiap negara apabila rakyatnya ramai, banyak orang yang melakukan kesalahan. Apabila ada orang yang melakukan kesalahan, ditangkap, didakwa pergi ke mahkamah. Tetapi yang mendukacitakan ialah kes-kes kecil di mahkamah masih bertangguh bertahun-tahun. Alasannya ialah kekurangan Magistratekah, kekurangan Pendakwakah, kekurangan Peguam Bela, kerana Peguam Bela lebih suka mengambil bahagian dalam politik, itu saya tidak tahu. Tetapi apa yang menjadi masalah banyak kes-kes yang dibawa ke mahkamah tertangguh-tangguh.

Dahulu ada jaminan daripada Kerajaan mengatakan tidak akan berlaku lagi kes-kes di mahkamah ini tertangguh sehingga berlarut-larutan. Tetapi sebenarnya keadaan itu masih berlaku sehingga sekarang **ini**, kerana kita takut apabila berlarut-larut macam **itu**, maka akan berlakulah tonjol-menonjol, menolak menolak, suap menuap, maka berlaku rasuah. Apabila berlaku tonjol menonjol, suap menuap, rasuah merasuah, kena tangkap, lagi kes rasuah. Rasuah ini pun satu hal juga. BPR kita **ini**, yang ditangkap ikan **bilis** yang sempat masuk di celah-celah lukah. Ikan **yu** dan ikan **jurung** tersadai - nanti dijawab oleh Menteri, tidak **bilis** sahaja yang ditangkap, jurung pun kami tangkap, **yu** pun kami tangkap. Alhamdulillah, memang itu yang saya suka. Tangkap semua, tidak usah kira apa. Tetapi jangan di dalam pencegahan rasuah itu sendiri ada rasuah. Diharap begitu, diharap kita jujur supaya di dalam Badan Pencegah Rasuah itu sendiri

tiada rasuah. Ini harapan kita. Sebab ini berlaku di antara sama-sama pegawai di dalam jabatan itu sendiri, dakwa mendakwa. Tidak salah perkara ini masih dalam mahkamah, saya tidak boleh panjangkan lagi cerita itu. Ini berlaku, kalau itu tidak berlaku, tentu tidak berlaku keadaan yang seperti itu. Kita berharap supaya badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan yang dipentingkan ini dapat menjalankan peranannya dengan baik dalam melaksanakan khidmatnya kepada rakyat.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dahulu saya biasa sangat dengan khemah ataupun Pusat Latihan Belia di Dusun Tua, Pusat Latihan Belia di Pertak. Sekarang ini oleh keraaa sudah ada bermacam-macam corak latihan, sehingga apabila sudah adanya pula pusat-pusat SERENTI yang menyelamatkan penagih-penagih dadah ini lebih banyak daripada pusat memberi latihan kepada belia. Kalau tidak salah, pusat SERENTI ada berpuluh-puluh, tetapi Pusat Latihan Belia kita tidak berapa. Dengan ini diharapkan supaya KKBS dapat memainkan peranannya dalam memimpin belia-belia kita.

Dahulu saya pernah bercakap di dalam Dewan ini mengenai dengan konsep kebudayaan. Saya kata kebudayaan dengan kesenian lain. Panjang saya bercakap. Kalau kita buka Penyata Rasmi Parlimen, saya bercakap masalah kebudayaan hidup kita ke mana kita hendak bawa? Belia-belia kita dengan budaya ala-Malaysia ini ke mana kita hendak bawa? Panjang saya bercakap. Tetapi Menteri yang menjawab mengatakan saya bercakap mengikut perasaan. Apabila Menteri jawab, saya bercakap ikut perasaan, saya pun merasa keciwa, kerana saya mahu supaya kebudayaan ala-Malaysia ini benar-benar diamalkan, ditanamkan supaya tiada lagi persengketaan, tiada lagi perasaan dendam kesumat dan tiada lagi rasa benci membenci. Ini ada hubungannya

dengan Jabatan Perpaduan Negara, ada perpaduannya dengan kursus-kursus yang dianjurkan oleh semua jabatan, Kementerian hendak menanamkan satu konsep kebudayaan Malaysia. Nampaknya kita masih jauh hendak mencapai kepada natijah itu.

Apabila perkara ini masih jauh, ada golongan tertentu, orang-orang tertentu, orang politik mengambil peluang hendak menangguk di air keruh supaya memperlihatkan bahawa dalam negara kita ini ada krisis keyakinan, kurang kepercayaan. Orang pun menulis dalam suratkhabar, orang pun menulis dalam majalah, orang pun membuat andaian, orang pun membuat macam-macam teka teki, apa yang akan terjadi kepada negeri kita ini. Kita harap ini semua akan dapat diselesaikan sebaik-baiknya dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya telah mengambil banyak masa, untuk memberi peluang kepada rakan-rakan yang lain, jadi untuk menutup perbahasan saya ini, membahaskan Rang Undang-undang Perbelanjaan 1987, daripada satu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1987, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini, saya menyokong untuk diluluskan dan untuk menyelamatkan negara ini daripada petualang-petualang dan mereka yang tidak bertanggung-jawab, saya Sudah dengan serangkap pantun:

Pukullah gendang kulit kerbau,
Dalam majlis tari-menari,
Kalaulah diri sedar dagang perantau,
Buatlah baik dengan kami orang di sini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Akta ini untuk diluluskan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah bin Mohd. Said.

4.20 ptg

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun turut menyokong iaitu suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mana rakan-rakan kami telah banyak menyentuh berbagai-bagai Jabatan dan Kementerian, saya hanya menyentuh beberapa Kementerian yang tidak disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Shahrom bin Maasom tadi.

Pertama, suka saya menyentuh iaitu Kementerian Kewangan di mana dalam keadaan sekarang negara kita memerlukan berbagai-bagai sumbangan kewangan walaupun kewangan itu kecil hasilnya, kata orang kalau duit tidak ada satu sen pun berguna. Saya ingat masa saya sekolah kecil-kecil dahulu kalau satu sen wang itu dapat gula-gula lima. Tetapi sekarang satu sen itu sudah bersepah. Tetapi saya takut negara kita akan balik ke tahap itu, satu sen itu akan berguna. Jadi kita cuba berjimat dan mencari jalan bagaimana hendak mendapatkan walaupun satu sen pun jangan terbuang.

Saya masih ingat lagi bahawa sebelum negara mencapai kemerdekaan, Kerajaan Inggeris mengalami sikap positif dalam aspek pungutan cukai-cukai Kastam. Dan para Pegawai Penguatkuasa dari Jabatan Kastam bekerja keras mencegah dan mengesan aktiviti-aktiviti penyecludupan yang bertujuan untuk mengelakkan cukai dan mengelakkan

larangan import untuk eksport barang. Cukai-cukai sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah hasil untuk negara dan dari hasil inilah Kerajaan membelanjakan untuk pembangunan negara kita. Cukai dan hasil adalah seperti nadi Kerajaan kita. Kurang hasilnya kuranglah pendapatan Kerajaan kita untuk rakyat yang memerlukan berbagai-bagai kemudahan di kampung tradisional, di kampung baru, estet-estet dan sebagainya. Apa yang saya ingin membentangkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah pihak Kementerian serta unit-unit penguatkuasa undang-undang iaitu Jabatan Kastam mestilah bekerjakuat dalam semua aspek pungutan cukai sepertimana yang termaktub di dalam Akta Kastam dan Eksais; Akta Cukai Jualan dan Akta Cukai Perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak berniat hendak membebankan rakyat dengan cukai-cukai tersebut. Akan tetapi setiap negara di dunia ini perlu memungut cukai tersebut untuk mengisi ongkosnya. "Kerajaan bagi rakyat dan untuk rakyat " adalah falsafah kita. Kerana setiap sen cukai yang dipungut itu akan dibelanjakan untuk projek-projek yang memberi faedah kepada rakyat dan untuk rakyat.

Kita difahamkan bahawa sistem pungutan cukai jualan masa ini tidak berjalan secara positif kerana sistem kawalan yang kurang rapi. Pelesen-pelesen di bawah Akta Cukai Jualan berjalan secara longgar sahaja. Kawalan melalui dokumen-dokumen oleh pihak-pihak Jabatan Kastam menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Akan tetapi, peraturan-peraturan untuk mengawalnya, peraturan membayar cukai jualan, peraturan mendapat pengecualian cukai jualan tidak berjalan dengan teratur dan berkesan. Walau apapun alasan dan sebab-sebab yang mungkin diberi oleh pihak yang berkenaan, cukai jualan mestilah dibayar dan mestilah dipungut oleh jabatan yang berkenaan mengikut

jadual yang ditetapkan. Tindakan yang lebih tegas mestalah diambil terhadap pelesen-pelesen cukai jualan mengenai Penyata Bulanan jualan mereka dan lain-lain lagi. Pendek kata kedua-dua pihak iaitu Jabatan Kastam dan pelesen-pelesen mestalah menyedari tugas dan tanggungjawab masing-masing.

Pihak Jabatan Kastam harus meminta kerjasama Kementerian Penerangan untuk menyebarkan melalui radio dan televisyen dari masa ke semasa peraturan-peraturan mengenai cukai jualan.

Selain dari cukai jualan banyak juga hotel-hotel yang besar-besar telah tidak membayar cukai perkhidmatan mereka menurut peruntukan Akta Cukai Perkhidmatan. Pihak yang berkuasa undang-undang mestalah bekerja keras dalam semua aspek memungut cukai ini.

Mengenai kes-kes penyeludupan yang semakin bertambah dari masa kini seperti penyeludupan beras, kain, tekstail dan sebagainya, mungkin juga pihak yang berkuasa merasa lemah sedikit di dalam kelembahan ekonomi sekarang. Saya yakin dan percaya semua kakitangan Jabatan Kastam di seluruh negara telahpun diberi latihan dalam berbagai-bagai bentuk kursus dan latihan mengenai pengkastaman dan mereka mempunyai pengalaman yang amat luas dalam bidang pungutan cukai, pengesanan, pencegahan penyeludupan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada cukai kastam yang saya sebutkan tadi cukai pendapatan juga mestalah dipungut 100% oleh Jabatan yang berkenaan. Dalam kelembapan ekonomi sekarang, firma-firma atau orang perseorangan yang tertakluk kepada pembayaran cukai pendapatan mestalah membayar cukai tersebut.

Dalam hal ini Kerajaan telah bersikap adil dan bertimbang rasa, kerana cukai ini dibayar secara beransur-ansur dari bulan Januari hingga bulan Disember setiap tahun. Saya berharap semua pihak iaitu Jabatan Cukai Pendapatan dan firma swasta serta setiap individu yang kena membayar cukai ini hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan.

Selain dari itu, Kerajaan hendaklah menubuhkan pasukan khas yang terdiri daripada penganggur-penganggur yang berijazah yang lempah-lempah banyaknya di negara kita itu dengan membayar elaun-elaun yang ditentukan; dilatih cara mengesan elak cukai oleh firma-firma dan sebagainya. Tujuan kita ialah setiap sen cukai itu dapat dipungut untuk mengisi ongkos iaitu ongkos Kerajaan.

Pernah saya dengar perbualan dari orangramai bahawa pihak penguatkuasa terlalu lemah jenteranya dalam aspek pemungutan cukai pendapatan ini kerana rakyat biasa ada kalanya dapat melihat seseorang yang miskin atau sederhana tiba-tiba menjadi kaya raya memiliki kereta besar, rumah besar, makan angin di luar negeri selalu dan hidup terlalu mewah. Tidak lain tidak bukan, Tuan Yang di-Pertua, mereka ini pintar mengelakkan diri mereka dari membayar cukai Kerajaan.

Saya berharap pihak Jabatan Cukai Pendapatan hendaklah segera mengambil tindakan menubuhkan pasukan khas tersebut dan seterusnya menyusun strategi dan kaedah-kaedah yang berkesan untuk mengesan dan memungut cukai-cukai Kerajaan.

Mengenai prestasi para pegawai di jabatan-jabatan yang berakenan dengan cukai-cukai tersebut, mereka telah didedahkan dalam program kumpulan mutu kerja dan sebagainsya. Apakah yang perlu sekarang? Apa yang perlu sekarang ialah Kerajaan hendaklah memberi

galakan dan perangsang kepada pegawai-pegawai dari peringkat bawahan hingga ke atasnya sekali dan segala kejayaan mereka di dalam aspek pungutan cukai-cukai Kerajaan itu mestilah dikaji tiap-tiap tiga bulan sekali untuk menyukat sejauh manakah prestasi mereka di dalam bidang ini. Kerajaan perlu juga memberi pertimbangan dalam bentuk nilai bukan sahaja kewangan akan tetapi penghargaan yang mempunyai pengertian yang mendalam dan ternilai sehingga ke akhir hayatnya.

Saya yakin dan percaya jika para pegawai ini bekerja bersungguh-sungguh dengan ikhlas dan jujur serta dengan bijaksana tanpa menyalahgunakan kuasa atau mendera orang-orang yang tidak berdosa, Kerajaan pasti mendapat hasil yang tinggi. Di samping bertindak tegas terhadap firma atau individu yang wajib membayar cukai-cukai Kerajaan, setiap pegawai penguatkuasa mestilah menghormati hak-hak rakyat di bawah peruntukan undang-undang seperti hak membela diri, hak membuat rayuan, hak memberi penjelasan dan lain-lain lagi. Kita harus pandang dari sudut cukai mesti dipungut sebanyak mana yang boleh di samping memberi hak-hak rakyat menurut undang-undang. Pihak swasta pula haruslah menyedari hakikat bahawa di samping mencari keuntungan menerusi urusniaga mereka tanggungjawab untuk membayar apa juga cukai Kerajaan adalah menjadi kewajipan mereka. Pihak swasta betanggungjawab meneruskan program mereka sendiri secara dan kaedah membayar cukai dan semua hal mengenai perkastaman dan cukai dalam negeri. Di kalangan pihak swasta sendiri terdapat firma-firma yang mahir pula di dalam bidang ini untuk memberi perkhidmatan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu di Dewan yang mulia **ini**, saya berharap pandangan dan cadangan saya yang berupa konservatif dan agresif mengenai pungutan cukai Kerajaan, sistem pentadbiran yang lebih agresif akan dapat perhatian berat oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, walau apapun cabaran yang dihadapi oleh para pegawai penguatkuasa dari Jabatan Kastam dan Cukai Dalam Negeri, kita tidak dapat menatik bahawa pegawai-pegawai ini telah menjalankan tugas mereka dengan cemerlang, berani dan jujur, demi kepentingan pungutan hasil negara yang terpenting dan terbesar sekali di negara kita. Kerajaan hendaklah membuat sesuatu yang

positif pada hari Kastam dan hari Cukai Dalam Negeri tahunan supaya peranan dan aktiviti para pegawai dari kedua-dua Jabatan tersebut diberi penghargaan yang setimpal dengan tugas yang cemerlang yang dilakukan oleh mereka dalam bidang pungutan hasil negara. Kalau Tentera dan Polis pertanggungjawab dt atas keselamatan negara, akan tetapi Jabatan Kastam dan Jabatan Cukai Dalam Negeri bertanggung-jawab ke atas pungutan hasil negara Malaysia yang terbanyak sekali. Dalam Dewan yang mulia ini, saya ucapkan syabas kepada Jabatan Kastam dan Jabatan Cukai Dalam Negeri dan berharap agar bekerja dengan lebih gigih lagi. Di samping itu, pihak Kementerian Kewangan hendaklah memperuntukkan kewangan yang secukupnya untuk perjalanan jentera jabatan tersebut supaya lebih berkesan lagi di dalam tahun 1987 yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit mengenai Kementerian Pelajaran. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia telah menyarankan supaya bahasa Cina dan Tamil dianggap sebagai bahasa asal. Dan oleh kerana Malaysia adalah sebagai ibu pertiwi, maka Bahasa Malaysia haruslah kita anggap sebagai bahasa ibunda kita. Beginilah pendirian kita semakin hari semakin matang dan pemikiran kita menjamin kesejahteraan hidup rakyat jelata. Malaysia mempunyai rakyat berbilang kaum dan keturunan, tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh meneruskan perjuangan hidup kita ke arah pembentukan sata rakyat Malaysia yang tulin dan mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai warganegara yang cintakan ibu pertiwi ini, kita mesti sanggup menerima Bahasa Malaysia sebagai bahasa ibunda. Semua golongan rakyat di samping mengenal, mengembang dan membanggakan bahasa asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh yang nyata, orang-orang Kelantan akan terus menggunakan dan mengembangkan loghat Kelantannya. Orang-orang di Taiping, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis dengan loghat Utaranya. Dan orang-orang Sarawak sebelah saya ini dengan bahasa daerah mereka masing-masing. Tiada ketinggalan pula sababat-sahabat kita orang-orang Tionghoa dan Tamil bebas bertutur dengan bahasa asal mereka. Apa yang menjadi perkara pokok ialah kedaulatan Bahasa Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, dan kedaulatan bahasa ibunda kita. Setiap rakyat mestilah menerima hakikat bahawa Malaysia adalah tempat lahir dan di sini sahajalah hidup-matinya untuk ibu pertiwi yang tercinta. Sama ada kita mesti mendaulatkan bahasa ibunda itu atau sebaliknya adalah suatu bukti yang nyata ia itu apakah kita rakyat Malaysia yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran kita pada masa ini nampaknya bersungguh-sungguh mengkaji semula dasar pelajaran negara ini berdasarkan kepada keadaan politik dan sebagainya. Sebagai contoh, sejarah negara Malaysia mestilah dijadikan matapelajaran yang wajib dipelajari dan lulus dalam peperiksaan dari sekolah rendah hingga ke universiti. Ini kerana jenerasi yang lahir dalam tahun 60an dan selepas merdeka tidak menempuh pengalaman dalam masa rakyat menentang Malayan Union Inggeris dan kemerdekaan tanahair. Kita pula jenarasi muda telah mencapai kejayaan dalam bidang akademik dan memegang jawatan tinggi sama ada Jabatan Kerajaan atau swasta. Malangnya, tinjauan kita menunjukkan kebanyakan jenarasi muda ini tidak tahu menulis dan membaca tulisan jawi.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak tekankan di sini dan menitikberatkan dalam temubual saya dengan penduduk-penduduk kampung saya dengan rakyat kita di kampung-kampung, termasuk juga ahli-ahli bijak pandai berpendapat bahawa sudah sampai masanya Kementerian Pelajaran mengkaji semula matapelajaran tulisan jawi ini. Dan ramai

berpendapat tulisan jawi mestilah dijadikan satu matapelajaran yang wajib juga lulus di sekolah rendah sampai ke universiti. Kerana kalau rakyat ataupun orang-orang Melayu yang tidak tahu menulis dan membaca jawi, mereka ini tidak akan boleh membaca Al-Quran. Jauh sekali untuk menghafal ayat-ayat Suci ataupun doa-doa dalam Al-Quran. Ini yang terpenting. Kalau hendak diterjemahkan dalam tulisan rumi, tidak sama maknanya. Khususnya yang beragama Islam dan sebagai pilihan kepada yang bukan Islam, kerana apa salahnya kalau kita mempelajari tulisan Jepun, Prancis dan sebagainya lain untuk dijadikan alat perhubungan antarabangsa. Tulisan jawi ini akan membolehkan anak-anak Melayu menjadi mahir menulis dan membaca jawi, seterusnya boleh membaca Al-Quran dan kitab-kitab yang ditulis dalam bahasa Arab.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menunaikan tanggungjawab kepada rakyat yang beragama Islam maka saya berharap pihak Kementerian Pelajaran mempertimbangkan cadangan berikut ini:

- (i) tulisan jawi mestilah dijadikan matapelajaran yang wajib dipelajari dan lulus dari sekolah rendah hingga ke universiti, khususnya penuntut Islam dan sebagai matapelajaan pilihan kepada yang bukan Islam. Mungkin juga yang bukan Islam ini ingin mempelajari tulisan jawi dan tidak ada kesalahan jika mereka mempelajarinya.
- (ii) Kementerian Pelajaran hendaklah membuka kelas-kelas tulisan jawi di bandar-bandar, kampung-kampung juga desa-desa sebagai satu program jangka pendek memberi peluang kepada belia-belia menyertai kelas ini selepas waktu

pejabat. Dan menggunakan tenaga pengajar sukarela untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan. Saya pun boleh jadi pengajar kerana saya pandat membaca dan menulis jawi;

- (iii) pihak Kementerian hendaklah menganjurkan pertandingan tulisan jawi di sekolah rendah sampai ke universiti sebagai langkah-langkah yang berkesan untuk menggalakkan jenerasi muda ini mencintai tulisan jawi;
- (iv) semua sarat menyurat di jabatan Agama Islam, termasuk Hal Ehwal Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri mestilah dari sekarang menggunakan tulisan jawi;
- (v) setiap sekolah rendah, menengah, tinggi dan universiti mestilah mempunyai kutubkhanah yang mengandungi buku-buku dalam tulisan jawi untuk rujukan dan sebagainya,

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa Kementerian Pelajaran lebih arif untuk menyusun program-program atau strategi mengenai tulisan jawi ini dan apa yang diharap oleh rakyat ialah tindakan tegas pihak Kementerian supaya jenerasi muda di zaman ini dan di zaman tahun 2000 nanti tidak lagi buta huruf dalam tulisan jawi. Kita tidak mahu anak cucu kita akan datang menuduh kita bertanggungjawab di atas kehilangan dan lenyapnya tulisan jawi di negara kita ini.

Di bawah kepimpinan Kementerian Pelajaran yang dinamis di masa ini, umat Islam di seluruh negara menaruh kepercayaan yang besar agar pihak Kementerian akan mengambil perhatian berat mengenai tulisan jawi ini. Kalau murid-murid, penuntut-penuntut atau anak-anak kita tidak tahu membaca dan menulis jawi, mereka tidak akan dapat membaca Quran.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya suka sebutkan di sini kerana ada orang kampung yang datang sendiri ke rumah saya untuk membawa perkara ini, yang mana matapelajaran muzik di sekolah rendah banyak terdapat keluhan ibu bapa. Matapelajaran muzik di sekolah-sekolah rendah kebangsaan iaitu sekolah Melayu di kampung-kampung tidak payah diajarkan kerana budak yang menerimanya terlalu muda. Jadi di mana kita hendak mengajarnya dengan pelajaran agama, membaca Quran dan Muqadam di kala itu pula kita hendak kenalkan dia dengan muzik, jadi otaknya sudah terpengaruh di mana kita hendak terapkan dia dengan nilai Islam, di mana kita hendak menyerapkan dia dengan tulisan jawi, dengan bacaan 'Alif' 'Ba' 'Ta', bagaimana mereka hendak menerima pelajaran muzik. Saya rasa Kementerian Pelajaran hendaklah mengkaji semula matapelajaran muzik di sekolah-sekolah kebangsaan di luar-luar bandar. Sekolah jenis kebangsaan kita tidak sentuh, iaitu sekolah jenis kebangsaan seperti China (Tionghua), Inggeris dan sebagainya. Kita sentuh sekolah-sekolah rendah kebangsaan di luar-luar bandar. Ibu-bapa tidak mahu menerima matapelajaran muzik supaya tidak diajarkan di sekolah-sekolah rendah kebangsaan di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh, sedikit walaupun ramai kawan-kawan serta rakan-rakan saya yang telah menyentuh mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana isu ini ialah perkara yang panas dan pernah dibangkitkan

dan perkara ini telah masuk dalam manifesto pilihanraya iaitu mengenai rumah kos rendah.

Pertama, saya ingin menyentuh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana ekonomi negara kita yang masih tidak menggalakkan di masa ini, saya berharap pihak Kementerian Perumahan mestilah mengambil langkah positif mengenai dasar Kerajaan untuk mendirikan lebih banyak lagi rumah-rumah kos rendah dan rumah-rumah harganya selaras dengan saranan yang telah disampaikan oleh pemimpin-pemimpin kita. Pembinaan rumah-rumah yang lebih murah dari apa yang ada sekarang ini terutamanya di kawasan luar bandar sangatlah besar ertiya kepada rakyat yang masih tidak mempunyai rumah sendiri. Selain dari harga yang murah, saya berharap syarikat-syarikat pembinaan rumah-rumah berharga murah ini janganlah mengambil kesempatan pula menggunakan bahan-bahan yang rendah mutunya, dengan izin, sub-standard seperti Lebih banyak pasir dari simen, tembok-tembok yang diperbuat dari batu blok berlubang lekas pecah dan retak dalam tempoh beberapa bulan dan berbagai-bagai lagi yang menyediakan para pembelinya. Ini seolah-olah melepaskan batuk di tangga sahaja dan apa yang lebih mereka pentingkan ialah keuntungan yang lumayan sahaja kepada si pembuat rumah.

Rakyat jelata telah mengikuti dari masa ke semasa berbagai-bagi perakuan dan jaminan yang dinyatakan oleh pihak Kerajaan iaitu Kerajaan akan mendirikan rumah kos rendah dan lebih murah di seluruh negara untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Kalau kita berpeluang ke kedai-kedai kopi atau kedai-kedai makan sama ada di bandar atau di luar bandar, kita boleh mendengar perbualan-perbualan orang-orang yang membeli rumah-rumah murah yang dikatakan rumah kos rendah. Mereka berkata harga rumah yang dikatakan kos rendah,

sebenarnya bukan rendah lagi, tetapi harganya sederhana dan mutu bahan pembinaannya tidaklah setimpal dengan harganya. Namanya rendah, tetapi bukan murah - sederhana dan bahan yang dibuatnya adalah bahan-bahan yang tidak baik. Dengan lain-lain perkataan atau dalam bahasa pasa 'tidak baik', misalnya, batunya kasar ada kalanya rumah ini dindingnya dipasang soft-board, kena anak 2-3 orang yang dapat rumah itu bila kita tolak dengan siku, dinding sudah berlubang, jadi menimbulkan masalah kepada si pemilik rumah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya takrif pekerja yang berpendapatan rendah terbahagi kepada beberapa kumpulan seperti:

- (i) pekerja-pekerja sama ada dalam sektor awam atau swasta yang berpendapatan tidak melebihi \$600 sebulan ialah pendapatan ai suami sahaja atau kedua-dua suami-isteri. Pendapatan ini mungkin memberi jaminan hidup kepada satu keluarga yang kecil seperti suami-isteri yang mempunyai 2-3 orang anak sahaja,
- (ii) mereka yang berpendapatan \$300 sebulan.
- (iii) mereka yang berpendapatan gaji harian lebih kurang \$250 sebulan, buruh kasar, penarik beca dan lain-lain lagi adalah dalam kumpulan ini dan mungkin mereka bernasib baik kerana mendapat sokongan kewangan daripada anak-anak mereka yang bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang miskin dan yang berpendapatan rendah ini masih bpleh hidup di dunia ini, mungkin cara hidup mereka sendiri sampai ke anak cucu mereka. Rakyat dalam golongan inilah merasa bahawa nasib mereka telah dan sedang diperjuangkan oleh

Kerajaan melalui pembelian-pembelian rumah-rumah kos rendah dengan harga yang murah. Mereka mungkin mampu membayar sewa antara \$60 hingga \$80 sebulan untuk mendapat tempat berteduh seperti rumah-rumah berharga murah itu. Kita boleh gambarkan apa akan jadi kepada ekonomi mereka sekiranya mereka terpaksa membayar sewa bulanan antara \$120 - \$140 sebulan. Inilah kawasan-kawasan pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah menghadapi masalah dan mengeluh serta mengenangkan nasib dan masa depan anak isteri mereka, mungkinkah berpeluang membeli rumah yang harga rendah yang termampu oleh mereka untuk membayar atau terus menduduki rumah-rumah setinggan atau bilik-bilik kecil yang murah sewanya itu.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama Kerajaan membina rumah-rumah berharga murah ini adalah semata-mata untuk menolong meringankan beban rakyat yang berpendapatan rendah itu, kerana mutu rumah yang dikatakan kos rendah pada masa sekarang ini ialah menimbulkan lebih banyak masalah kepada pembeli-pembeli. Kita telah dapat melihat keadaan yang tidak selesa yang terpaksa dihadapi oleh mereka apabila mendiami rumah-rumah kos rendah itu kerana mereka terpaksa mengeluarkan perbelanjaan sendiri melalui hutang atau bergadai-bergolok untuk memperbaiki simen-simen, dinding-dinding dan tembok-tebok, bumbung-bumbung bocor dan sebagainya yang amat menyakitkan mata jika dipandang. Inilah masalah yang dihadapioleh rakyat di masa ini. Saya tidak boleh bercakap lebih kerana sedih dan hatipun sakit.

Berlandaskan kepada pendapat ramai, saya berharap pihak Kementerian memberi perhatian kepada cadangan berikut ini, kalau hendakkan betul caranya.

- (i) rekabentuk rumah harga rendah mestilah diseragamkan di seluruh negara, termasuk harganya sekali, dengan diambilkira pendapatan kemampuan mereka untuk membayar setiap bulan. Jadi kita tidak mahu Selangor rumahnya bentuk lain, harga lain, Negeri Sembilan bentuk lain, harga lain; Melaka rumah harga lain bentuk lain, di Johor orangnya mungkin kaya, rumah lain, bentuk lain. Kita mahu rumah kos rendah itu bentuknya sama, harganya sama, mutunya sama. Kita mahu diseragamkan semua di seluruh negara oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- (ii) tindakan undang-undang hendaklah diambil terhadap kontraktor-kontraktor yang melakukan penyelewengan dalam aspek pembinaan rumah harga murah ini seperti mendakwa mereka di mahkamah dan membatalkan lesen pendaftaran mereka jika menyeleweng dari dasar apa yang dikehendaki.
- (iii) cara membeli dan membayar setiap bulan mestilah ditetapkan oleh Kementerian.
- (iv) segala kerosakan dalam tempoh 6 bulan hingga setahun semenjak tarikh pembeli mendudukinya mestilah diperbaiki oleh kontraktor sendiri tanpa membayar tambahan oleh si pembeli.

Tuan Yang di-Pertua, di sini sedikit sahaja lagi saya ingin menambah iaitu di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Sejajar dengan hasrat Kerajaan untuk mendirikan kilang-kilang kecil di luar bandar, saya harap projek-projek seperti ini dapat diteruskan memandangkan kepada beberapa faedah yang akan dinikmati oleh rakyat:

- (1) Pengujudan kilang-kilang tersebut akan dapat membantu pengusaha-pengusaha kecil di luar bandar, memproses hasil tanaman mereka dan akan dapat membantu peniaga-peniaga ataupun peningkatan daya pengeluaran mereka.
- (2) Barang keluaran tempatan seperti ini akan dapat dipasarkan dengan harga yang lebih murah kepada rakyat. Dalam usaha-usaha Kerajaan untuk meninggikan lagi teknologi moden di negara kita, saya harap MARA mestilah melipat-gandakan aktiviti mereka seperti membuka peluang yang lebih luas lagi kepada para belia terutama di dalam latihan-latihan vokasional, melalui latihan-latihan yang berupa lebih agresif akan dapat membekalkan ilmiah-ilmiah serta kepakaran dalam bidang membaiki segala jenis engin motor seperti engin kereta, membaiki kereta, mengecat kereta, motosikal dan lain-lain lagi. Dengan sijil dari sekolah vokasional tadi, para belia akan dapat lebih

berkeyakinan untuk melibatkan diri mereka tanpa bergantung sangat kepada Kerajaan. Kita berharap pada satu hari nanti akan dapat melihat bengkel-bengkel membaiki kereta di sepanjang jalan dari Perlis sampai ke Johor kesemuanya diusahakan oleh para-para belia kelulusan sekolah vokasional kelak. Ini juga satu caranya bagi menyekat para-para belia berhijrah ke bandar, menganggur dan sebagainya di bandar-bandar besar.

- (3) Hasil kraftangan juga perlu diberi perhatian berat oleh Kerajaan, bukan sahaja dari segi daya pengeluarannya malah dari aspek pasaran-nya. Kita berharap Kedutaan-kedutaan Malaysia di seberang laut serta persatuan-persatuan pelajar di seberang laut mestilah memasarkan barang kraftangan secara lebih meluas lagi supaya rakyat dari desa di tanahair kita akan dapat mewujudkan lebih ramai lagi pekerja dan memperkenalkan kraftangan Malaysia di seberang laut dan kalau boleh di seluruh negara-negara yang mempunyai perhubungan diplomatik dengan negara kita.

Pengeluaran kain batik juga perlu diasahakan dengan lebih gigih lagi oleh MARA kerana ramai orang-orang di Kelantan dan Terengganu mempunyai kemahiran di bidang **ini**. Kita tidak mahu melihat perusahaan ini terbengkalai di tengah jalan, kerana kita dapati masih

banyak pembeli kain batik di kawasan pantai barat seperti Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. MARA saya fikir boleh berusaha lebih giat lagi dalam aspek membaiki mutu pengeluarannya serta mencari pasaran yang luas. Kedutaan-kedutaan negara kita di seberang laut serta persatuan-persatuan pelajar di luar negeri mestilah bersama-sama membantu memperkenalkan kain batik Malaysia di seberang laut.

Selain dari itu pengusahaan kain batik ini perlu juga dibawa ke sebelah pantai barat seperti negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak dan tidak sahaja kepada Kelantan dan Terengganu. Ini kalau kita beli batik, hendak pakai batik, batik mana? Batik Kelantan. Batik mana? Batik Terengganu. Ini kita akan datang biarlah MARA memberikaa tunjuk ajar dan ilmunya batik mana, batik Johor, batik dari keluaran mana, batik dari keluaran Melaka. Jadi, batik itu ada di setiap negeri di sebelah pantai barat juga, tidak terhad kepada Kelantan dan Terengganu sahaja, itu tujuan saya di-bawa ke sebelah pantai barat supaya para belia yang menganggur boleh mempelajari seluk-beluk dan mengusahakan perusahaan batik-batik **itu**. Sepertimana kain batik, cara menenun kain songket juga perlu dipasarkan secara luasnya di seberang laut di samping membawa perusahaan ini ke pantai barat untuk para belia yang menganggur melibatkan diri dalam perusahaan kain songket pula. Saya rasa gadis-gadis manis, juga ibu-ibu di sebelah pantai barat ini tidak kurang mempunyai jari-jari yang halus, yang bijak boleh menenun kain songket yang tinggi mutunya seperti orang-orang Terengganu dan Kelantan. Jika diberi peluang wanita-wanita dan gadis-gadis di sebelah pantai barat juga boleh mengeluarkan kain songket seperti gadis-gadis dan ibu-ibu di pantai timur.

Saya berharap pihak Kementerian akan memberi pertimbangan kepada cadangan saya ini kerana suri-suri rumah di Melaka khasnya dan di Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak juga boleh menolong suami mereka bagi menambahkan pendapatan mereka lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang - keadaan ekonomi yang lembab dan meleset ini - dengan menggalakkan penceburan para suri rumah tangga dalam bidang kraftangan. Pihak Kementerian mestilah menggalakkan pengujudan industri-industri kecil di kawasan luar bandar sejajar dengan saranan pemimpin kita.

Perlu juga kita teliti akan kemudahan perindustrian diluar bandar dipertingkatkan seluas-luasnya dalam konsep berjimat cermat, pihak Kementerian perlulah sedar akan langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan perbelanjaan tanpa mengurangkan kemudahan asas utama dalam peruntukan untuk membina masjid-masjid baharu. Maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, ini sudah tertinggal ayat ini. Dalam masalah kemelesetan ekonomi tadi, walaupun Kerajaan hendak mendirikan industri-industri kecil menggunakan wang peruntukan luar bandar tetapi peruntukan wang ini juga mendirikan mesjid dan surau, janganlah dijejaskan. Surau-surau dan masjid-masjid yang ada tidak perlu ditambah, cuma kita berikan peruntukan masjid dan surau kepada peruntukan membaiki sahaja. Jadi, kadangkala ada setengah kampung, setengah tempat kalau Wakil Rakyat hendak popular, Menteri hendak popular masjid baharu dan kukuh itu dirobohkan dan dibuat satu masjid yang cantik dan indah. Jadi, ini tidak ekonomik dan membazir.

Maksud saya tadi, dalam keadaan ekonomi sekarang, masjid-masjid yang ada kita tidak perlu dibuatkan lagi. Cuma kalau rosak perlu dibetulkan dan kalau hendak besarkan sedikit ditambah, tidak perlu

diroboh dan dirombakkan, Begitu juga surau, kalau surau itu kukuh cuma kita tambah dan betulkan sahaja, kita tidak perlu robohkan. Ada yang saya tengok baharu tiga tahun, saya lalu surau itu sudah roboh, sayang batunya sudah dipecahkannya, itu tidak perlu, itu semua membazir - tidak perlu.

Patutlah dalam Hadis kata dunia di akhir-akhir zaman terdapat ramai manusia akan membuat banyak masjid dan surau tetapi orang hendak sembahyang tidak ada. Jadi, surau terlalu banyak, masjid terlalu banyak orang tidak ada. Jadi, ini pembaziran. Surau ada, masjid ada dan kalau rosak kita betulkan, kita baiki, jangan roboh. Roboh, bina baru, ini hendak cantik, hendak popular, hendakkan pengaruh, sudah ada dirobohkan dan bina yang baharu. Kalau tidak ada, kita bina, sudah ada kita baiki, kita tidak mahu wang itu membazir. Lebih baik wang itu kita dirikan industri-industri kecil untuk menolong kehidupan orang kampung, menolong belia-belia mendapatkan pekerjaan, suri-suri rumah dan gadis-gadis yang hilang pekerjaannya akibat kemelesetan ekonomi, akibat penutupan kilang-kilang, banyak gadis-gadis, suri-suri rumah yang berpendapatan dari-pada kilang, bila mana kilang sudah tutup tidak ada kerja.

Jadi, melalui perindustrian kecil, perusahaan-perusahaan kecil di kampung, mereka dapat menampung penghidupan, walaupun \$3 sehari berguna buat mereka untuk mengalas perut mereka untuk pagi dan petang. Ini amat berguna dalam keadaan sekarang. Kata orang dalam raasa kelemasan, sakeping papan pun kita perlu untuk berpaut untuk kita sampai ke tebing, kata pepatah Melayu. Dalam keadaan ini amat saya tegaskan kerana salam perjalanan saya merayau-rayau ke kampung-kampung saya lihat masjid cantik diroboh hendak buat besar, lebih hebat, tidak perlu, kita cuba perbaiki, surau itu cantik, kita roboh, buat baru tidak payah. Cuma kita baiki, Kalau hendak cantik kita **cat**, tampal-tampal sedikit, itu sahaja maksud saya. Ayat ini tadi telah tertinggal. Begitu juga kalau balai-balai raya kalau yang sudah compang camping kita betul, itu mustahak kerana orang kampung hendak mesyuarat dan bilik bacaan itu kita perlu baiki, tidak payah kita bina, kalau kampung yang tidak ada kemudahan asas, balai raya langsung tidak ada itu kita perlu bina. Mana yang ada kita cuma baiki. Peruntukan baiki, tetapi jangan Kerajaan memotong terus peruntukan walaupun dalam keadaan ekonomi merosot, kita tidak hendak Kementerian Kewangan memotong terus peruntukan-peruntukan dan kemudahan-kemudahan asas di kampung-kampung.

Kemudahan-kemudahan di kampung-kampung kata orang pun nadi penggerak ataupun orang-orang kampung tidak tahu apa itu kemerosotan ekonomi, apa itu kemelesetan. Cuma dia mahu jalan, dia mahu air, dia mahu elektrik, api dan tempat mesyuarat, balairaya dia ada, tempat dia menjalankan aktiviti dia ada, Surau-surau itu boleh digunakan, masjid-masjid boleh digunakan, tidak perlu sangat cantik,

kerana orang-orang di kampung ini tidak perlu cantik sangat, cuma dia perlu benda itu ada. Di kampung-kampung yang tidak ada perlu ada, walau bagaimanapun dalam keadaan ekonomi meleset benda yang kampung-kampung yang masih belum ada itu perlu diadakan. Seperti kawan saya cakap tadi, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom Maasom memang betul, memang di Negeri Johor di Batu Pahat dan sebagainya memang ada terdapat kampung-kampung yang masih masa kini meningkat 30 tahun kita merdeka masih yang tidak ada **air**, masih kampung yang jalanraya berdebu, masih terpencil, masih tidak ada jalanraya untuk membawa hasil tanaman mereka.

Jadi, kemudahan-kemudahan asas inilah yang rakyat perlu, yang rakyat rintihkan daripada Kerajaan. Bukan gedung-gedung yang besar, bukan bangunan mencakar langit, bukan jambatan yang cantik, api yang gemerlap seperti syurga, tidak, kemudahan-kemudahan asas ini yang mereka hidup. Orang kata Malaysia telah merdeka dan berdaulat, bangga maruah negara, maruah bangsa tetapi mereka tidak dapat diberi tahu apa itu nikmat kemerdekaan, apa itu kemudahan asas. Kementerian Kewangan tidak perlu pun memotong peruntukan **ini**, Kalau hendak tahu Menteri sendiri pergi cari jalan, pakai T-Shirt, pakai sepatu getah, kasut selipar jepun pergi sendiri tengok baru betul, baru nampak. Jadi kita kalau cakap melaung-laung pun tidak nampak, tidak guna, pandang dengan dua belah mata sendiri, tengok. Peruntukan ini, okay, jadi jangan peruntukan ini mesti mesti. Apa yang tidak boleh, tidak boleh buat. Ini cantik, pergi tengok, kalau orang minta ini cantik, tengok, tidak usah buat. Itu dia dihentikan projek-projek mewah, hentikan bangunan-bangunan yang cantik. Kita kalau rakyat jujur, kita tegas, bangsa kita tetap dipandang mulia di dunia. Tetapi kita satu bangsa yang dihormati dan orang Melayu yang mempunyai maruah dan disegani oleh seluruh dunia.

Jadi apa yang saya sarankan tadi ialah supaya MARA mengambil perhatian yang berat kepada kilang-kilang batik dan songket supaya memberi pelajaran dan latihan melalui KEMAS, kalau boleh dan agensi-agensinya di sebelah pantai barat. Itulah sahaja rasa saya, kalau terlupa nanti, lain kali saya sambung, sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, dan dengan ini saya menyokong Akta yang sebutkan awal tadi dan saya beri peluang kepada kawan-kawan yang lain. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

5.05 ptg.

Tuan Tiong Hiew King: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1987 yang dibentangkan baru-baru ini. Akta ini bertujuan memberi kuasa berkanun menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1987 dan bagi peruntukan wang ini untuk perkhidmatan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia, Encik Daim Zainuddin dalam ucapan beliau ketika membentang Rang Undang-undang Perbekalan 1987 di Dewan Rakyat pada 24hb Oktober yang lalu, oleh kerana keadaan ekonomi antarabangsa kian tidak menentu dan pertumbuhan ekonomi dunia masih tidak menggalakkan maka sepanjang tahun 1985 kedudukan ekonomi negara telah menjadi lebih buruk.

Negara kita akan menghadapi pertumbuhan ekonomi yang rendah dalam beberapa tahun yang akan datang. Bagi tahun 1986 keluaran dalam negara kasar sebenar dijangka tumbuh pada kadar 0.5% sahaja. Harga-harga barang utama kita telah jatuh ke paras yang paling

rendah dan ini menyebabkan kemerosotan dalam pendapatan dalam eksport walaupun pengeluaran bertambah. Import telahpun berkurangan tetapi pengurangan import adalah lebih kecil berbanding dengan kejatuhan nilai eksport, maka ini telah membawa kepada defisit akaun semasa imbalan pembayaran yang lebih besar dalam tahun 1986.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kedudukan dan perkembangan ekonomi negara dan antarabangsa yang tidak menggalakkan itu dalam tempoh dua tahun yang lalu, Kerajaan kita akan mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan sederhana dan stabil. Saya berpendapat langkah-langkah itu atau strategi Belanjawan tahun 1987 lazimnya adalah sesuai dan tepat tetapi kadar pencapaianya masih terkandung kepada taktik-taktik atau tindakan-tindakan yang konkret yang diambil atau serta sikap dan kerjasama rakyat dan sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia, Encik Daim Zainuddin dalam ucapan beliau ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1987 di Dewan Rakyat pada 24hb Oktober yang lalu, memandangkan kedudukan ekonomi negara telah menjadi lebih buruk disebabkan oleh perkembangan ekonomi dunia tidak menggalakkan, Kerajaan kita sedang dan akan mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara dengan sederhana dan stabil. Umpamanya untuk menggalakkan pertumbuhan eksport, duti eksport marginal atas minyak kelapa sawit mentah dikurangkan dan skim pembiayaan kredit eksport diperluaskan kepada eksport getah, minyak kelapa sawit mentah dan minyak isi rong kelapa sawit. Akta Penggalakan Pelaburan 1986

dipinda untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta di dalam sektor perkilangan dan lain-lain langkah untuk meningkatkan kegiatan-kegiatan ekonomi. Dari segi ekonomi, langkah-langkah tersebut adalah baik dan tepi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya selain dari langkah-langkah ekonomi itu, satu perkara yang penting yang harus diberi perhatian iaitu iklim atau suasana politik dalam negeri. Iklim atau suasana politik dalam negeri hendaklah baik dan stabil lalu pihak swasta baik asing atau dalam negeri mempunyai keyakinan terhadap negara dan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kesal kita melihat ketika Kerajaan kita sedang berusaha memperbaiki suasana pelaburan untuk memperkembangkan pelaburan swasta dan meningkatkan keyakinan pihak swasta dengan tujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara, masih banyak pemimpin negara serta Ahli-ahli Parlimen mengutarakan sesuatu mengikut emosi, baik di dalam atau di luar Dewan yang mulia ini tanpa mengambil kira perasaan orang lain, tanpa memikir secara mendalam. Akibatnya timbulah tuduh-menuduh, kritik-mengkritik, curiga-mencurigai, syak-wasangka antara satu sama lain serta antara kaum. Jikalau selalu begitu keadaan kurang baik, bagaimana dapat kita memupuk pihak swasta, baik dari luar atau dalam negeri mempunyai keyakinan terhadap politik negara kita serta mari melabur dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat kita janganlah dibahagi-bahagikan, baik di dalam ucapan, tulisan ataupun pentadbiran. Semua rakyat tak kira apa keturunannya adalah rakyat Malaysia. Seperti terdapat di mana-mana negara, di kalangan rakyat kita ada yang lebih maju, ada yang mundur, ada yang kaya, ada yang miskin, ada yang cerdik, ada yang kurang cerdik, ada yang rajin, ada yang malas. Keadaan ini terjadi akibat berlainan keadaan alam sekeliling yang mana mereka hidup atau mastautin berlainan perkembangan sosial, kebudayaan dan ekonomi mereka. Maka kita harus berusaha meningkatkan produktiviti kita, menambahkan kerja negara dan dengan itulah dapat kita menolong penduduk-penduduk yang kurang maju, dapat kita memendekkan celah antara kaya dan miskin.

Maka saya ingin mengalu-alukan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi tujuan tersebut. Umpamanya, keutamaan diberikan kepada projek-projek pembangunan dan menyediakan keperluan kemudahan

pelajaran yang lebih baik di kawasan luar bandar. Tetapi jangan lupa juga ada orang miskin yang bilangannya pun tidak kecil di kawasan bandar walaupun kadar kemiskinan lebih tinggi di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingi raemuji sikap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato. Seri Dr. Mahathir Mohamad terhadap tunjuk perasaan akhir-akhir **ini**. Beliau mahukan Jawatankuasa Bertindak Rakyat Malaysia cawangan Johor segera memberbentikan segala bentuk kegiatannya termasuk tunjuk perasaan, kerana apa yang penting ialah bantahan kita terhadap lawatan **itu**, bukannya rakyat Singapura. Selain dari **itu**, pada hemat saya kegiatan-kegiatan seperti tunjuk perasaan boleh bawa kesan yang buruk, terutama kepada orang asing yang berhasrat melabur di negara kita.

Maka saya ingin mengesyorkan bahawa ketika kita berusaha memperbaiki suasana pelaburan dan meningkatkan keyakinan pihak swasta, pemimpin kita Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat kita janganlah lupa berusaha mewujudkan suasana politik dalam negeri yang baik dan stabil dengan berhati-hati dalam sebarang ucapan, penulisan ataupun tindak-tanduk supaya isu-isu sensitif tidak dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1987 adalah 25% lebih rendah dari peruntukan Belanjawan **1986**, tetapi Kerajaan tetap memberi keutamaan kepada projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar di mana kadar kemiskinan masih lagi tinggi. Saya menyokong tindakan Kerajaan **itu**.

Berkenaan dengan pembangunan di kawasan luar bandar, saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada keadaan rakyat di pendalaman dan luar bandar di Sarawak. Rakyat di pendalaman dan di kawasan luar bandar masih hidup di dalam keadaan serba kurang walaupun Kerajaan

Negeri Sarawak telah mengambil perhatian berat selama ini dan berusaha memberi kemudahan-kemudahan sebanyak yang boleh, seperti binaan jalan-jalan raya, klinik, sekolah dan sebagainya, tetapi ini adalah jauh dari mencukupi. Keadaan kehidupan rakyat di pendalaman dan luar bandar di Sarawak dibanding dengan keadaan di Semenanjung masih jauh ketinggalan.

Dengan ini ingin saya mengesyorkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya keadaan pendalaman dan luar bandar yang terkebelakang itu diambil perhatian yang sewajarnya dengan memberi peruntukan yang lebih bagi meningkatkan taraf kehidupan, ekonomi dan sosial penduduk luar bandar di Sarawak selaras dengan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang usaha-usaha Kerajaan mengurangkan kemiskinan di kawasan-kawasan luar bandar, saya sangat bersetuju dengan Kerajaan, iaitu usaha meningkatkan daya pengeluaran di sektor pertanian dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan kawasan tanah baru. Setakat yang saya tahu Kerajaan Negeri Sarawak selama ini pun menjalankan projek-projek pembangunan tanah selaras dengan polisi pembangunan Kerajaan Negeri. Oleh itu, ingin saya mengesyorkan bahawa agensi-agensi Kerajaan Persekutuan seperti FELDA, FELCRA dan RISDA dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dengan memperluaskan aktiviti-aktivitinya ke Sarawak. Dengan ini saya yakin pembangunan tanah dapat dipercepatkan dan rakyat luar bandar di Sarawak akan dapat juga meningkatkan taraf kehidupan ekonomi dan sosial dengan menikmati hasil pembangunan ekonomi negeri.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh perkara berkaitan dengan pelajaran. Dalam Belanjawan 1987 sebanyak \$1,037 juta diperuntukkan bagi pelajaran. Sebahagian besar dari peruntukan ini akan digunakan bagi menyediakan keperluan kemudahan pelajaran yang lebih baik kepada penduduk luar bandar. Di bawah Program Pelajaran Rendah, sebanyak \$175 juta diperuntukkan bagi membina 5,000 bilik darjah. Berkennaan dengan Pelajaran Rendah ini saya ingin menarik lagi perhatian Kerajaan kepada keadaan bangunan atau bilik darjah sekolah rendah jenis kebangsaan ini di negeri Sarawak, kebanyakan bangunannya sudah lama dan buruk, ada yang perlu diperbaikkan dan pemeliharaan, ada yang perlu diganti dengan bilik darjah yang baru dengan segera. Maka dalam peruntukan bagi binaan bilik darjah baru atau perbaikkan bilik darjah lama, sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan dapat diberi layanan sama dengan sekolah-sekolah rendah kebangsaan. Dengan ini saya berharap Kerajaan akan dapat memperuntukkan wang yang lebih bagi menyediakan keperluan kemudahan pelajaran rendah yang lebih baik di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kemudahan di peringkat Pelajaran Tinggi, saya difahamkan bahawa Kerajaan telah menetapkan agar universiti-universiti tempatan bermula tahun hadapan menambahkan lagi bilangan pengambilan pelajar dengan tujuan mengurangkan bilangan pelajar yang dihantar ke seberang laut dan menjimatkan dengan itu pertukaran mata wang asing negara. Saya mengalu-alukan tindakan-tindakan Kerajaan itu.

Selain dari itu, saya juga difahamkan Kerajaan tidak akan menubuhkan universiti baru di negeri Sarawak, tetapi hanya akan memperluaskan pusat pengajian tinggi tempatan yang sedia ada di Bintulu, Sarawak. Memandangkan bahawa hanya bilangan kecil pelajar

dari negeri Sarawak diberi tempat setiap tahun di universiti-universiti tempatan, maka ingin saya mengesyorkan kepada Kerajaan agar lebih banyak tempat di universiti-universiti tempatan di Semenanjung dapat diperuntukkan atau disediakan untuk pelajar-pelajar kelulusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dari Sarawak. Dengan itu, saya yakin Kerajaan kita akan berjaya mencapai matlamatnya, iaitu mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negeri dan menjimatkan pertukaran mata wang asing negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyentuh perkara perumahan. Untuk mengatasi kekurangan rumah kos rendah bagi kepentingan rakyat serta menggalakkan pertumbuhan sektor perumahan, Kerajaan telah menetapkan matlamat sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah setahun oleh sektor swasta bagi tempoh tahun 1986 hingga 1988. Dalam hubungan ini, saya yakin Kerajaan-kerajaan Negeri akan memberi kerjasama sepenuhnya agar matlamat skim ini dapat dicapai.

Saya juga difahamkan bahawa untuk tujuan ini Kerajaan telah rnengambil beberapa langkah untuk menentukan harga beberapa jenis bahan binaan utama berada di paras yang berpatutan, juga mengecualikan cukai import sebahagian bahan mentah serta membenarkan import bebas kebanyakan bahan binaan utama. Dengan itu, saya yakin kos pembinaan akan turun dan dengan sokongan sepenuhnya dari pemaju-pemaju perumahan, matlamat skim rumah kos rendah akan dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara pungutan hasil. Pada keseluruhannya saya menyokong langkah-langkah Yang Berhormat Menteri Kewangan mencadangkan. Di sini saya hanya akan menarik perhatian Kerajaan kepada satu, dua perkara yang berkaitan dengan langkah-langkah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, skim potongan pungutan cukai pendapatan telah dilaksanakan di Sarawak. Pekerja-pekerja membayar cukai pendapatan mereka setiap bulan menerusi majikan-majikan di bawah skim potongan bulanan. Saya dapati dan juga banyak pekerja mengadu bahawa setelah taksiran bagi sesuatu tahun dibuat, jikalau terdapat jumlah pembayaran pendahuluan melebihi jumlah cukai yang telah dibayar, bakinya tidak pernah dibayar kembali dengan segera kepada

mereka dan kadang-kadang hanya dibayar kembali satu atau dua tahun kemudian. Maka saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya mengambil perhatian terhadap pelaksanaan pentadbiran yang kurang sempurna dalam hal tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara mengenai penarikan balik pengecualian cukai ke atas pendapatan sewa rumah. Saya berpendapat bahawa jikalau pengecualian ini ditarik balik, ianya akan menambah bebanan seorang pekerja, khususnya ketika kita menghadapi kesulitan-kesulitan yang disebabkan kemelesetan ekonomi dunia. Maka saya berharap agar Kerajaan akan mempertimbangkan lagi perkara ini dan membatalkan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah ucapan saya. Saya sekali lagi menyokong penuh di atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 dan sekian sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan G. Rajoo.

5.24 ptg.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan suatu Belanjawan yang pragmatik dan realistik mengikut keadaan masa, bertujuan untuk mengelolakan pertumbuhan ekonomi dengan sederhana dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sedia maklum, strategi Belanjawan tahun 1987 bertujuan untuk:

- (1) mengurangkan peranan sektor awam di dalam ekonomi dan memperkuatkan kedudukan kewangan negara.

- (2) menggalakkan pertumbuhan eksport, serta mengurangkan import untuk memperbaikiimbangan pembayaran; dan
- (3) memperbaiki suasana pelaburan untuk memperkembangkan pelaburan swasta dan meningkatkan keyakinan pihak swasta.

Saya percaya Belanjawan yang telah dibentangkan itu merupakan suatu Belanjawan yang kurang mendapat sambutan, dengan izin, kurang popular dari rakyat jelata, terutama sekali di kalangan kakitangan awam. Inilah julung kalinya Belanjawan melibatkan kakitangan awam dan oleh yang demikian telah disampaikan dengan begitu berhati-hati.

Saya yakin dan percaya golongan kakitangan awam yang terlibat terpaksa menanggung bebanan dan mengorbankan kemudahan serta kemewahan yang dinikmati selama ini demi kepentingan dan kemakmuran negara.

Kerajaan sedar cadangan Belanjawan ini akan menyusahkan sebahagian golongan rakyat di negara ini, akan tetapi Kerajaan terpaksa mengambil apa juga langkah yang perlu untuk mengatasi keadaan ekonomi yang buruk ini, walaupun tindakan yang diambil itu tidak digemari oleh pihak yang tertentu. Saya berharap kerjasama dan pengorbanan dari semua golongan rakyat, terutama sekali kakitangan awam dalam Kumpulan A, B dan C yang merupakan golongan intelek dan profesional amatlah diperlukan untuk memulihkan keadaan ekonomi negara yang uzur ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya menyokong cadangan-cadangan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini, saya ingin menyampaikan beberapa perkara yang dapat direnungi bersama demi kepentingan rakyat dan negara.

Selain dari mencapai hasrat strategi Belanjawan yang mengurangkan import dan menambahkan eksport serta memperbaiki suasana pelaburan di Malaysia, Kerajaan haruslah juga berusaha ke arah menyatupadukan rakyat yang terdiri dari berbagai kaum dan keturunan. Usaha hendaklah diambil untuk mewujudkan suatu suasana iklim yang aman dan stabil di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum ini. Tanpa perpaduan rakyat dan keamanan, apa juga usaha Kerajaan untuk menarik pelabur asing serta memperkembangkan pelaburan swasta dengan meningkatkan keyakinan pihak swasta tidak akan berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini saya berharap Kerajaan memberi dan menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil dengan syarat-syarat yang longgar untuk membolehkan mereka mencapai kemajuan dan seterusnya kejayaan dalam lapangan perniagaan dan perindustrian.

Pada masa ini nampaknya koporat-koporat gergasi yang mempunyai modal berjuta-juta ringgit senang mendapat pinjaman, manakala peniaga-peniaga kecil disulami dengan birokrasi bank dan susah mendapat pinjaman. Jurang di antara yang berada dengan yang kurang berada semakin jauh dan ketara. Dalam keadaan ekonomi yang lembap ini sudah tentu perkara ini akan menjadi lebih buruk lagi,

Kerajaan hendaklah mengaktivatekan perniagaan-perniagaan kecil untuk memulihkan ekonomi negara. Saya berharap Kerajaan harus memberi perhatian yang serius terhadap perkembangan peniaga-peniaga kecil kerana di sinilah kita dapat mengatasi dan membasmikan kemiskinan negara tanpa mengira kaum yang telah menjadi salah satu aspek dalam Dasar Ekonomi Baru.

Dalam pada ini, Kerajaan haruslah mengadakan lebih banyak program bantuan, baik jangka pendek maupun jangka panjang kepada peniaga-peniaga kecil tanpa mengira kaum bagi peniaga-peniaga kecil semua kaum, termasuk rakyat keturunan India serta mengadakan suatu program pengawasan ke atas kemajuan dan pencapaian peniaga-peniaga kecil ini agar penyelewengan tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan bukan sahaja mengawasi pencapaian dan kemajuan peniaga-peniaga kecil, tetapi lebih berwaspada dan berhati-hati ke atas syarikat-syarikat gergasi serta pengarah-pengarahnya agar mereka tidak, dengan izin, swindle wang rakyat dan Kerajaan.

Dewasa ini penipuan telah berlaku dengan begitu banyak seperti penipuan koperasi, penipuan Syarikat Pan-E1, penipuan Bank Brunei, penipuan ke atas Bank Bumiputra Malaysia Finance (BMF), penipuan ke atas Ka Wah Bank Hongkong, penipuan terhadap saham-saham syarikat gergasi dan list ini boleh dipanjangkan lagi dan penipuan-penipuan ini dirancangkan dengan begitu sophistikated dan susah hendak dikesan. Apa yang amat mengeciwakan adalah orang-orang yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan syarikat-syarikat ini sendiri telah melakukan curang dan melibatkan dalam penipuan dan menjatuhkan imej negara di kalangan peniaga dunia seperti kata pepatah: harapkan pagar, pagar makan padi pula.

Tuan Yang di-Pertua, jika keadaan tidak terkawal, dan tindakan yang tegas tidak diambil, saya khuatir lebih banyak lagi penipuan dan pencurian akan berlaku yang akan menjelaskan keyakinan pelabur-pelabur asing melabur di negara ini. Saya berharap Kerajaan akan meminda undang-undang yang sedia ada **ini**, untuk menjatuhkan hukuman penjara mandatory ke atas penjenayah-penjenayah perdagangan, dengan izin, "commercial crimes" serta merampas sebarang harta yang dimiliki oleh mereka dan melelongkannya agar pihak yang kena tipu itu tidak mengalami kerugian. Perkara begini akan menjadi satu pengajaran dan akan menjauhkan niat mereka untuk menipu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan mengurangkan \$3,400 juta atau 11% lebih rendah daripada Anggaran Belanjawan 1986 berikutan dengan kedudukan ekonomi antarabangsa dan ekonomi negara yang merosot mengakibatkan penjejasan hasil negara. Walau bagaimanapun, jumlah wang sebanyak \$20,739 juta atau 76% yang diperuntukan bagi Perbelanjaan Mengurus adalah terlalu tinggi. Dalam peruntukan Perbelanjaan Mengurus ini, 38% adalah bagi bayaran gaji dan 29% adalah bagi bayaran hutang. Peruntukan yang besar bagi bayaran gaji adalah disebabkan oleh penyelarasang gaji pekerja-pekerja kumpulan C dan D dan pengambilan lebih ramai guru.

Kerajaan hendaklah mencari jalan mengurangkan lagi Perbelanjaan Mengurus dengan berbagai tindakan yang perlu. Perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan, sewaan, pembelian barang-barang oleh agensi-agensi Kerajaan hendaklah dikawal dengaa lebih rapi dan ketat lagi. Hanya barang-barang yang perlu sahaja hendaklah **dibeli**.

Dalam aspek ini, saya berharap Kerajaan akan memperketatkan lagi pembelian kereta-kereta baru bagi kegunaan agensi-agensi Kerajaan.

Adakalanya kereta-kereta baru yang dibeli itu jarang-jarang digunakan dan jika digunakan pun bagi tujuan persendirian. Ini merugikan Kerajaan. Langkah-langkah pengawasan yang ketat terhadap kegunaan kereta rasmi agensi-agensi ini hendaklah dilakukan oleh Kerajaan.

Satu lagi perkara yang merugikan Kerajaan dalam penyelenggaraan kereta rasmi ini adalah berkaitan dengan pembaikannya. Kereta-kereta yang boleh dibaiki dan digunakan lagi, kadangkala dikondem dan tidak digunakan lagi, serta mereka membeli kereta baru. Kerajaan hendaklah lebih berwaspada dalam soal kondem kereta ini agar menjimatkan wang Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengambil langkah yang bijak untuk mengurangkan defisit keseluruhan Belanjawan Kerajaan Persekutuan dengan mencadangkan berbagai langkah seperti menaikkan kadar faedah pinjaman perumahan dan pinjaman kereta, memperketatkan lagi syarat kelayakan mendapat pinjaman, mengenakan yuran baru dan menaikkan yuran yang sedia ada kepada beberapa perkhidmatan Kerajaan, mengurangkan bilangan pekerja sektor awam dan perwakilan diplomatik, penswastaan, pengubahsuaian skim biasiswa dan penghapusan pemberian pencen. Langkah-langkah ini adalah wajar akan tetapi hendaklah dilaksanakan dengan berhati-hati. Jika tidak, saya khuatir anasir-anasir anti-nasional akan mengambil peluang dan mencetuskan huru-hara di kalangan rakyat serta distabilisekan keadaan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kadar faedah ke atas pinjaman perumahan dan pinjaman kereta yang dinaikkan ke atas pinjaman baru dari yang sedia ada itu tidaklah begitu patut. Kenaikan faedah pinjaman sebanyak 1% bagi pinjaman perumahan ke

atas kakitangan awam Kumpulan C adalah terlalu tinggi. Seorang kakitangan awam Kumpulan C yang mendapat pinjaman \$90,000 terpaksa membayar lebih kurang \$75 lebih setiap bulan dan jika mempunyai pinjaman kereta terpaksa membayar lebih kurang \$30 lebih sebulan. Kenaikan ini telah mengurangkan, dengan izin, "take home pay" seorang kakitangan Kumpulan C sebanyak lebih kurang \$100. Jumlah ini adalah terlalu besar dan akan menyusahkan kakitangan awam. Lebih-lebih lagi semasa Kerajaan tidak dapat menimbangkan penyelarasan gaji sektor awam yang dituntut oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja, Seorang yang berada dalam kesusahan tidak akan memberi perkhidmatan yang 100% dan pengeluarannya akan berkurangan. Pada keseluruhannya, ini akan menjelaskan mutu perkhidmatan Kerajaan.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya Kerajaan akan menghapuskan kenaikan kadar faedah ke atas pinjaman yang sedia ada kepada kakitangan Kumpulan C. Kerajaan bolehlah menimbangkan kenaikan faedah 1% ke atas pinjaman yang baru bagi kakitangan dalam Kumpulan A dan B sahaja.

Saya percaya, kenaikan faedah ke atas pinjaman baru sahaja lebih munasabah kerana mereka yang ingin mengambil pinjaman lebih mengetahui jumlah potongan yang akan dikenakan dan dapat menyesuaikan kedudukan kewangan mereka. Kerajaan hendaklah mengenakan kenaikan faedah hanya ke atas pinjaman-pinjaman baru sahaja manakala pinjaman yang sedia ada hendaklah diteruskan dengan kadar yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit tentang suatu golongan pekerja awam yang telah mengambil pinjaman perumahan tetapi menghadapi nasib yang malang akibat projek-projek perumahan yang terbengkalai. Kakitangan Kerajaan ini telah memohon pinjaman dan diluluskan pinjaman maximum-

nya mengikut kos harga rumah **itu**. Pada mulanya Kerajaan mengeluarkan pinjaman sebanyak 30% dari kos rumah kepada pemaju. Akan tetapi, walaupun pemaju perumahan tidak dapat menyelesaikan projeknya, potongan gaji kakitangan awam itu dimulakan selepas 18 bulan ke atas jumlah pinjaman maximum yang diluluskan dan bukan ke atas jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan. Kebanyakan projek yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh 18 bulan itu, dibiarkan begitu dan terbengkalai, Usaha-usaha untuk mengesan syarikat perumahan dan pemaju itu sentiasa gagal dan sipeminjam pinjaman perumahan ini di tinggalkan dalam keadaan dilemma atau, dengan izin, "left in the lurch".

Saya berasa simpati terhadap golongan pekerja ini yang berjumlah lebih kurang 2,000 orang dari beberapa projek terbengkalai, yang terpaksa membayar balik ansuran pinjaman perumahan yang tinggi ke atas rumah yang belum disiapkan serta membayar sewa rumah untuk di duduki pada masa yang sama. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji keadaan yang rumit ini dan membuat suatu keputusan untuk menyelesaikan keadaan rumit ini.

Saya bercadang Kerajaan hendaklah mengkaji kemungkinan membuat potongan bayaran balik hanya ke atas jumlah pinjaman yang dikeluarkan sahaja dan bukannya ke atas jumlah wang yang diluluskan. Jika projek itu disiapkan nanti, adjustment boleh dibuat untuk menambahkan potongan. Ataupun sebagai satu alternatif, Kerajaan hendaklah mengeluarkan baki pinjaman yang diluluskan itu, selepas 18 bulan kepada peguam sipeminjam uncuk disimpan selaku "stakeholders" dalam akaun pelanggan atau, dengan izin, "clients account" agar dapat sipeminjam menikmati faedah menampung kos potongan yang tinggi **itu**. Saya percaya Kerajaan akan mengkaji suatu daripada alternatif ini dengan serius dan mendalam untuk menyelesaikan masalah nasib malang pekerja-pekerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalau-alukan langkah Kerajaan untuk mengkaji semula proses penswastaan untuk menjadikannya lebih mudah dan berkesan. Langkah Kerajaan untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu dengan memajakkannya pada harga nominal sebanyak \$1.00 adalah langkah yang bijak dan tepat pada masanya. Saya yakin dan percaya dengan menswastakan Keretapi Tanah Melayu mutu perkhidmatan akan di tingkatkan lagi serta menguntungkan pihak yang sanggup menjalankannya secara komersial.

Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengkaji kemungkinan menswastakan perkhidmatan keselamatan di semua agensi Kerajaan terutama sekali perkhidmatan jaga di setiap jabatan dan Kementerian di negara ini.

Sebagai permulaan Kerajaan bolehlah menswastakan perkhidmatan jaga di sekolah-sekolah di bawah naungan Kementerian Pelajaran Malaysia. Selain daripada menswastakan perkhidmatan jaga, Kerajaan boleh juga menswastakan perkhidmatan tukang kebun dan tukang sapu di sekolah. Dengan adanya penswastaan pekerja-pekerja jaga, tukang sapu dan tukang kebun, Kerajaan mungkin dapat menjimatkan wang dalam jangka masa panjang. Kerajaan tidak perlu lagi membayar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, membayar pencen atau mensubsidikan perkhidmatan kesihatan dan sebagainya. Dalam jangka masa yang panjang Kerajaan pasti akan dapat menjimatkan wang.

Oleh yang demikian saya berharap Kerajaan benar-benar mengambil daya usaha untuk mengkaji kemungkinan menswastakan perkhidmatan jaga, tukang kebun dan tukang sapu di sekolah-sekolah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk menutup perwakilan diplomatik yang tidak perlu serta menghadkan bilangan diplomat dan pekerja untuk menjimatkan perbelanjaan adalah suatu langkah yang cermat dan patut dipuji. Apabila Kerajaan melaksanakan kekurangan saiz perwakilan diplomat nanti, saya berharap Kerajaan akan memberi keutamaan kepada diplomat dan pekerja yang mempunyai pengalaman dan mahir dalam hal-hal ekonomi dan perdagangan untuk dikekalkan dalam jawatan mereka.

Saya berharap Kerajaan akan menempatkan pegawai-pegawai yang mahir dalam hal-hal ekonomi dan perdagangan di Perwakilan perwakilannya di seberang laut. Pada masa ini pegawai diplomat yang menjalankan urusan perdagangan di seberang laut adalah terlalu sedikit.

Sebilangan besar perwakilan diplomat kita di seberang laut belum mempunyai pegawai-pegawai perdagangannya. Pegawai-pegawai diplomat yang berkelayakan perdagangan dan ekonomi dapat memainkan peranannya dengan lebih agresif untuk menarik lebih banyak lagi pelabur ke negara kita serta mendapat pasaran kepada bahan mentah keluaran barang Malaysia,

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi juga telah menambah jumlah penganggur di negara kita ini. Kadar pengangguran pada tahun 1986 telah meningkat ke paras 8% dan lebih kurang 500,000 orang didapati menganggur di negara ini. Keadaan pengangguran yang tinggi ini adalah tanda isyarat bahaya jika sekiranya langkah-langkah positif tidak diambil oleh Kerajaan. Apa yang menyediakan ialah adanya pemuda-pemuda yang mempunyai ijazah juga turut menganggur. Penganggur-penganggur graduan ini perlulah diberi perhatian agar mereka tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir tertentu untuk

menjalankan kempen kebencian terhadap Kerajaan. Oleh yang demikian Kerajaan hendaklah mengkaji kemungkinan memberi pinjaman dari World Bank loan yang tidak dapat digunakan oleh peniaga bumiputera dengan sepenuhnya kepada penganggur graduan ini supaya dapat mereka menceburi diri dalam bidang pertanian dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini Kerajaan hanya menyediakan sebanyak 98 juta ringgit di dalam Anggaran Pembangunan untuk tujuan membiayai rumah-rumah kos rendah. Sokongan dan usaha Kerajaan bagi menggalakkan pertumbuhan sektor perumahan tidaklah mencukupi. Kerajaan hendaklah memberi keutamaan kepada pemaju-pemaju perumahan yang ingin mendirikan rumah kos rendah, Birokrasi dalam meluluskan permohonan untuk mendirikan projek perumahan hendaklah dikurangkan.

Selain daripada itu, sekatan bahawa 30% rumah diberi kepada kaum bumiputera hendaklah dikurangkan jika lebih banyak permintaan dari kaum bukan bumiputera diterima. Ada kalanya peruntukan kuota bumiputera tidak dapat dipenuhi kerana kurang minat daripada mereka.

Kerajaan hendaklah mengkaji kemungkinan mengarahkan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memberi kebenaran menukar milik dan menghapuskan sekatan bahawa milik tanah tidak boleh ditukar nama. Keadaan begini akan menggerakkan lagi industri perumahan dan semua rumah di sesuatu projek dapat dibeli oleh orang-orang yang berminat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun ini, sewajarnyalah menggambarkan keazaman Kerajaan untuk mengatasi kemelesetan ekonomi negara. Sesiapa yang dapat kerugian akibat Belanjawan ini, seharusnya memahami kedaan yang sebenarnya dengan harapan keadaan ekonomi negara akan bertambah baik pada masa akan datang agar kita semua menikmati kehidupan yang lebih selesa. Saya menyokong penuh Belanjawan 1987 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Stephen Timothy Wan Ullok.

5.46ptg

Tuan Peter Timothy Wan Ullok: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbe-kalan 1987, DR 25/86.

Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila beliau membentangkan Rang Undang-undang ini telahpun menegaskan iaitu keadaan ekonomi negara adalah lembab dan harga barang utama kita adalah turun.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan rasa penghargaan kepada Kerajaan Malaysia di atas pandangan luas Kerajaan pada jangka panjang dan analisa yang begitu mendalam di atas masalah negara.

Adalah sudah nyata iaitu Kerajaan kita telahpun mengenal pasti segala masalah atau 'problem areas', dengan izin, dan juga sudah mencadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah itu. Jikalau Kerajaan dapat berjaya dalam melaksanakan langkah-langkah yang telah dicadangkan itu, besarlah harapan kita taitu masalah negara akan dapat diatasi pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya anggap amatlah penting iaitu pihak yang diamanahkan dengan tanggungjawab untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan akan menjalankan tugas mereka dengan sikap yang bersih, cekap dan amanah.

Tuan Yang di-Pertua, strategi untuk Belanjawan 1987 ialah:-

- (i) memperkuuhkan kedudukan kewangan negara;
- (ii) menggalakkan pertumbuhan eksport sambil mengurangkan import; dan
- (iii) memperbaiki suasana pelaburan dan mengembangkan pelaburan swasta.

Kehidupan harian kita haruslah berasaskan di atas falsafah ini. Saya berpendapat falsafah ini sangatlah sesuai untuk negara yang membangun seperti negara kita memandangkan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, untuk menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan perkara yang berikut:-

(1) Pertanian dan Kemajuan/Pembangunan Tanah

Negara kita adalah kaya di bidang tanah. Kerajaan kita menggalakkan pekebun-pekebun kecil mahupun pekebun-pekebun besar ataupun sistem estet. Walau bagaimanapun, adalah di-kesalkan masih juga kita mengalami kekurangan dan kita masih mengimport barang-barang makanan seperti beras, jagung, buah-buahan dan lain-lain.

Saya berpendapat jikalau negara kita ingin mencapai taraf daya pengeluaran berbanding dengan negara barat atau negara-negara yang mampu mengeluarkan hasil berlebihan, kita harus mengambil sikap 'scientific farming', dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, pernah juga saya berucap di Dewan yang mulia ini pada masa dahulu mengenai perkara keluasan tanah di negara kita. Misalnya di Sarawak, luas kawasan tanah bertaraf rendah ataupun lowland plain, dengan izin, mahupun di kawasan dataran tinggi, plateau area, dengan izin. Nampaknya tanah-tanah ini palinglah sesuai dan berpotensi untuk menjadi padang ternak. Iklim dan tanah di kawasan tersebut memanglah boleh bersifat semula jadi sebagai padang rumput. Jikalau kemudahan infrastruktur dapat dibina oleh Kerajaan di kawasan ini, mungkin sektor swasta ingin hendak mencuba nasib mereka untuk melabur.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa bangga melihat ada peruntukan sebanyak \$1,623 juta yang bermakna 28% daripada Bekalan Pembangunan 1987 untuk sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab melihat keadaan di negeri Sarawak di mana pembangunan di bidang pertanian adalah kurang dibanding dengan keadaan di Semenanjung Malaysia ataupun sudah ketinggalan jauh ke belakang, kita berharap agar Kerajaan kita akan bertimbang memperuntukkan lebih besar lagi bekalan untuk negeri Sarawak pada masa akan datang. Ingin saya menyeru agar Kerajaan menimbang berat untuk mewujudkan banyak lagi projek-projek kemajuan tanah menerusi FELDA, FELCRA dan RISDA di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kita patut janganlah tergantung kepada sedikit sahaja bilangan tanaman seperti kelapa sawit, koko dan lain lagi. Kerajaan patut membuat penyelidikan cara mendalam di bidang crop diversification, dengan izin. Ekonomi dunia sentiasa mengalami keadaan kemerosotan dari semasa ke semasa. Jikalau ekonomi kita dirancang dengan rapi, kesan-kesan buruk kemelesetan ekonomi dapatlah dielak atau dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab bilangan penduduk-penduduk negara kita kecil dibanding dengan potensi pengeluaran dan kemampuan kita untuk mengeluar hasil tanaman yang berlebihan, dalam pendapat saya supply akan sentiasa melebihi demand di dalam konteks barang-barangan utama di negara ini. Oleh sebab yang demikian, strategi pasaran di kalangan eksport kita haruslah dirancang secara agresif. Sikap yang diambil oleh negara-negara maju adalah tidak memuaskan. Cara perlindungan dan tarif war, dengan izin, dan farm subsidy mengakibatkan gangguan besar. Oleh sebab yang demikian, kerjasama dan perhubungan muhibbah antarabangsa antara Malaysia dan negara-negara maju haruslah diwujud dan dikekalkan.

(2) Pelancongan

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menarik perhatian kepada Kerajaan untuk memperuntukkan banyak lagi kemudahan untuk menarik pelancong-pelancong ke negeri Sarawak dan Sabah. Selaras dengan hasrat untuk menuju Lapangan Terbang Subang sebagai pintu masuk yang terbesar di rantau ini MAS patut meningkatkan penerbangan jenis Airbus atau DC-10 ke bandar utama di Sabah dan Sarawak. Jikalau perhubungan ini dibaiki tetaplah ramai pelancong asing akan melawat Taman Negara Mulu dan Taman-taman Negara yang lain di Sabah dan Sarawak.

(3) Perumahan

Saya berasa bangga dan mengalu-alukan target Kerajaan untuk membina 80,000 rumah kos rendah setahun pada tahun 1986 hingga 1988. Izinkan saya untuk memberi satu pandangan supaya Kerajaan menimbangkan cadangan supaya jangan bersaing dengan pihak swasta untuk membina rumah kos rendah yang bersama harga dan mutu di waktu kemelesetan ekonomi ini. Kita berharap agar Kerajaan akan beri sokongan untuk menumpukan bantuan dari segi end financing ataupun skim pinjaman yang luas kepada pembeli-pembeli yang layak. Langkah-langkah ini akan membantu pemaju rumah dalam masa yang begitu sukar akibat kemelesetan ekonomi dan kekurangan wang.

Untuk mengakhirinya, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh satu perkara yang menarik kepada hati penduduk-penduduk di Ulu Sungai di negeri Sarawak. Perkara ini ialah 'timber and logging activity', dengan izin, ataupun kayu balak dan kegiatan membalak.

Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dinafikan iaitu kayu balak adalah satu sumber ekonomi yang penting di Sarawak. Kita ada juga mendengar iaitu ada satu rakyat asing yang sudah masukkan dirinya di kaum Penan berdekatan dengan Taman Negara Mulu. Beliau pernah juga dilaporkan di dalam suratkhabar tempatan dan majallah di Eropah. Saya ingin hendak berucap di atas perkara ini sebab ada pihak yang tertentu yang cepat untuk mengambil sebarang kesempatan untuk mengancamkan dasar-dasar Kerajaan. Ingin saya menegaskan, sungguhpun kayu balak adalah sumber yang boleh dianggap exhaustable, dengan izin, namun hasil dari jualan kayu balak adalah memberi hasil keuntungan kepada negara. Penduduk-penduduk tempatan di kawasan Baram sudah sedar tentang kepentingan industri kayu balak yang membawa hasil kepada Kerajaan. Sungguhpun demikian, ingin juga saya meng-

ingatkan pihak Kerajaan iaitu kegiatan pembalakan tetap mengganggu cara hidupan tradisional kepada kaum Penan, Kayan, Kenyah, Iban dan lain-lain Orang Asli berdekatan dengan kawasan hutan berkenaan. Mereka yang hidup beberapa abad bergantung kepada hutan di sekitar sungai Baram misalnya tetaplah mengalami sebarang halangan akibat pembalakan. Nelayan-nelayan di perairan Malaysia ada juga diberi perlindungan dan bantuan dari pihak Kerajaan. Pertolongan yang serupa juga patut diberi kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan hutan yang berkenaan. Mereka patutlah diberi peluang jujur untuk terlibat di dalam peluang pekerjaan mahupun di bidang perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, ramai dari bilangan penduduk-penduduk itu mungkin tidak mampu untuk terlibat dengan cara langsung di industri kayu balak. Untuk mereka yang demikian patutlah Kerajaan menimbang untuk membentukkan tabung atau yayasan dari mana wang khas dapat diperuntukkan untuk membekalkan sumbangan kepada mereka. Orang Penan yang baru sahaja berminat untuk diam tetap di satu kawasan tidak mempunyai kemahiran untuk membina rumah dan bertanam padi. Mereka ini harap kepada bantuan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sedikit ucapan yang saya kemukakan berkenaan dengan Belanjawan Tahun 1987. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1987. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang.

5.58 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk turut sama membahaskan Rang Undang-udang yang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun

1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perbekalan **1987** yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah satu perbekalan yang cermat, yang disesuaikan dengan keadaan ekonomi negara. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan yang begitu berani mendedahkan keadaan Perbekalan yang begini rupa sehingga boleh mencetuskan beberapa pihak melahirkan rasa tidak puas hati kerana kedapatan dalam Perbekalan itu beberapa perkara yang menjelaskan keadaan yang ada dan boleh mengurangkan kemewahan yang sepatutnya didapati oleh seseorang pegawai Kerajaan dan sebagainya. Saya rasa kita harus bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. atas nikmat yang melimpah luah untuk dinikmati oleh rakyat semua dalam negara kita Malaysia ini dan kita berasa syukur kerana bumi Malaysia ini masih subur dan iklimnya masih baik, suasana kelilingnya masih aman dan negara ini masih mampu mengeluarkan bahan-bahan keperluan untuk rakyat dan juga bahan-bahan untuk dieksport ke luar negeri.

Maka keadaan-keadaan yang seperti ini haruslah kita sama-sama sebagai rakyat memerhati dan meneliti begitu kasihnya Tuhan atau begitu kasihnya Allah s.w.t kepada rakyat Malaysia ini sehingga dapat di berikan pemeliharaan dan kawalan yang begitu rupa sehingga kita boleh hidup dengan keadaan sebagaimana yang kita rasai sekarang **ini**.

Manakala kita meneliti antara Perbekalan tahun 1986 dibandingkan dengan Perbekalan 1987 ini tentulah terasa oleh rakyat dan terasa oleh semua pihak keperitan perubahan yang diberikan ataupun yang didedahkan oleh Kementerian Kewangan, demi untuk memelihara keadaan dan suasana negara dan demi untuk menyelamatkan negara daripada banyak berhutang daripada luar negeri. Walaupun kita boleh hidup mewah, tetapi kalau kemewahan itu dapat daripada duit orang lain atau sumber kewangan dari negara luar untuk mendapatkan kemewahan, sedangkan negara ini hilang keperibadiannya, saya mengucapkan setinggi tahniah di atas keadaan perbekalan yang begini rupa. Walau pun ini kita rasa satu perbekalan yang boleh menjelaskan dan boleh menarik satu perhatian kepada rakyat, tetapi rakyat harus faham, inilah cara-cara yang harus kita ambil perhatian supaya semua rakyat bertanggungjawab dan menjalankan tugasnya dengan sempurna, menjalankan tanggungjawabnya dengan baik dan setiap rakyat baik rakyat yang terpelajar ataupun rakyat yang tidak terpelajar, baik rakyat peringkat atas atau rakyat peringkat bawahan harus masing-masing berfikir bagaimana cara untuk hidup dan bagaimana cara menyelamatkan jenerasi yang akan datang. Kerana yang menjadi keluhan kepada rakyat sekarang ini disebabkan banyak perancangan-perancangan yang didedahkan oleh Kerajaan terbengkalai begitu rupa dan banyak wang negara habis

begitu sahaja, banyak wang negara ditelan begitu sahaja dengan tidak ada apa yang boleh dibanggakan dan tidak boleh menyambung keadaan bagi memberi keselesaan kepada rakyat yang akan datang. Ini telahpun dijelaskan oleh beberapa orang rakan saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mendedahkan berbagai-bagai perkara berhubung dengan perancangan-perancangan Kerajaan yang terbengkalai dan perancangan-perancangan yang sepatutnya telah sedia dapat disiapkan, tetapi tidak dapat disiapkan. Rancangan-rancangan yang patut telah selesai tetapi tidak selesai, kadang-kadang projek-projek itu terdedah begitu sahaja, kadang-kadang kita pernah melihat dan menyaksikan bahawa beberapa harta Kerajaan bersepeh begitu sahaja dengan tidak ada kawalan, tidak kira dari segi apapun keadaan kita nampak bahawa banyak kecuaian berlaku di dalam melaksanakan perancangan-perancangan ini. Jadi oleh kerana dengan ketatnya kewangan ini keluar dengan begitu susahnya perbekalan ini dibuat, maka saya rasa ini akan mendatangkan satu perubahan kepada rakyat dan mereka yang bertanggungjawab supaya dapat tahu begitulah susahnya untuk mendapatkan suatu bekalan ataupun untuk menyelesaikan satu-satu rancangan yang telah dirancang, yang menggunakan kumpulan-kumpulanwang yang begitu besar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ini dapat disedari oleh semua rakyat bahawa pengangguran yang dilaung-laungkan yang begitu banyak berlaku pada rakyat, kita tidak boleh bercakap hanya mengatakan bahawa pengangguran ini berlarutan. Beberapa orang pelajar-pelajar kita yang telah lulus daripada pengkajian tinggi atau pengkajian pertengahan yang duduk menganggur tidak ada kerja. Sebenarnya kerja banyak - kerja banyak, cuma tidak mahu kerja.

Pengangguran yang ada hari **ini**, kalau kita tengok, kalau kita mahu nilaikan, kalau kita mahu berjalan pengangguran ini adalah

dibuat oleh diri orang itu sendiri, bukan pengangguran itu datang kerana tekanan keadaan negara, sebab kita tengok bahawa orang yang menganggur itu boleh pakai motosikal, orang yang menganggur itu boleh pakai cantik dan orang yang menganggur itu boleh berfoya-foya ke sana-sini dan orang yang menganggur itu kalau orang muda boleh berjalan dengan kawan perempuannya atau kawan lelakinya. Di mana letaknya bahawa kita kata pengangguran ini terlalu banyak?

Sebenarnya, pengangguran yang kita maksud ialah pengangguran orang yang putus mata pencarian, yang tidak ada ikhtiar yang dibuat, tetapi bagi mereka ini banyak ikhtiar boleh dibuat, banyak kerja boleh dibuat. Kalau kita sebutkan di Dewan ini berkali-kali dan berulang-ulang, pihak Menteri pun bercakap tentang tanah terbiar. Tanah terbiar ini yang sebenarnya boleh dikerjakan oleh orang yang bijak pandai, boleh dikerjakan oleh anak-anak kita yang mempunyai ilmu pengetahuan, tetapi anak-anak ini tidak diberikan semangat untuk memulihkan keadaan, suasana keliling untuk mencari makan sendiri, untuk bekerja sendiri, mencari keperluan sendiri. Malahan kedapatan di akhir-akhir ini bahawa anak muda kita, yang kita letakkan di dalam kebimbangan, yang banyak menagih dadah dan sebagainya, kalau kita kalau mencari, kalau kita mahu mencari, kalau kita mahu berjalan, mahu kita buat penyelidikan, maka kita dapati ialah anak-anak yang segak, yang badannya sihat, yang akal baik, tetapi mereka ini tidak mahu menggerakkan tulang, tidak mahu bekerja, malahan mereka lebih suka duduk di waktu petang berkumpul-kumpul, kadang-kadang duduk dengan tidak ada mendatangkan apa faedah sehingga larut. Kalau kita bawa kepada bangsa Melayu duduk dengan tidak mengindahkan langsung tentang kewajipannya kepada Allah

s.w.t. Kalau begini keadaan semua rakyat tidak mahu bertanggung-jawab dalam keadaan yang macam **ini**, hanya kita mendedahkan ini semua kepada Kerajaan, ini akan membimbangkan kita.

Saya rasa peruntukan kewangan Perbekalan Tahun 1987 yang didedahkan ini, patutlah disambut dengan baik dan patut diterima dengan baik dan diamalkan dengan baik, sebab perbekalan yang diuntukkan kepada Kementerian-kementerian saya nampak tidak berapa jauh susut daripada peruntukan yang sudah diberi pada tahun 1986. Tetapi yang menjadi masalah ialah tentang perlaksanaan, perlaksanaan inilah yang menjadi masalah bahawa kita mahu supaya rakyat dapat menerima wang-wang yang ditaburkan ini dengan tidak memberikan faedah yang baik kepada mereka. Biasa macam itulah, Tuan Yang di-Pertua, Tuhan mengajar kita pun macam itu juga, kalau kita sudah leka, sudah **lalai** maka tidak ada cara lain hendak mengejutkan kita, mesti datangkan bala. Bala itu adalah satu rahmat, bala itu satu rahmat yang diberikan oleh Allah s.w.t kepada manusia supaya manusia mengingatkan dirinya, apakah kesilapan-kesilapan, apakah kesalahan, apakan dosa yang telah mereka lakukan. Bagi orang yang beriman manakala bala datang dia terpaksa berfikir, dia berfikir di atas kebesaran Allah bahawa bala yang datang ini tentulah ada satu-satu kesilapan yang mereka lakukan, kalau tidak Tuhan tidak datangkan bala kerana Tuhan bersifat 'Rahman', bersifat 'Rahim', bersifat Pemurah, bersifat Penyayang. Hamba yang taat direndai Tuhan, tetapi hamba yang derhaka balalah akan didatangkan oleh Allah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dengan begitu keadaannya saya menarik perhatian patut rakyat berfikir kalau hendak disentuh bagi segi perkhidmatan kakitangan Kerajaan saya pun rasa sedih juga tentang kehilangan kemudahan yang akan dilaksanakan, bahawa skim pasaraan itu akan dihabiskan tempohnya, maknanya orang yang akan datang ini tidak akan diberi peluang bersara; bersara diberi tetapi faedah bersara tidak ada - boleh bersara. Jadi, dengan sebab keadaan ini berlaku, saya suka mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya umur persaraan ini patut dikaji semula. Kalau sudah tidak boleh dapat faedah selepas bersara, umur untuk bersara ini harus dikaji semula supaya membolehkan orang yang bersara itu untuk membuat penghidupan yang lain bagi menyambung kehidupannya selepas bersara.

Saya suka mencadangkan supaya umur bersara bagi orang perempuan ini, kalau 45 tahun sekarang ini boleh buat bersara pilihan, turunkan 5 tahun jadi 40 tahun. Yang lelaki diberi bersara pilihan 50 tahun, turunkan ke 45 tahun. Ini kita bagi peluang bukan kita suruh dia bersara. Ini pandangan saya. Sebab umur 40 tahun dan umur 45 tahun adalah satu umur yang akan menerima perubahan iaitu perubahan gerak yang begitu cergas dia akan mula slow, dia akan mula pelahan, baik dari segi fizikalnya atau dari segi mentalnya. Kerana kita tengok orang yang bekerja umur 45 tahun sudah tidak upaya, dia sudah letih. Dia kata saya sudah tua tunggu pencen, saya sekarang tidak boleh cekap lagi, saya sudah tua hendak tunggu pencen. Saya sudah tua ini hendak tunggu pencen tidak boleh cekap lagi sekarang. Cuma sekarang dia kata saya sudah **tua**, apa hendak jadi selepas ini pun tidak tahu, pencen tidak ada. Itu cakap pula

akan timbul.

Jadi, kita bagi bersara pilihan umur 45 tahun itu dia boleh lagi berusaha, berikhtiar menyambung hidupnya. Kalau dia hendak masuk dalam lapangan perniagaan, dia boleh masuk. Kalau hendak masuk dalam lapangan pertanian, dia boleh masuk dalam lapangan pertaniaan. Kalau dia hendak berternak, dia mampu lagi untuk berternak tetapi kalau umur 55 tahun: mata pun sudah kecil, leher pun sudah kurus, yang perempuan itu pun berjalan sudah tidak terdaya, bawa beg kecil pun sudah tidak boleh, baharu hendak bersara. Dapat pula duit faedah lebih kurang, anak ada pula lagi,tidak habis lagi tanggungan, tidak selesai lagi masalah, dapat \$12,000; \$10,000; \$5,000; \$6,000 hendak buat apa duit ini, masa itu pula tidak tahu nilainya. Ini bagi orang yang ada peluang bersara. Orang yang tidak ada peluang bersara, lainlah ceritanya. Inilah yang saya katakan.

Jadi, kalau boleh umur bersara ini dirancangkan semula, dibuat kajian semula, bagi peluang kepada orang yang telah penat berkhidmat ini untuk menyambung hidup dengan saki baki wang yang dia boleh terima daripada imbuhan perkhidmatannya selama dia bekerja. Ini pada pandangan saya. Sebab itu, saya kaitkan cadangan ini dengan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ini patut buat beberapa perancangan yang baharu bagi mendatangkan faedah kepada pencarum-pencarum.

Saya ucapkan tahniah, kerana ada kita baca dalam berita tentang faedah daripada duit yang dilaburkan dalam kumpulan KWSP ini akan diletakkan dalam dividen, tidak diletakkan dalam faedah. Saya harap ini dapat dilaksanakan dengan segera supaya dengan dividen ini boleh menghilangkan suasana keadaan curiga yang timbul. Wang KWSP ini juga, saya suka mencadangkan, kalau bentuk umur penceh yang saya dedahkan tadi maka duit daripada KWSP ini boleh dikeluarkan, dipendekkan masanya. Maknanya bagi wanita yang berumur 40 tahun

boleh keluarkan duitnya setengah untuk berniaga, untuk dia hendak melabur, menyambung hidup, yang setengah itu umur 50 tahun boleh keluarkan, turunkan 5 tahun. Yang si lelaki ini umur 45 tahun boleh keluarkan setengah, 50 tahun itu boleh keluarkan semua. Baharu ada faedah duit yang disimpan dalam KWSP. Tetapi kalau tidak boleh, masih tetap dengan keadaan yang ada sekarang 50 tahun baharu keluar duit semua sekali, maka saya rasa ini amat mendukacitakan. Tidak boleh membuat projek, tidak boleh membuat perancangan setelah kita bersara daripada jawatan kerana umur pun sudah lanjut, tenagapun sudah tidak kuat, duit yang ada pun tidak sampai ke mana.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh juga tentang kewangan ini iaitu dalam masalah yang saya sebutkan tempoh hari bahawa kumpulan KWSP ini bagi mereka yang hendak beli rumah, mereka yang hendak beli rumah boleh memohon mengeluarkan sebahagian wang dengan peraturan-peraturan yang tertentu. Tetapi bagi orang yang tidak hendak membeli rumah, tetapi dia ada rumah di atas tanah yang dia punya, dia tidak ada hasrat untuk hendak berhutang banyak, dia tidak ada hasrat beli rumah banyak, tetapi yang dia berhasrat untuk mengubahsuai rumahnya, ini saya rainta sekali lagi pihak Kementerian Kewangan patutlah memikirkan balik supaya wang yang seperti ini dapat diagihkan juga untuk dikeluarkan kepada orang-orang yang ada mempunyai rumah. Dia hendak ubahsuaikan rumahnya kerana dia hendak cari duit sendiri tidak ada, hendak pinjam loan Kerajaan dia tidak hendak fasal dia pun dekat bersara, dekat hendak habis umur sudah 45 tahun, hendak pinjara tidak terdaya, tanggungan banyak, anak ramai, duit sedikit, gaji pun tidak banyak. Jadi, dia hendak ubahsuaikan rumah, dahulu dia ada satu bilik kerana dia tidak ramai keluarga.

Pengalaman yang saya cakap ini adalah rintihan daripada rakyat

luar bandar, bukan saya cakap ini, saya pakai reka bagitu, sudah kita tinjau. Manakala keluarganya sudah besar, anak-anak sudah besar, bilik satu tidak sesuai lagi, terpaksa buat dua bilik atau dua tidak sesuai lagi, buat tiga bilik, hendak cari duit tidak ada, hendak pinjam duit tidak ada tempat hendak pinjam, yang ada duit dalam tabung KWSP. Apa salahnya, bagilah kemudahan, suruh dia kemukakan berapa estimate, peruntukan untuk hendak buat ubahsuai rumah itu, kemudian kita timbang berapa peratus mengikut akta yang akan kita buat.

Jadi, saya rasa rakyat akan buka mata dan tidak membebankan banyak rakyat tentang berhutang ini walaupunkita galakan hari ini rakyat supaya buat rumah, rakyat beli rumah tetapi rakyat yang ada rumah itu kita tolong jaga sedikit rumahnya. Ini amat patut, sebab ada dua tiga orang yang mengemukakan kepada KWSP hendak ubahsuai rumah memohon keluarkan sebahagian wangnya tetapi tidak ada undang-undang yang membolehkan. Jadi, dengan sebab itu melalui Dewan ini saya menyampaikan hasrat rakyat luar bandar supaya mereka yang bekerja dengan Kerajaan atau bekerja dengan swasta ini dapat diberikan kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga tentang wang yang dicarumkan ke dalam KWSP ini ada ura-ura supaya wang ini dapat dilabur bagi orang Islam ke dalam Bank Islam yang kita baca cerita baru-baru ini. Saya harap kalau ini boleh dilaksanakan bolehlah tolong laksanakan. Bank Islam telah memberikan kesanggupan kalau wang itu dicarumkan ke dalam Bank Islam. Ini patut kerana sekarang ini semua orang hendak cari keredaan Allah. Kalau hendak buang semua mungkin kita tidak boleh buat. Tetapi kita cuba kurangkan perkara-perkara yang boleh menolong kita, kita laksanakan.

Dan begitu juga saya ingin mengingatkan supaya penyata tahunan yang telah disebut oleh seorang kawan saya Yang Berhormat hari itu supaya penyata tahunan dalam simpanan KWSP ini disampaikan kepada semua pencarum-pencarum, kerana kita tidak tahu berapa duit kita ada. Tidak payahlah kita minta kerana itu rasa saya dengan kita menggunakan Komputer dan sebagainya banyak kemudahan yang kita boleh dapat maka tolonglah supaya penyata ini dapat dihantar kepada semua pencarum. Inipun jadi masalah juga bagi rakyat. Dan boleh jadi masalah juga kepada mereka yang sudah lupa duit dia, kerana dia berkhidmat dulu umur dia 18 tahun sampai 30 tahun, kemudian dia kahwin, dia berhenti ikut suami, dia sudah lupa, dia langsung tidak ingat. Jadi kalau tidak dihantar penyata itu dia tidak tahu duit dia. Kalau dihantar penyata ini, dia ingat, oh! ada duit aku di sini, kata dia. Ini jadi masalah kerana kita ini bukan semua orang tamak duit. Ada juga orang yang tidak tamak. Bukan tidak hendak duit tetapi tidak diingatkan duit dia itu ada. Ini biasa macam bank misalnya. Kadang-kadang kita simpan buku bank duit kita \$10

ataupun \$15 dalam bank berpuluhan tahun kita tidak pernah keluarkan. Lepas itu bank hantar satu surat kepada kita, dia tanya apa macam, duit ini hendak tuntut, tidak hendak tuntut, kalau tidak hendak tuntut, bank akan menutup kira-kira itu, begitu sahaja. Jadi ada orang yang mengingatkan walaupun \$10 tetapi KWSP ini yang \$10 kerana bertambah-tambah. Jadi dengan sebab itu saya menyerulah supaya ini dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dalam peruntukan Jabatan Perkhidmatan Awam - **B.8 ini.** Semua nampaknya baik dari pihak pemerintah, baik daripada pihak majikan, baik daripada pihak kakitangan, baik daripada rakyat, baik daripada pihak Kerajaan, tidak habis-habis menyatakan, membuat rungutan tentang kecekapan pegawai-pegawai. tadbir ini. Ini. saya rasa manusia ini tidak boleh manusia ajar. Melainkan yang boleh mengajar Allah taala sahaja. Kalau kita jerit-kan macam mana pun suruh buat cekap, amanah, bersih, itu slogan yang kita buat supaya manusia beramal tetapi manusia yang tidak nampak cahaya dia tidak boleh. Tidak boleh hendak buat apa kerana dia tidak ada pegangan dan tidak ada apa yang dia takut. Melainkan orang yang takut sahaja yang boleh mengerjakan sesuatu dengan baik dan sempurna. Macam mana pun falsafah ini harus kita amalkan dan harus kita mengaku, manusia yang takut sahaja yang boleh mengerjakan pekerjaannya dengan penuh tanggungjawab. Manusia yang tidak takut dia akan mengerjakan apa yang dia suka, dia tidak peduli orang. Kalau Tuhan pun dia tidak peduli, orang lebih lagi dia tidak peduli, apa dia kesah, tidak ada kesah langsung.

Walaupun berkali-kali kita cakap supaya pegawai-pegawai tadbir ataupun kakitangan-kakitangan Kerajaan dapat memberi khidmat yang baik, tetapi tiap-tiap kali kita bersidang dalam Dewan ini perkataan

itu timbul juga. Dengan sebab itu, saya suka mencadangkan manusia ini cara dia kalau hendak buat terpaksa kita pujuk **dia**, kita berikan panduan kepada dia. Kita berikan didikan kepada dia. Semoga dengan keadaan itu dia akan perlahan-lahan berubah sikap. Kita tidak juga boleh menyalahkan manusia kerana manusia ini adalah tempat melakukan kesalahan. Ini tidak boleh dinafikan kerana Rasulullah s.a.w. sendiri pun mengingatkan bahawa manusia ini adalah tempat melakukan kesalahan. Siapa dia manusia mengatakan dia tidak salah, itu bukan manusia. Cuma sekarang kita memperkatakan tentang kejahatan manusia. Tentang tidak bertanggungjawabnya manusia tetapi ada jalan yang ditunjukkan kepada kita macam mana kita hendak menyelamatkan manusia ini.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kakitangan-kakitangan Kerajaan ataupun kakitangan yang diberi tugas ini, baik daripada pihak atasan, baik bawahan hendaklah selalu diberikan kursus perkhidmatan dan kursus-kursus kerohanian, ini saya beri pandangan. Sekurang-kurangnya tiga bulan sekali. Kumpulkan betul-betul dan beri penerangan, ingatkan **dia**, sedarkan **dia**. Bila buat macam **ini**, agak saya akan banyak meninggalkan kesan.

Saya bercakap ini di atas benda yang pernah kita buat. Saya bersyukur kepada Allah taala kerana banyak Jabatan-jabatan Kerajaan yang begitu progresif, yang ada inisiatif sendiri mengadakan kelas-kelas agama, panggil guru datang ke jabatan, kumpulkan kakitangan kita berikan ceramah, berikan penerangan, berikan penawar hati supaya mereka terbuka pemikirannya, mahu dia mengabdikan **diri** Kepada Allah. Selepas dia mahu mengabdikan **diri** kepada Allah, dia nampak

jalan-jalan yang lurus, jalan-jalan yang betul, baru dia boleh berkhidmat, baru dia boleh amanah, baru dia boleh jujur kerana dia tahu yang dia ini adalah diberi tanggungjawab dan setiap tanggungjawab ini akan dihadapkan bukan sahaja kepada manusia, bukan sahaja kepada Kerajaan, bukan sahaja kepada rakyat, malahan akan didetaikan sendiri oleh Allah taala. Ini bagi orang yang beriman.

Jadi dengan sebab itu, saya mencadangkan supaya kursus perkhidmatan ini diberi kepada setiap diri orang itu tiga bulan sekali kerana kita sendiri pun Tuhan beri didikan macam **itu**. Kalau tidak, tidak suruh sembahyang lima waktu. Sembahyang lima waktu itu menolong diri kita. Mengingatkan kita kesalahan yang kita lakukan di antara satu waktu dengan satu waktu. Seminggu sekali diwajibkan sembahyang Jumaat di masjid, dilaungkan kepada kita hendaklah kamu takut akan Allah. Tujuannya mempastikan dosa satu minggu itu, kerja satu minggu **itu**, pergaulan kita satu minggu, percampuran kita satu minggu, keadaan masyarakat satu minggu didedahkan dalam khutbah supaya didengar. Baru dia ada perasaan ingat, tetapi yang tidak pernah pergi, tidak ada perubahan. Kalaualah kita katakan sembahyang itu, ada orang kata sembahyang itu berat, bagi orang yang tidak beriman, bagi orang yang tidak nampak jalan, tetapi bagi orang yang nampak jalan dia kata sembahyang ini satu kebahagiaan yang dia rasa, dia rasa bahagia, dia rasa lapang, dia rasa riang, dia rasa syukur bila dia telah menuaikan sembahyang. Tetapi orang yang tidak sembahyang, dia kata sembahyang ini susah.

Begitulah keadaannya dengan keadaan tugas harian. Bagi orang yang tugas hariannya yang tidak diberikan penerangan yang jelas, tidak diberikan panduan perkhidmatan yang baik maka dia rasa dia

seronok, tetapi kalau kita beri dia betul-betul dia rasa dia perit setelah dia faham dia terasa dia bahagia.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini rasa saya penting. Kalau ini dapat dibuat kerana ini tidak mendatangkan perbelanjaan, tidak melibatkan wang Kerajaan, cuma kita hanya mengadakan penceramah, mengadakan orang yang boleh memberikan penerangan, penjelasan, memberi pendorongan yang baik kepada perkhidmatan dan amalan harian sebagai kita manusia, sebagai insan, rasa saya ini insya Allah. Kita tidak boleh cakap banyak lagi, kalau banyak sahaja kita cakap inilah jadinya. Kadang-kadang kita tanya lain, dia jawab lain. Kita hendak lain dia jawab lain. Kita kata macam **ini**, dia pusing dekat sana. Jadi kita pun naik bingong. Kita kata orang ini tidak betul, dia kata kita tidak betul. Lepas itu dia kata, aku sengaja hendak temberang. Bukankah sakit hati!

Jadi dengan sebab itu jangan lahir orang yang bentuk macam **ini**, cakap benda yang betul. Tidak betul jangan cakap. Kalau tidak, tidak usah beri jawapan, kerana apa yang kita perbuat ini kita dipertanggungjawabkan. Dengan sebab itu, saya menekankan dalam Jabatan Perkhidmatan Awam perkara ini harus dibuat, tambahan pula dengan pelaksanaan Akta ARR ini.

Banyak orang takut. Dan ada pula orang yang berkabung nampaknya. Sudah ikat lengan - mati. Ikat dekat baju. Siapa pun saya tidak kenal, di luar itu banyak. Dia kata sudah mati, entah apa yang mati pun tidak tahu.

Kalau orang yang betul-betul jujur, dia tidak takut. Apa takut pula, ini Undang-undang tidak perlu takut. Kalau kita tidak salah apa kita takut. Jadi dengan sebab itu saya mencadangkan supaya

untuk menjaga kemurnian, kebersihan, kecekapan dan menyelamatkan kakitangan Kerajaan dan kakitangan semua sekali termasuk kita semua, maka ini saya harapkan dapat dibuat awal tahun akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menyambung pada hari esok, kerana masa pun sudah cukup. Saya minta maaf.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga pukul 2.30 petang hari esok, hari Selasa, 9hb Disember, 1986.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

[Jawapan bagi Pertanyaan No.17 hingga 23 adalah diberi di bawah ini]

BADAN PETUGAS UNTUK PENGURUSAN KRISIS

17. Puan Mazidah binti Haji Zakaria minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan mempunyai satu Badan Petugas untuk pengurusan krisis yang boleh dipertanggungjawabkan untuk mengambil tindakan serta-merta apabila berlaku sesuatu malapetaka atau kecemasan besar yang boleh melibatkan seluruh negara atau rakyat yang besar bilangannya, contohaya seperti 'black-out' yang berlaku hampir di seluruh negara disebabkan kerosakan bekalan elektrik dalam bulan Jun tahun lalu dan penumpahan asid di jalanraya di Johor baru-baru ini. Siapakah dan bagaimanakah ditentukan tindakan serta-merta yang perlu diambil apabila krisis seperti ini terjadi.

Dato' Negat Junid bin Megat Ayob: Jentera Pengurusan Krisis bagi bertindak apabila berlakunya sesuatu malapetaka atau kecemasan yang melibatkan sebilangan besar rakyat jelata telahpun ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Jentera tersebut ialah Jawatankuasa Bantuan Bencana Alam Negara dan Jawatankuasa Pentadbiran Awam. Jawatankuasa Bantuan Bencana Alam bertanggungjawab menyelaras usaha-usaha bantuan kepada mangsa-mangsa malapetaka. Manakala Jawatankuasa Pentadbiran Awam pula bertanggungjawab menyelaras tindakan-tindakan terhadap krisis berkaitan pemeliharaan ketenteraman awam, pemberontakan dan pencerobohan dari luar.

Apabila berlaku sesuatu krisis, bilik-bilik gerakan digerakkan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah yang berkenaan di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) dan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah (JKKD). Bilik-bilik gerakan ini bertindak menyelaras tindakan yang perlu

bagi menghadapi krisis tersebut di peringkat masing-masing. Di samping itu tiap-tiap agensi yang terlibat seperti Polis, Tentera, Jabatan Kebajikan dan sebagainya akan menggerakkan bilik gerakan masing-masing bagi mengarahkan segala tindakan perlu secara lebih berkesan dari agensi mereka.

Kesemua jentera Kerajaan yang terlibat dalam operasi ini iaitu MKN, JKKN, JKKD serta Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang lain mempunyai pelan gerakan masing-masing bagi bertindak. Kesemua tindakan adalah diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

EMPANGAN HYDRO-ELEKTRIK BATANG AI - PENDERITAAN RAKYAT

18. Tuan Wong Kie Yik minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar penduduk-penduduk Batang Ai, yang mempunyai tanah-tanah yang ditenggelami air akibat pembinaan Empangan Hydro-Elektrik Batang Ai mengalami penderitaan dan penghidupan yang kurang sempurna kerana kekurangan pencarian harian. Apakah cadangan-cadangan Menteri berkenaan untuk membantu mereka itu yang telah berkorban untuk faedah dan kepentingan Negara.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:

Dalam melaksanakan setiap projek pembangunan, Kerajaan sedar bahawa matlamat muktamadnya ialah kesejahteraan semua penduduk-penduduk/rakyatnya.

Oleh itu, bagi mereka yang tanah dan tanamannya di tenggelami air akibat pembinaan Projek Batang Ai, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan bahawa taraf kehidupan mereka bertambah baik dan masa depan mereka tetap cerah:

- (1) Keluarga-keluarga yang terlibat dipindahkan kepada rumah-rumah panjang yang moden di kawasan yang mempunyai kemudahan-kemudahan berikut:-
 - (a) bekalan air bagi setiap pintu
 - (b) bekalan elektrik
 - (c) sekolah rendah
 - (d) klinik desa
 - (e) pusat perkhidmatan
 - (f) kemudahan perdagangan
 - (g) Pejabat Pertanian dan Pentadbiran
 - (h) tempat-tempat sembahyang
 - (i) pusat-pusat rekreasi

- (j) stesyen polis
 - (k) jalan semua cuaca
- (2) Wang tunai telah dibayar sebagai gantirugi kepada keluarga-keluarga yang terlibat. Sebanyak \$44 juta telah dibayar kepada 596 buah keluarga.
- (3) Disamping itu setiap keluarga diberi lebih kurang 11 ekar tanah (5 ekar getah, 3 ekar cocoa. 2 ekar padi dan 1 ekar tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan) dan SALCRA (Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority) telah ditugaskan untuk memajukan tanah tersebut bagi mereka.
- (4) Kerajaan juga sedang berusaha membangunkan projek-projek penternakan ikan (reservoir fishery) dan pelancongan untuk menambahkan peluang-peluang pekerjaan bagi keluarga-keluarga yang terlibat itu.

KEMEROSOTAN HARGA GETAH

19. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha-usaha utama yang akan dilaksanakan bagi mengatasi kemerosotan harga getah. Lebih 500 ribu penduduk negara ini bergantung rezeki dari hasil getah.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Dr.Lin Keng Yaik]: Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan adalah sentiasa memandang berat terhadap masalah kemerosotan harga getah yang dihadapi oleh pengeluar-pengeluar getah Malaysia, khususnya pekebun-pekebun kecil akibat daripada keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang teruk dan berpanjangan. Berbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kesan buruk akibat daripada kemerosotan harga getah ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedudukan harga getah adalah dipengaruhi oleh keadaan bekalan dan permintaan dunia dan ini bergantung kepada kegiatan ekonomi di negara-negara pengguna dan pengeluar dunia keseluruhannya. Malaysia adalah hanya merupakan salah satu negara pengeluar getah asli dan oleh yang demikian, secara bersendirian tidak mampu mempengaruhi tahap kedudukan harga mengikut kehendaknya.

Dalam hubungan ini, dalam usaha untuk menentukan keadaan harga adalah stabil dan tidak terus jatuh ke paras yang lebih rendah lagi dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia, Kerajaan Malaysia telah menjalankan langkah-langkah penstabilan harga di peringkat antarabangsa, melalui penglibatan aktif dalam Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (international Natural Rubber Organisation)(INRO) serta Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (Assocition of Natural Rubber Producing Countries)(ANRPC) dan di peringkat kebangsaan bagi menentukan ruang pasaran terjamin dan harga yang berpatutan melalui

kegiatan pembelian getah pekebun-pekebun secara langsung oleh MARDEC dan RISDA.

Dalam usaha-usaha Kerajaan melalui Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) sejak beberapa tahun kebelakangan ini, harga purata getah bulanan telah dapat dipertahankan dari jatuh ke bawah lingkungan 180 sen/kg walaupun dalam keadaan yang paling teruk. Adalah dianggarkan tanpa INRA, harga getah mungkin telah jatuh ke paras yang lebih rendah lagi dalam lingkungan 120 sen/kg dalam keadaan ekonomi dunia yang teruk dan berpanjangan. Ini bermakna INRA telah membantu menahan kejatuhan harga getah dari jatuh ke paras yang lebih teruk lagi dalam keadaan ekonomi dunia yang meleset.

Dengan adanya kegiatan pembelian secara langsung getah pekebun-pekebun kecil oleh RISDA dan MARDEC, pekebun-pekebun kecil telah disediakan ruang pasaran yang terjamin dan harga yang berpatutan kerana dalam keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan, pembeli-pembeli runcit swasta tidak akan membeli semua getah keluaran pekebun-pekebun kecil. Oleh yang demikian, dengan langkah-langkah tersebut sedikit sebanyak telah dapat mengurangkan masalah pengeluar-pengeluar getah Malaysia khususnya pekebun kecil akibat daripada kemerosotan harga getah dunia.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini keadaan harga getah telah menunjukkan pemulihannya di mana ia telah meningkat kepada kira-kira 220 sen/kg berbanding dengan 180 sen/kg dalam bulan Januari tahun ini.

BERAS PULUT/BERAS BIASA - PENYELUDUPAN

20. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah pikul beras pulut dan beras biasa yang telah diseludup ke negara ini dapat dirampas dari bulan Januari hingga 31hb, Oktober 1986 dalam masa sepuluh bulan berlalu, dan apakah sebabnya beras dari negara asing selalu sangat terdapat diseludup ke negara kita ini, adakah ini kerana harga beras keluaran negara kita lebih mahal jika dibandingkan dengan harga beras negara jiran kita.

Menteri Perusahaan Awam [Datin Paduka Rafidah Aziz]: Antara bulan Januari hingga Oktober 1986, LPN telah merampas sebanyak 1,842.3 tan metrik beras dan 278.3 tan metrik beras pulut. Memanglah benar berlakunya penyeludupan beras dari negara jiran adalah disebabkan oleh harga beras tempatan lebih mahal berbanding dengan harga beras dari negara jiran. Sebagai contohnya harga beras gred A1 tempatan adalah diantara \$1.04 hingga \$1.11 sekilogram berbanding dengan harga beras Siam dalam gred yang sama hanyalah antara 50 sen hingga 60 sen sahaja sekilogram.

DISIPLIN MURID-MURID SEKOLAH

21. **Tuan Paramjit Singh** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) apakah sebab bertambahnya masalah disiplin di kalangan murid-murid sekolah dalam negara kita;
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan ujudnya disiplin di dalam sekolah-sekolah; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan polarisasi kaum tidak berlaku di kalangan murid-murid di sekolah-sekolah.

Tuan Woon See Chin:

- (a) Terdapat beberapa sebab atau faktor yang menimbulkan masalah disiplin di kalangan murid-murid sekolah dalam negara kita ini.

Di antaranya ialah berpunca dari diri murid itu sendiri, faktor keluarga, faktor persekitaran dan faktor sekolah.

- (b) Di antara langkah-langkah yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran untuk mewujudkan disiplin dan mengurangkan polarisasi;
- (c) Di kalangan murid-murid adalah:
 - 1.1 Meningkatkan kecekapan guru-guru mengajar dalam matapelajaran-matapelajaran dan Pengetua-Pengetua dalam pengurusan sekolah, melalui kursus-kursus, bengkel-bengkel dan sebagainya.
 - 1.2 Mengeluarkan buku-buku panduan seperti Buku Panduan Am Disiplin Sekolah, Buku Panduan Disiplin Sekolah Untuk Ibu Bapa, Buku Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru, Buku Panduan Penyalahgunaan Dadah dan lain-lain surat pekeliling yang dihantar ke sekolah-sekolah dari masa ke masa.
 - 1.3 Menggalakkah gerakerja ko-kurikulum bagi memupuk persefahaman dan perpaduan serta membentuk perwatakan yang mulia di kalangan murid-murid.

Walau bagaimanapun masalah **disiplin** dan **polarisasi** kaum tidaklah sepatutnya dipertanggungjawabkan kepada pihak sekolah sahaja. Ibubapa dan pemimpin-pemimpin masyarakat perlu juga memberi sumbangan yang positif dan membina bagi mengatasi masalah **ini**.

BURUH KONTRAK

22. **Tuan G. Rajoo** minta Mentert Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah buruh kontrak yang masih bekerja di ladang-ladang getah dan kelapa sawit dan dari negara-negara mana mereka datang;
- (b) sama ada Kementerian bercadang melanjutkan kontrak mereka setelah habis tempoh kontrak mereka; dan
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk menarik lebih ramai lagi penduduk tempatan bekerja di ladang-ladang ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga akhir bulan Oktober 1986, seramai 732 orang buruh asing bekerja di sektor ladang di negara ini. Mereka adalah terdiri dari 619 rakyat Bangladesh dan 113 rakyat Indonesia.

Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang untuk melanjutkan Pas Lawatan (Kerja Sementara) pekerja-pekerja asing ini apabila tamat tempoh perkhidmatan mereka selama 2 tahun di negara ini.

Untuk menarik lebih ramai rakyat Malaysia bekerja di ladang-ladang, Kementerian Buruh melalui Jabatan Tenaga Rakyat telah menubuhkan 'Briged Kerja' di mana belia-belia yang menganggur dan berdaftar dengan Jabatan itu dikumpulkan dan dibawa melawat ladang-ladang yang memerlukan pekerja untuk diperkenalkan dan didedahkan kepada suasana dan kebaikan kerja di ladang. Adalah dijangkakan bahawa usaha ini akan mengubahg sikap belia supaya berminat untuk bekerja di ladang-ladang, Sehingga kini seramai 425 orang penganggur telah dibawa melawat ke sepuluh buah ladang di negeri Pahang Darul Makmur, Perak, Selangor, Trengganu dan Johor dan hanya 137 orang daripadanya yang sanggup bekerja. Usaha ini akan diterus-kan lagi bagi meliputi lebih banyak ladang-ladang yang memerlukan pekerja.

MELANCONG KE CHINA - KEBENARAN

23. **Tuan Ng Ah Poi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah Kementerian beliau akan membenarkan rakyat Malaysia melancung ke negeri China, sambil itu bermula terus dan bebas dengan peniaga-peniaga Negeri China supaya perniagaan tidak dikuasai sepenuhnya oleh pihak Negeri China demi untuk kepentingan peniaga Malaysia khasnya dan untuk faedah negara amnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Saya ingin tegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak menyekat peniaga-peniaga Malaysia yang bono-fide melawat Republik Rakyat China bagi tujuan mengadakan perniagaan terus dengan negara tersebut. Bagi makluman Yang Berhormat, sejak tahun 1984 hingga September, 1986 seramai 4217 orang peniaga telah-pun dibenarkan melawat negara itu atas tujuan ekonomi dan perdagangan.

Di samping itu Kerajaan juga membenarkan rakyat Malaysia yang bekerja dengan syarikat-syarikat antarabangsa melawat Republik Rakyat China atas urusan resmi syarikat, sekiranya lawatan itu akan mendatangkan faedah ekonomi kepada Malaysia sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan rakyat Malaysia melawat Republik Rakyat China secara terus dan bebas untuk tujuan melancung atas sebab-sebab keselamatan.